

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 20**

**Khamis**

**6 Disember 2012**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (Halaman 36)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 6 Disember 2012**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan sejauh manakah Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia di bawah Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF) dapat mengawal penyedia perkhidmatan televisyen, radio, pemilik laman web, penulis blog dan apa saja yang terpapar di media elektronik supaya dapat menjaga batasan bahan yang disiarkan.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kod kandungan komunikasi dan multimedia atau KOD yang telah didaftarkan secara rasmi pada 1 September 2004 telah menjadi garis panduan kepada semua pihak industri ke arah kawal selia sendiri dari aspek kandungan yang disiarkan di samping menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri yang sering berubah.

Untuk makluman, seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 melarang sebarang bentuk kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mencaci, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. Ini memerlukan pengamal KOD memastikan setiap bahan disebar tidak mengandungi apa-apa perkara yang menyinggung tatasusila dan kesopanan, menyakiti perasaan orang awam dan juga akan memungkinkan berlakunya perbuatan jenayah atau membawa kepada kacau bilau atau yang menghina serta bersifat mengancam.

Justeru, bagi memastikan peruntukan ini difahami dan dipatuhi oleh pengamal KOD dan menjaga batasan bahan yang disiarkan, tatacara dan penjelasan mengenainya telah digariskan secara terperinci di dalam KOD tersebut. Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh pihak Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau CMCF sekiranya berlakunya pelanggaran KOD yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Puan Roslin. Saya minta kerjasama Yang Berhormat kalau ada soalan tambahan itu, angkatlah

dengan cepat sebab saya akan beri keutamaan kepada yang mempunyai soalan itu. Jadi berdirilah dengan cepat. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Kita tahu bahawasanya kemajuan dalam perkembangan teknologi elektronik memang begitu pantas menyebabkan kesukaran untuk membendung penyebaran bahan tidak sesuai dan bahan yang berunsur penipuan di alam maya termasuk penyalahgunaan hak peribadi seseorang.

Kanak-kanak seawal usia enam tahun pun sudah pandai dan bebas melayari laman web. Dewasa ini percambahan laman sosial begitu ketara. Facebook yang dilancarkan pada 2008 kini mempunyai 845 juta pengguna aktif. Bermakna soalan tambahan saya adalah sejauh manakah keberkesanan Biro Aduan CMCF ini untuk menerima aduan dan bertindak ke atas penyiar yang gagal mematuhi kod kandungan atau kandungan dalam laman web selari dengan Akta Komunikasi dan Multimedia.

Kedua, apakah langkah CMCF untuk memastikan penyedia dan penyiar perkhidmatan mematuhi kod kandungan yang ditetapkan oleh CMCF dan ketiga sejauh manakah pengguna mampu memainkan peranan masing-masing untuk memilih kandungan yang sesuai untuk mereka. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan agak panjang dan boleh saya katakan di sini bahawa Yang Berhormat sendiri faham betul berkenaan dengan *internet* dan kod kandungan tersebut dan memang ditugaskan kepada forum tersebut bahawa mereka menjalankan tugas untuk satu untuk mengajar dan menerangkan kepada rakyat jelata berkenaan dengan apakah ertinya kod kandungan tersebut dan memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat percambahan maklumat-maklumat yang mungkin tidak sejajar dengan nilai-nilai kita di timur, memang ada sedikit mengancam dari segi moral dan pembangunan sosial kita.

Akan tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa forum ini sentiasa mengadakan *road show* untuk menerangkan lebih lanjut lagi berkenaan dengan apakah penggunaan *internet* yang patut kita guna dan bagaimana kita boleh menggunakan ia untuk memanfaatkan rakyat kita dan membangunkan rakyat Malaysia.

#### ■1010

Suka saya katakan di sini bahawa sepanjang tahun ini dari Januari ke bulan Jun, terdapat beberapa aduan. Sebanyak 122 aduan telah disampaikan kepada forum dan 89 darinya telah pun selesai dan didapati bahawa tidaklah sebegitu teruk dari segi kandungan di mana aduan dibuat. Yang lain masih dalam siasatan iaitu 33 lagi masih dalam siasatan tetapi boleh juga saya terangkan di sini bahawa beberapa perkara tidak terletak di tanggungjawab forum iaitu berkenaan dengan bidang politik, keselamatan negara dan juga agama tidak termasuk dalam bidang kuasa forum ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih. Soalan saya susulan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Daripada 122 aduan, katanya 89 telah selesai dan 33 lagi masih dalam siasatan. Yang saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, 89 yang dikatakan selesai ini bagaimana bentuk penyelesaiannya? Adakah penyelesaian mentang-mentang sudah diadu, sudah dibuat itu? Jadi, dengan kata-kata lain saya ingin tahu apakah kes yang paling serius daripada 80 yang dikatakan telah selesai ini? Apakah bentuk penyelesaiannya? Selain daripada kes yang paling serius apakah tindakan punitif atau penalti yang paling berat dikenakan? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Tuan Yang di-Pertua, dari semua 89 kes yang telah selesai, tidak ada tindakan seperti hukuman, kompaun yang telah diambil. Ini kerana terdapat kes-kes ini tidak sebegitu berat dan tidak sampai ke tahap di mana hukuman boleh dijatuhkan. Ianya diselesaikan di peringkat forum sahaja. Tidak pun diangkatkan kepada peringkat MCMC. Tidak ada misalnya kompaun atau pun berkenaan dengan sekatan, berkenaan dengan lesen, tidak sampai ke peringkat itu.

Seperti mana yang telah saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa 33 yang masih dalam siasatan itu saya tidak boleh katakan kesemuanya begitu ringan dan 89 tadi ianya hanya aduan, tidak sampai ke tahap boleh diambil tindakan dari segi hukuman. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Walaupun tidak ada tindakan tetapi saya ingin tahu apakah tindakan yang paling serius secara relatif daripada yang 89 itu?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Seperti mana yang telah saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tindakan punitif yang telah diambil kepada mana-mana yang telah selesai. Oleh kerana kesemuanya walaupun ia berbagai-bagai tetapi tidak ada sampai ke tahap yang boleh diambil tindakan punitif. Terima kasih.

**2. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Kewangan menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan International Monetary Fund (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 4.4 peratus tahun ini dan 4.7 peratus tahun 2013 walaupun di peringkat dunia cuma 3.3 peratus tahun ini dan 3.6 peratus tahun 2013 sahaja.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia oleh IMF pada kadar 4.4% bagi tahun 2012 dan 4.7% bagi tahun 2013 adalah lebih tinggi berbanding unjuran pertumbuhan ekonomi dunia keseluruhannya. Ini telah dibuat oleh IMF pada awal Oktober 2012.

Mengikut IMF, unjuran ini mengambil kira kedudukan Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka di mana keadaan persekitaran luar yang tidak menentu boleh memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan.

Namun demikian IMF juga berpendapat, impak ini dapat dikurangkan memandangkan Malaysia mempunyai kekuatan daya tahan ekonomi domestik dan asas ekonomi yang mampan serta disokong oleh perancangan pembangunan negara jangka pendek dan jangka panjang yang menyeluruh bagi mengekalkan momentum kecergasan pertumbuhan ekonomi negara.

Sesungguhnya kerajaan giat melaksanakan pelbagai langkah untuk merancang aktiviti ekonomi domestik bagi membantu mengimbangi ketidaktentuan persekitaran luar. Langkah ini termasuk pelaksanaan Projek Program Transformasi Ekonomi dan Transformasi Kerajaan serta pelaksanaan beberapa inisiatif utama kerajaan dalam menarik pelaburan.

Hasilnya Malaysia berjaya menarik pelaburan langsung asing dengan peningkatan sebanyak 24.9% kepada RM36.6 bilion pada tahun 2011 dan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM23.2 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2012. Impak daripada usaha ini akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara serta dapat mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar.

Usaha-usaha kerajaan ini telah pun membuahkan hasil yang positif. Perangkaan terkini menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi Malaysia terus menggalakkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.2% dalam tempoh suku ketiga 2012 dipacu oleh kecergasan aktiviti ekonomi domestik terutamanya oleh perbelanjaan pelaburan dan penggunaan swasta.

Dengan mengambil kira perkembangan terbaru ini, KDNK negara telah mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2012. Kerajaan yakin jangkaan sasaran 4.5% hingga 5% bagi tahun 2012 dan 4.5% hingga 5.5% bagi tahun 2013 akan dapat dicapai melebihi unjuran yang dibuat oleh IMF. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berbunyi, memandangkan bahawa keyakinan para pelabur dan pengusaha dalam negeri dan luar negeri adalah begitu penting kepada ekonomi negara, jadi apakah usaha kerajaan untuk meneruskan, meyakinkan lagi para pelabur dan pengusaha tempatan dan juga luar negeri terhadap suasana ekonomi negara? Ini memandangkan bahawa pada masa ini juga ada pihak-pihak yang mementingkan diri, tidak habis-habis memburukkan dan mencemarkan imej negara khususnya untuk menakutkan pelabur dan pengusaha tempatan dan luar negeri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang begitu penting. Pertamanya, kerajaan memang mengambil langkah-langkah yang pelbagai dan berkesan untuk menarik pelaburan. Pelaburan ini cukup penting. Bukan sahaja pelaburan domestik tetapi juga pelaburan dari luar. Kita lihat di antara program yang besar yang dibuat ialah dengan melalui program transformasi ekonomi dan projek-projek EPP ini.

Contohnya kalau dilihat di pembangunan koridor di Iskandar Johor umpamanya. Bagaimana pelaburan yang lebih RM100 bilion telah pun dapat menjana kegiatan ekonomi dan menyumbang kepada pertumbuhan negara. Begitu juga belanjawan yang dibuat oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus menarik pelaburan dalam negara kita. Kesan kegiatan-kegiatan yang negatif ini boleh menjejaskan pelaburan terutamanya pelaburan asing.

■1020

Kita lihat keadaan ekonomi di Thailand umpamanya hari ini dan sebelum ini, banyak terjejas dengan demonstrasi yang tidak habis-habis bahkan sekarang sudah mula balik. Kalau kita bercakap dengan peniaga-peniaga di Thailand, ini sebenarnya telah memberi kesan yang begitu negatif kepada mereka. Jadi moga-moga apa yang dilakukan di negara lain ini tidak dilakukan di negara kita. Moga-moga kawan-kawan kita membantu untuk memastikan kestabilan ekonomi negara terus kekal untuk kita menikmati hasilnya. Barangkali bukan sahaja untuk kita tetapi lebih penting untuk anak-anak kita dan cucu-cucu kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meramalkan 4.5% dan IMF meramalkan 4.4%. Ini dikira satu ketepatan. Walau bagaimanapun, ini tetap ramalan. Pertanyaan saya ialah bagaimanakah ramalan ini tidak tepat. Kemerosotannya menurun lagi dan apakah langkah-langkah persediaan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa tidak berlaku penurunan yang boleh menjejaskan ekonomi negara. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, ramalan atau unjuran yang dibuat oleh IMF ini dibuat dalam bulan Oktober. Kita sebenarnya tidak sama. Apa yang dibuat oleh IMF sebanyak 4.4% itu, kita dapati hasil sebenarnya jauh lebih tinggi. Kita sudah mencapai 5.3% dalam tiga suku tahun ini dan kita jangka bahawa untuk keseluruhan tahun 2012 ini, untuk mencapai 5% atau lebih daripada itu tidak menjadi masalah. Unjuran yang dibuat oleh Malaysia sendiri ialah satu *range* 4.5% hingga 5% dan pada tahun 2013, 4.5% hingga 5.5%.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini juga kepada unjuran yang dibuat oleh Bank Dunia yang lebih mutakhir. Kajian yang dibuat oleh Bank Dunia dalam bulan November 2012 telah meletakkan Malaysia mencapai pertumbuhan pada tahun 2012 sebanyak 5.1% dan pada tahun 2013 sebanyak 5%.

Jadi ini lebih tinggi daripada unjuran yang dibuat oleh IMF. Barangkali kerana IMF membuatnya lebih awal. Bank Dunia telah mendapat maklumat-maklumat yang lebih mutakhir, lebih terkini. Apa pun, yang pasti yang dibuat oleh kerajaan, pelbagai langkah yang dibuat melalui belanjawan untuk menarik pelabur untuk memberi insentif-insentif cukai kepada pelaburan berterusan, penubuhan pusat-pusat pertumbuhan seperti Pembangunan Tun Razak *Exchange* di Kuala Lumpur umpamanya, Iskandar di Johor dan juga Pembangunan Kewangan Islam. Semua ini akan menarik pelaburan. Sebab itu kalau kita lihat statistik yang saya baca tadi, pelaburan yang begitu besar dalam tahun 2011 dan juga berterusan dalam tahun 2012.

Ini merupakan asas-asas yang akan memberi negara kita nadi ekonomi kita. Cuma diharapkan tidak ada unsur-unsur luar yang boleh menjejaskan asas-asas yang kukuh ini. Ini

kerana kalau ada usaha-usaha yang boleh menjejaskan imej negara kita, keamanan dan kestabilan, apa juga usaha yang dibuat oleh kerajaan ini mungkin boleh terjejas. Terima kasih.

**3. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh manakah perkembangan Program Latihan Kemahiran Komprehensif kepada penghuni penjara seluruh Malaysia, dan adakah semua penjara di Malaysia diiktiraf sebagai Pusat Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:**  
*Assalamualaikum*, Selamat pagi, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Program Latihan Kemahiran kepada penghuni penjara seluruh Malaysia, merupakan satu projek perintis yang melibatkan jalinan pintar di antara Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga Jabatan Penjara Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Sehingga Oktober 2012, terdapat 3,657 orang banduan dan tahanan yang telah didaftarkan sebagai perantis dalam Program Sistem Latihan Dual Nasional. Sistem ini melibatkan program ini keseluruhan adalah enam bulan. Jadi dua bulan teori dan empat bulan mereka mengikut latihan amali di bengkel-bengkel yang sedia ada di penjara-penjara berkenaan. Mereka akan disijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1.

Pada masa ini kita dapati jumlah yang saya sebut tadi, 3,657 orang akan mengikuti latihan di dalam 48 bidang dan bidang-bidang ini antaranya adalah sebagai pembantu penyelia makanan, pembuat pakaian lelaki, pembuat pakaian perempuan, juru kimpal, pembuat perabot, pramusaji, pekerja am tanaman dan lain-lainnya. Setakat ini Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kementerian Sumber Manusia telah mentauliahkan 48 bidang yang boleh dilaksanakan dan peringkat pertama ini, 41 bidang sahaja yang sedang berjalan. Jumlah penjara yang terlibat adalah 30 buah penjara daripada 40 buah penjara yang ada termasuklah juga pusat tahanan dan rumah perlindungan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Kita dapati bahawa terdapat 839 jurulatih yang sedia ada di penjara-penjara berkenaan akan melaksanakan program ini dan Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia akan melatih seramai 1,000 orang warden lagi dan akan mentauliahkan mereka apabila lulus kelak dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 untuk membantu sebagai jurulatih.

Program ini telah berjalan dari 1 Jun 2012 dan pada masa ini sedang melalui proses penilaian untuk mereka disijilkan nanti. Adalah menjadi harapan supaya pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan ini akan dapat membuka lebih peluang kerjaya kepada banduan yang akan bebas untuk bersaing di pasaran kerja, sama ada untuk bekerja sendiri ataupun makan gaji. Selain itu ia juga turut dapat meningkatkan kemahiran diri dan taraf kehidupan mereka nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa usaha ini telah dapat pengiktirafan *Malaysian Book of Records* di mana Jabatan Penjara Malaysia telah dinobatkan sebagai jabatan yang berjaya mendaftar perantis yang paling ramai dalam satu masa dan juga Jabatan Tenaga Kerja diiktiraf sebagai badan pensijilan pertama yang mengiktiraf banduan-banduan dengan Sijil Kemahiran Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga mengucapkan tahniah kerana Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri berjaya mewujudkan satu program yang begini baik untuk memberi peluang kepada mereka yang telah menjadi banduan untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Pertanyaan tambahan saya ialah pertamanya, untuk banduan-banduan yang menerima latihan ini dan mendapat sijil di tahap satu, adakah mereka ini dicadangkan oleh kerajaan untuk memberi insentif, yang mana mereka ini akan bekerja sendiri dengan kemahiran yang diperoleh dalam penjara supaya membantu mereka dapat memulakan perniagaan dan sebagainya.

■1030

Keduanya, pertanyaan saya modul latihan yang ada selama enam bulan ini adakah kerajaan tidak bercadang untuk mendapat kerjasama daripada kementerian atau institusi yang lain seperti JAKIM misalnya supaya diberikan juga latihan kerohanian dan persiapan mental kepada mereka yang akan menghadapi masyarakat setelah dibebaskan nanti supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan rasa aman dan tenteram. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang insentif dalam penjara, saya difahamkan memang pada masa ini pun sudah ada aktiviti-aktiviti di mana mereka menjalankan kerja-kerja seperti membatik, memproses makanan dan lain-lainnya dibuat di dalam penjara, bertenun dan lain-lainnya dan mereka memang mendapat upah yang disimpan sebagai simpanan mereka. Saya rasa perkara ini akan diteruskan seperti yang ada ini seterusnya.

Berkenaan dengan kerohanian, saya percaya bahawa program kerohanian dan pemantapan siasah diri dan motivasi ini merupakan sebahagian daripada program pemulihan yang memang sedia ada dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah kerajaan menyediakan mekanisme yang boleh menyalurkan banduan yang mengikuti program latihan kemahiran komprehensif ini terutamanya golongan muda belia lelaki dan perempuan ke dalam pasaran pekerjaan.

Saya juga ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramai golongan muda yang terlibat dalam program ini khususnya banduanlah. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah mekanisme yang diwujudkan, mungkin soalan itu bermaksud selepas latihan ini apakah

tindakan seterusnya yang akan dibuat untuk memastikan penempatan mereka. Saya ingin memaklumkan bahawa dan kita patut memberi penghargaan di atas inisiatif Jabatan Penjara Malaysia kerana sudah terdapat beberapa penjara seperti di Sungai Udang dan di Sungai Petani yang menggunakan portal carian kerja, pendaftaran kerja *JobsMalaysia* di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya banduan boleh mendaftar sebelum mereka keluar.

Dengan adanya latihan kemahiran ini dan ini merupakan projek perintis. Kita harap dengan kejayaan ini ia dapat pergi ke fasa kedua, di mana di fasa kedua yang kita akan mulakan pada Januari 2013, kita berharap bahawa pendaftaran kem tentera yang menempatkan banduan bekerja dan juga syarikat yang menempatkan banduan di parol. Maknanya mereka dibebaskan dengan bersyarat atas kelakuan baik dan juga penjara-penjara baru, kita harap bahawa lebih ramai lagi dapat dilatih dan mereka sebelum keluar boleh mendaftar di dalam Portal Jobs Malaysia untuk menguar-uarkan bahawa kesediaan mereka memasuki pasaran pekerjaan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa sehingga ini kita telah dapat menempatkan 94 orang banduan di bawah Program Azam Kerja iaitu menempatkan mereka dengan syarikat-syarikat. Ini bermakna bahawa kerjasama di antara Jabatan Penjara Malaysia dengan Jabatan Tenaga Kerja akan berterusan sebagai susulan daripada latihan-latihan kemahiran ini untuk membantu penempatan mereka, *insya-Allah*. Berapakah golongan muda? Saya tidak ada statistik itu Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya kena minta daripada Jabatan Penjara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh buat secara bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya, saya jawab secara bertulis tetapi saya yakin sebahagian besar mereka dan yang telah saya lawati juga adalah mereka yang di bawah 30 tahun sebahagian besarnya. Terima kasih.

4. **Datuk Chih Tiang Chai** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, bagaimana kementerian melihat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang diiktiraf sebagai tunggak ketiga dalam sistem pembangunan sumber manusia mampu membantu Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang memberikan perhatian yang berat terhadap pembelajaran sepanjang hayat apa lagi dalam proses kita hendak menjadi sebuah negara maju. Kita memerlukan modal insan yang benar-benar berkualiti, yang bersepadu dari segi ilmu dan kemahirannya, sikap dan sahsiahnya dan juga kreativiti, inovasi dan daya saingnya.

Oleh yang demikian, konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat itu sudah jadi satu institusi yang tersendiri yang merupakan saluran pembelajaran utama bagi seseorang individu yang sehaluan dengan sistem pendidikan negara dari peringkat pra sekolah sehinggalah ke pengajian tinggi. Malah Pembelajaran Sepanjang Hayat sudah menjadi tunggak ketiga dalam

pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yakni selain daripada pendidikan asas dan pendidikan *tertiary* di negara.

Sebenarnya ada 15 buah kementerian yang terlibat dengan pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat dan kami di Kementerian Pengajian Tinggi bertindak sebagai kementerian penyelaras. Kita sudah ada apa yang dipanggil Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional dan fokus diberikan kepada kumpulan peserta yang berumur antara 15 tahun hingga 64 tahun memandangkan kumpulan tersebut adalah rakyat kita yang masih aktif dan produktif bagi memaju dan membangunkan ekonomi negara.

Unjuran penduduk Malaysia adalah seramai 34.2 juta orang menjelang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, mereka yang dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 64 tahun ialah 50% daripada jumlah 34 juta itu. Sasaran kita ialah daripada yang 50% daripada penduduk Malaysia itu, 50% akan berpeluang menyertai program peningkatan diri yang dipanggil program pembelajaran sepanjang hayat. Jadi kita memang memberikan tumpuan yang sangat tinggi terhadap proses ini. Terima kasih.

**Datuk Chiw Tiang Chai:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kementerian melihat modul jarak jauh ini mampu menjadikan generasi masa hadapan termasuk 'generasi Y' hari ini mendapat pendidikan sempurna tanpa perlu melalui kelas dan sistem pembelajaran fizikal. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menggunakan atau kita menginstitusikan Pembelajaran Sepanjang Hayat, PJJ (Pendidikan Jarak Jauh) walaupun Tuan Yang di-Pertua saya tahu ada lagi satu makna PJJ - 'perkahwinan jarak jauh'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya kah?... [Ketawa]

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** [Ketawa] Itu kementerian lain jawab. PJJ adalah satu daripada prosesnya. Pendekatan-pendekatan yang lain ialah pendekatan-pendekatan *face-to-face* dengan izin, tetapi yang sangat fleksibel, juga pengiktirafan pengalaman bekerja ataupun dengan izin, *recognition of prior learning*.

Dari segi golongan muda kita, sebenarnya apabila kita ada pembelajaran sepanjang hayat yang berstruktur ini memberi mereka peluang dari beberapa segi. Pertama, bagi mereka yang tidak dapat melanjutkan pengajian mereka sama ada dalam jurusan akademik mahupun kemahiran secara berterusan, secara *highway* dengan mudah. Dia atas sebab-sebab ekonomi, keluarga dan sebagainya, dia sekurang-kurangnya mempunyai saluran lain untuk dia meneruskan pengajian. Mungkin dia bekerja dulu dan sebagainya atau sambil dia bekerja, dia buat secara *part time*.

#### ■1040

Ini kerana pembelajaran sepanjang hayat yang dianjurkan oleh pelbagai institusi ini, termasuk juga kursus-kursus jangka pendek, kursus-kursus yang dilakukan pada hujung

minggu yang boleh mereka hadiri. Misalnya kalau bekerja Isnin hingga Jumaat, Sabtu dan Ahad mereka boleh mengikuti kursus-kursus tersebut. Jadi ia sangat fleksibel dan ia sangat membantu bagi orang-orang muda kita dan juga orang-orang yang sudah tidak berapa muda lagi.

Soal kualiti itu Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai sistem untuk mengukur, untuk menilai dan memantau kursus yang ditawarkan atau program yang dianjurkan. Jadi ada kaedah-kaedah yang sudah dilakukan sekian lama termasuk oleh negara-negara maju juga yang kita ambil sebagai *best practices* dengan izin, untuk memastikan kualiti itu terjamin.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau menjelaskan tentang pembelajaran sepanjang hayat dan dikaitkan dengan peluang kedua iaitu *second chance* dalam diri seseorang yang hendak melanjutkan pelajaran. Saya nampak satu institusi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang pada saya sangat berjaya iaitu kolej komuniti yang beroperasi di setiap daerah seluruh negara.

Cuma, kekurangan yang terdapat pada kolej komuniti ini pada pengamatan saya ialah kekurangan pelajar dalam satu-satu kursus itu agak jelas. Maksud saya sambutan daripada masyarakat untuk menghantar, sama ada anak mereka ataupun mereka yang berminat ini sangat kurang untuk menyertai kursus-kursus yang ditawarkan dalam kolej komuniti padahal ianya adalah percuma, ada elaun harian dan sebagainya.

Jadi, soalan saya ini mungkin terkeluar sedikit. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha memperkasakan penglibatan masyarakat supaya menghantar mereka yang sepatutnya belajar untuk mendapatkan kemahiran asas supaya jaringan keselamatan sosial pada akhirnya dengan melalui pendidikan atau ilmu dapat dicapai? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti yang Yang Berhormat timbulkan, kolej komuniti ialah saluran utama bagi kementerian kami, Kementerian Pengajian Tinggi, dari segi menjalankan dan melaksanakan program-program pembelajaran sepanjang hayat.

Namun demikian, soal sambutan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu saya fikir kalau pun ia benar, mungkin pada kolej-kolej komuniti yang tertentu sebab sepanjang pengetahuan saya, secara keseluruhannya sambutan kepada program-program kolej komuniti sejak setahun dua terakhir ini sebenarnya meningkat. Ini adalah kerana, dan itu saya kata pandangan Yang Berhormat itu mungkin ada benarnya, dan kerana itu setahun dua terakhir ini kita telah mengubah struktur kursus di kolej komuniti itu.

Dulunya ia agak panjang Tuan Yang di-Pertua, mengambil masa enam bulan, ada yang sampai dua tahun dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ia dibuat secara modular. Maksudnya, kalau sesuatu kursus itu yang dipadankan misalnya dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM),

kalau ya seseorang itu sudah ada pengalaman pekerjaan tertentu, kita ambil kira pengalaman pekerjaan itu.

Ini kerana di bawah Kementerian Sumber Manusia, ada satu sistem untuk mengukur pengalaman dan juga tahap kemahiran seseorang yang dipanggil, ini Timbalan Menterinya ada di sini, dengan izin PPT, Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu. Di mana mereka itu akan diberikan pengiktirafan dia sudah sampai tahap tertentu, dan bila dia hendak sampai lagi satu tahap, dia cuma perlu ambil satu modul sahaja misalnya atau dua modul sahaja. Jadi pendek sahaja masanya di kolej komuniti atau di *provider-provider*, dengan izin yang lain di bawah Kementerian Sumber Manusia dan seperti yang saya katakan ada 15 kementerian yang berkaitan itu. Ini membolehkan dia lebih anjal, bila dia masuk dan bila dia keluar daripada kolej komuniti.

Namun demikian, kita juga sentiasa meneruskan proses pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan yang lebih penting lagi ialah meningkatkan kefahaman rakyat terutamanya ibu bapa dan pelajar tentang kepentingan dan kecerahan masa depan bidang kemahiran. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan juga minta bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat, masih ramai rakyat Malaysia menganggap kemahiran ini pilihan kedua ataupun, maaf cakap, dianggap macam kelas kedua. Sebenarnya mereka yang lahir dari kursus-kursus kemahiran, dari segi kebolehpasarannya. Contohnya di KPT, pelajar-pelajar keluaran politeknik, cakap mudahnya Tuan Yang di-Pertua, lebih laku dari segi kebolehpasarannya. Terima kasih.

**5. Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah status perjanjian membawa masuk pekerja rumah asing dari Indonesia, kerana walaupun sudah kerap kali mengumumkan penghantaran pekerja rumah Indonesia akan berterusan, jumlah pekerja rumah yang tiba masih sangat berkurangan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha bagi memastikan kemasukan pembantu rumah Indonesia berjalan dengan lancar. Pada ketika ini, perjanjian melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua negara masih berjalan. Sehingga ini, seramai 95 orang pembantu rumah Indonesia telah masuk bekerja di negara ini selepas pembekuan penghantaran ditarik semula oleh pihak pemerintah Indonesia pada 1 Disember 2011 yang lalu.

Kemasukan pembantu rumah Indonesia ini dilakukan secara berperingkat. Selepas kita menandatangani perjanjian tersebut, kita telah meletakkan syarat supaya mereka mesti telah melalui program latihan kompetensi selama 200 jam sebelum dihantar ke Malaysia. Ini antara syarat-syarat baru yang dipersetujui pada masa itu.

Kerajaan menyedari bahawa kemasukan mereka ke negara ini terlalu perlahan buat waktu ini dengan jumlah kemasukan yang kurang memberangsangkan. Ini adalah berpunca daripada keengganan agensi pekerjaan swasta untuk mengurus kemasukan pembantu rumah

ke negara ini dengan alasan bahawa kos yang telah kita persetujui itu tidak menguntungkan. Jadi pada masa ini, kos pembantu rumah yang ditanggung oleh majikan adalah sebanyak RM2,711 manakala kos yang ditanggung oleh pembantu rumah Indonesia itu sendiri adalah RM1,800 yang mana jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM4,511. Ini yang dipersetujui dan kini dipertikaikan.

Sehubungan dengan itu, kita dapati setelah kita menandatangani perjanjian baru dahulu, maka kita telah mewujudkan lagi satu struktur di mana platform untuk kita mengatasi masalah-masalah pelaksanaan kerana sebelum ini kita hanya ada satu jawatankuasa yang dipanggil *joint working group* yang mana dipengerusikan sendiri oleh Menteri Sumber Manusia dan *counter partnya* di Indonesia dan ini membincangkan hal-hal dasar.

Selepas kita menandatangani perjanjian semula itu, kita dapati kita telah mewujudkan satu *joint task force* yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja dan juga dipengerusikan bersama oleh Duta Indonesia di Malaysia.

#### ■1050

Ini adalah untuk membincangkan masalah-masalah pelaksanaan dan di Indonesia ada jawatankuasa yang sama di sana. Kita dapati sehingga ini kita telah mengadakan tiga perbincangan dan yang terakhir ialah pada 10 Januari yang lalu dan *joint task force* ini bermesyuarat *insya-Allah* pada 14 dan 15 Disember ini di Bandung untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit termasuklah struktur bayaran tadi. Kita harap bahawa perkara ini akan dapat penyelesaiannya setelah kita mesyuarat di Bandung itu nanti. Terima kasih.

**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga agak bimbang akan kesan-kesan yang timbul justeru kekurangan pembantu rumah. Banyak rumah tangga terpaksa menyusun semula corak hidup mereka untuk mengatasi masalah ini. Wanita yang bekerja tidak dapat memberi tumpuan kepada kerja dan ramai juga yang terpaksa berhenti kerja demi anak-anak yang mungkin terabai. Negara kehilangan peratusan tenaga kerja mahir yang tinggi akibat dari situasi ini. Apakah pihak Kementerian Sumber Manusia tidak mampu menyelesaikan masalah yang menjadi duri dalam daging negara ini? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian maklum tentang kesusahan yang melanda ramai rakyat Malaysia hari ini akibat daripada masalah pembantu rumah Indonesia ini. Jadi pada masa ini, macam saya kata, kita terus gunakan jawatankuasa rasmi yang telah diwujudkan, dipersetujui antara dua negara untuk menyelesaikan masalah-masalah pelaksanaan ini dan kita harap dia akan dapat satu jalan penyelesaian tidak lama lagi.

Dalam masa yang sama kita juga perlu melihat alternatif-alternatif lain yang mana Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kita meminta satu kajian yang mendalam untuk melihat negara sumber pembantu rumah, dari negara-negara sumber yang lain selain daripada Indonesia. Contohnya mungkin daripada Timor Leste, mungkin daripada Mindanao, Filipina. Ini boleh menambahkan bilangan kerana pernah wakil daripada Mindanao dahulu membuat

lawatan rasmi ke kementerian kita dan menawarkan pembantu rumah mereka dan ini perlu dibuat bersama dengan kerajaan Filipina nanti.

Jadi pegawai kita akan terus berunding, jadi mungkin ada negara-negara sumber lain yang boleh kita lihat dan seterusnya kita juga membuat satu kajian yang kita panggil *beyond maid*. Maknanya hidup tanpa pembantu rumah dan ini tidak dapat kita buat dengan kadar segera tetapi kita sudah membuat kajian dan salah satunya ialah untuk kita memperkukuhkan lagi sistem sokongan sosial seperti kemudahan taska di tempat kerja yang perlu penglibatan, komitmen pihak ibu bapa, kerajaan dan juga majikan untuk kita bawa ke tahap yang lebih sempurna.

Selain daripada itu, kita juga sedang mengkaji bagaimana kerja-kerja rumah yang pada masa ini dibuat oleh pembantu rumah yang duduk dengan majikan, mungkin boleh juga dibuat melalui sistem berulang-alik dengan kaedah-kaedah yang sedang dikaji oleh kementerian ini. Contohnya mungkin kita boleh mewujudkan servis mendobi komuniti, kemudahan peralatan dan lain-lainnya dan kita juga boleh meminta kerja pembersihan rumah dibuat secara berkala dengan pembantu yang berulang-alik dan lain-lain.

Jadi, *beyond maid* atau kehidupan tanpa pembantu rumah ini juga sedang dikaji dan ini akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri bila kita bersedia nanti. Walaupun kita sedang berusaha untuk memulihkan pengambilan pembantu rumah daripada Indonesia melalui jawatankuasa yang sedia ada, dalam masa yang sama kita juga sedang melihat kaedah-kaedah lain yang mana perlu juga kita kaji sebagai langkah jangka panjang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas informasi serta penerangan itu tadi. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukanlah langkah mengadakan kaedah *beyond maid* tetapi yang ingin saya dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah ada atau tidak *dateline* bila kajian *beyond maid* ini akan selesai dan *target* bila akan dilaksanakan? Saya menimbulkan perkara ini kerana benda-benda ini telah selalu diulang-ulang, dikaji, dikaji, dikaji tetapi kajian itu seakan-akan *open ended*. Jadi saya minta jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, *dateline* bila kajian *beyond maid* ini akan selesai dan bila akan dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Maznah Mazlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah bersidang beberapa kali dan saya sendiri pernah mempengerusikan satu mesyuarat di peringkat awal dan kali ini Menteri akan melihat susulan daripada perbincangan yang telah dibuat tersebut di peringkat pegawai menyusul beberapa tindakan. *Insya-Allah* masa yang terdekat ini Yang Berhormat Menteri akan mengumumkan pelaksanaannya dan ataupun langkah-langkah seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa sebenarnya semua rakyat Malaysia rasa dukacita dengan adanya insiden-insiden yang

tidak diingini berlaku. Oleh itu kita juga sedang berusaha untuk memperluaskan kesedaran di mana Kementerian Sumber Manusia sendiri sudah ada program-program di mana kita mengumpulkan majikan, pembantu rumah dan kita adakan siri-siri penerangan dan juga bagaimana pembantu rumah ini boleh menghubungi pihak-pihak tertentu jika berlaku sesuatu.

Itu sedang berjalan sejak tahun lalu secara berterusan dan lagi satu juga kita ingin meminta rakyat Malaysia supaya juga meningkatkan kepekaan. Sekiranya ada mengesyaki, ada mendapati sesuatu yang tidak kena antara pekerja ataupun pembantu rumah dengan majikan dapat kiranya melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa sebelum ia menjadi insiden-insiden yang tidak diingini kerana kita semua amat berdukacita dan sekali-kali tidak setuju dan tidak suka apa yang sedang berlaku ini, di mana dieksploitasi dan juga pembantu-pembantu rumah ini dan juga pekerja asing keseluruhannya dianiaya. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, mekanisme bakal diguna pakai bagi membangunkan produk halal berimpak tinggi untuk tujuan eksport.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya prihatin dengan keperluan pengusaha produk halal untuk memasarkan produk halal di peringkat antarabangsa. Menerusi Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September 2012 baru-baru ini, dana industri halal dengan peruntukan RM200 juta telah dilancarkan bagi membiayai projek-projek meningkatkan keupayaan dan kapasiti eksport syarikat halal tempatan.

■1100

Kerajaan telah dan akan melaksanakan beberapa mekanisme bagi membantu syarikat-syarikat halal tempatan membangunkan produk-produk halal berimpak tinggi untuk tujuan eksport. Antaranya termasuklah:-

- (i) pelaksanaan fasa kedua dan ketiga Pelan Induk Industri Halal yang menggariskan arah tuju pembangunan industri halal Malaysia untuk tempoh 2010 hingga 2020 yang memberi tumpuan kepada industri-industri berkaitan pertanian, pemprosesan dan pembuatan makanan, kosmetik dan penjagaan kulit, ramuan halal serta kegiatan hiliran seperti penjenamaan dan promosi. Di samping itu, pelan tindakan itu juga memberi penekanan kepada pengukuhan sektor perkhidmatan seperti sijil halal antarabangsa, latihan berkaitan halal serta penyelidikan dan pembangunan (R&D);

- (ii) memperkukuhkan Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) di Universiti Putra Malaysia bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam industri produk halal;
- (iii) merancang aktiviti-aktiviti bagi mencapai sasaran yang telah digariskan termasuk;
  - (a) program Pembangunan Kapasiti secara usaha sama dengan pasar raya-pasar raya besar;
  - (b) menggalakkan penyertaan syarikat multinasional dalam penyumberan produk-produk halal ke pasaran antarabangsa;
  - (c) memperkaya perkhidmatan *Global Halal Support Centre* dengan izin, dengan *Halal Data Warehousing System* dan juga *Halal B2B*;
  - (d) menambah bilangan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan Kursus Eksekutif Halal;
  - (e) membangunkan *Malaysian Standards* dalam bidang halal;
  - (f) bergiat aktif di peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa dalam mempromosikan MS Halal;
  - (g) melaksanakan program latihan mengenai standard dan pematuhan dalam bidang halal kepada negara-negara OIC;
  - (h) mewujudkan Bank Harta Intelek (IP) dengan izin, yang pertama seumpamanya dalam industri halal global;
  - (i) memperkenalkan dan mempromosikan sistem pensijilan yang lebih *business-friendly* dengan izin, dan diterima di peringkat antarabangsa;
  - (j) menganjurkan program-program seperti *World Halal Research*, *World Halal Forum* dan *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* bagi mempamerkan produk prototaip halal dan mempromosikan produk halal;
  - (k) menguruskan misi-misi perdagangan produk halal ke luar negara yang memberi fokus kepada halal.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana Halal Hab agensi khas ditubuhkan oleh kerajaan demi membangunkan produk halal memainkan peranan dalam isu ini termasuklah kerjasama dengan SME Corp dan MATRADE dalam usaha mencari pasaran antarabangsa yang sesuai dan kompetitif? Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Halal Hab yang telah didirikan di kesemua negeri-negeri di Malaysia ini telah membuka peluang supaya syarikat-syarikat yang berminat dalam pengeluaran produk-produk

halal ini mempunyai yang pertamanya persekitaran yang sesuai untuk memenuhi semua piawaian halal. Ini kerana seperti yang kita sedia maklum, contohnya dalam industri pemakanan untuk mencapai ataupun untuk memenuhi syarat-syarat halal itu, sudah tentu sumber air dan sebagainya juga turut bertaraf halal. Apabila sijil itu didapati, maka SME Corp yang membantu syarikat-syarikat IKS ini memastikan bahawa produk-produk ini sesuai untuk dieksport. MATRADE pula memainkan peranan untuk membuka pasaran khususnya di pasaran besar halal, yang terbesar sekarang di rantau ini, sudah tentu Indonesia dan China.

Maka, usaha-usaha ini saya lihat telah berjaya membantu syarikat-syarikat halal kita untuk menembusi pasaran halal peringkat antarabangsa. Bukan hanya terhad kepada negara-negara OIC tetapi juga pasaran-pasaran lain dalam kalangan yang bukan Islam tetapi mempunyai permintaan produk halal yang agak besar. Setakat ini, semua aktiviti yang kita lakukan telah membantu syarikat-syarikat tempatan kita menembusi pasaran-pasaran tersebut. Sumbangan industri halal ini kepada eksport keseluruhan ialah 6% eksport negara. Objektif kita ialah untuk melihat angka ini meningkat dari semasa ke semasa.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan gelatin. Jadi, penggunaan gelatin adalah sangat tinggi termasuklah orang Islam yang akan menggunakan gelatin dan kita telah ada beberapa sumber gelatin halal. Pertanyaan saya ialah Malaysia sebagai sebuah *hub* makanan halal, berapa banyak syarikat di Malaysia yang telah mampu untuk mengeluarkan gelatin-gelatin halal?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat ini atas soalan khusus tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya memang maklum mengenai syarikat-syarikat tempatan kita yang memberi tumpuan kepada bahan-bahan ramuan kerana inilah antara kekuatan Malaysia termasuklah dalam bidang eksport. Antara bahan-bahan ini ialah gelatin dan gelatin merupakan satu bahan yang amat penting di dalam pembuatan bahan makanan dan juga ubat-ubatan. Buat masa ini, saya tidak dapat hendak menjawab secara khusus tentang berapa banyak syarikat yang terlibat dalam pengeluarannya. Akan tetapi setahu saya, ada beberapa buah syarikat yang agak maju dalam bidang ini. Saya akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

7. **Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam berkahwin dengan warga asing di negara ini serta punca mereka berbuat demikian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang mengemukakan pertanyaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia dari tahun 2007 sehingga 30 September 2012, terdapat seramai 57,481 orang rakyat Malaysia bukan beragama Islam yang

berkahwin dengan warganegara asing di negara ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 79.5% iaitu 45,691 orang adalah lelaki manakala 20.5% atau 11,790 orang adalah perempuan yang bukan beragama Islam berkahwin dengan warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai punca-punca perkahwinan yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, kementerian hanya merekodkan maklumat yang diperlukan sahaja dan ia tidak melibatkan punca-punca perkahwinan. Proses permohonan untuk berkahwin dengan warganegara asing adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Sekian, terima kasih.

■1110

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah mengenai perkahwinan dengan warga asing. Ada setengah itu adalah *marriage of convenience* di mana berapa ramai kah yang sudah bercerai dan dengan izin, banyak *marriage of convenience* ini digunakan untuk tujuan untuk tinggal di sini bukan untuk perkahwinan. Untuk tinggal di sini lebih lama, menjalankan perniagaan, di mana kita lihat sekarang di Jalan Silang kebanyakan warga asing yang menjalankan perniagaan lebih daripada rakyat tempatan. Saya pernah berpengalaman, ada kawan saya dari Iran, dia mula bertugas di Singapura, dia berkahwin seorang wanita warga Singapura lepas itu bila dia bertugas di Malaysia, bekerja di Malaysia dia kahwin lagi dengan rakyat Malaysia lepas itu dia cerai rakyat Singapura.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi soalannya apa Yang Berhormat?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** *Marriage of convenience* ini adakah tujuan untuk mendapat permit supaya dapat tinggal lebih lama dan lepas itu soalan nombor dua, anak yang dilahirkan daripada pasangan ini sebelum register perkahwinan, mereka tidak mendapat kewarganegaraan Malaysia. Jadi masalahnya untuk masuk ke alam persekolahan, anak-anak ini menjadi mangsa sebab mereka tak ada sijil perkahwinan. Jadi masalah mereka untuk mendapat warganegara Malaysia menjadi satu masalah kepada kanak-kanak ini yang menjadi mangsa. Jadi apakah langkah-langkah dan tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini memang JPN tiada rekod atau kajian yang dijalankan oleh kementerian ke atas *marriage of convenience*. Walau bagaimanapun, jika sepasangan ingin mendaftar, dokumen dia lengkap, memang JPN akan daftarkan. Setiap pendaftaran perkahwinan seperti yang telah saya jawab, proses permohonan untuk berkahwin dengan warganegara asing adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976, Akta 164.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan taraf kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan sebelum perkahwinan, bagi setiap penentuan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi

seseorang kanak-kanak, salah seorang daripada ibu atau bapa mestilah pemastautin tetap atau warganegara dengan syarat perkahwinan tersebut didaftarkan secara sah.

Sekiranya seseorang kanak-kanak dilahirkan tanpa pendaftaran perkahwinan yang sah, maka penentuan taraf warganegara kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu. Jadi Yang Berhormat, pastikan mendaftarkan perkahwinan sebelum lahirkan anak. Sekian, terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendaftaran perkahwinan di luar negara bolehkah dianggap sebagai sah di Malaysia sebab masalahnya ialah saya pun sudah beritahu kepada menteri bahawa sudah berkahwin di luar negara tetapi mereka tidak daftar perkahwinan mereka di dalam negara, anak yang lahir sebelum ini tidak dapat kewarganegaraan. Saya nampak tidak ada satu prosedur yang betul-betul dan bahagian pendaftaran pun tolak mereka ke lain-lain tempat. Jadi apakah prosedur yang tepat bila keadaan anak dilahirkan, bagaimanakah anak ini boleh dapat kewarganegaraan. Satu prosedur yang tepat. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau sepasangan telah didaftar di luar negara, mereka perlu pergi ke Kedutaan Malaysia di negara luar supaya mendaftarkan semula perkahwinan mereka supaya perkahwinan mereka adalah sah daripada segi undang-undang Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, memang pasangan itu wajib hadir ke kaunter JPN atau pejabat perwakilan Malaysia di luar negara semasa permohonan dan pendaftaran perkahwinan. Pendaftaran perkahwinan di bawah seksyen 31 wajib dibuat dalam tempoh enam bulan dan tarikh perkahwinan didaftarkan di bawah undang-undang negara asing. Pendaftaran perkahwinan selepas tempoh enam bulan akan dikenakan bayaran penalti. Sekian, terima kasih.

**8. Datuk Paul Kong Sing Chu** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah kes tibi yang dikesan di negeri Sabah pada tahun 2005, 2010, 2011 dan 2012. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan penyakit ini daripada terus merebak.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan akan terus berusaha untuk memberikan tumpuan kepada kawalan penyakit tibi. Terdapat peningkatan bilangan kes tibi dilaporkan di negeri Sabah iaitu 3,394 kes pada tahun 2005, 3,728 kes pada 2010 dan 3,794 kes pada 2011. Setakat daripada bulan Januari hingga September 2012, sejumlah 3,275 kes telah dilaporkan. Peningkatan kes yang ketara di kalangan bukan warganegara merupakan salah satu penyumbang kepada peningkatan kes tibi sejak 2005. Aktiviti pengesanan kes yang telah bertambah baik juga menyumbang kepada peningkatan kes sejak kebelakangan ini.

Justeru itu, Pelan Strategik Kawalan Tibi untuk negeri Sabah bermula 2011 hingga 2015 telah dirancang dan sedang giat dilaksanakan. Strategi tersebut adalah:

- (i) memperkukuhkan komponen sistem perkhidmatan kesihatan;
- (ii) mempertingkatkan sistem pengesanan kes tibi;
- (iii) menyediakan pengurusan rawatan tibi berkualiti tinggi;
- (iv) memperkasa komuniti dalam pencegahan dan kawalan penyakit tibi;
- (v) mempertingkatkan sistem pengesanan kes tibi;
- (vi) pengurangan penularan jangkitan tibi kepada masyarakat; dan,
- (vii) mempromosi penyelidikan penyakit tibi.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah utama yang telah dijalankan di peringkat negeri Sabah untuk memperkukuhkan kawalan penyakit ialah:

- (i) melaksanakan latihan kepada anggota secara berterusan dalam kawalan penyakit tibi serta menambah bilangan pusat rawatan tibi kepada 33 buah;
- (ii) mempergiatkan aktiviti pengesanan kes sedia ada termasuklah meningkatkan bilangan aktiviti pencarian kes tibi secara aktif di peringkat komuniti terutama di *locality* berisiko tinggi;
- (iii) mempergiatkan usaha saringan tibi di kalangan pesakit diabetes, HIV, golongan tertentu yang berisiko tinggi seperti yang dilaksanakan di penjara, pusat serenti, pusat pemulihan Henry Gurney dan pusat jagaan warga tua;
- (iv) saringan tibi juga dilakukan kepada semua pekerja luar negara yang masuk ke negeri Sabah;
- (v) memperkukuhkan aktiviti promosi kesihatan kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan dan rawatan penyakit tibi; dan,
- (vi) usaha untuk memperkukuhkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan adalah sangat penting untuk membantu di dalam memberi kesedaran penyakit tibi kepada masyarakat umum.

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah juga bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah dan pengamal perubatan dari klinik swasta dalam meningkatkan perkhidmatan pengesanan dan rawatan penyakit tibi di negeri Sabah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■1120

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang sangat lengkap dan komprehensif. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah dan program khas yang dijalankan oleh kementerian untuk menangani peningkatan kes penyakit tibi di Sabah selain daripada langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu di atas soalan tambahan. Selain daripada jawapan yang telah saya sampaikan sebentar tadi Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua, sejak tiga tahun yang lepas Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menjalankan pengesanan kes secara aktif terutama sekali di kawasan *hot spot* di seluruh negeri Sabah termasuklah kawasan-kawasan seperti Kota Kinabalu, Tawau, Keningau, Lahad Datu, Sandakan bagi mengesan kes-kes tibi.

Langkah seterusnya ataupun langkah kedua yang dijalankan adalah di peringkat Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah juga telah mewujudkan satu projek khas yang akan menyasarkan pesakit tibi bukan warganegara bermula pada bulan Februari 2013. Program ini akan menyasarkan kepada pencarian kes serta mempromosikan aktiviti pencegahan penyakit tibi seterusnya pada masa yang sama memberikan rawatan bagi kes yang dikesan terutama di lokaliti-lokaliti yang berisiko tinggi.

Langkah yang seterusnya adalah antara lain juga adalah untuk memperkasakan pasukan pengelola pengurusan tibi yang telah diwujudkan sepenuhnya - team ini dengan izin adalah team yang *dedicated* ataupun yang mempunyai dedikasi terhadap pencegahan penyakit tibi dan pasukan yang sedia ada ini akan terus diberikan latihan yang secukupnya secara berterusan dan mereka ini akan juga dilengkapi dengan peralatan pengesanan tibi yang bukan sahaja cepat tetapi berteknologi tinggi serta rawatan yang berkesan agar penyakit-penyakit tibi yang terutama sekali yang terdapat di negeri Sabah dapat dikurangkan. Termasuklah dengan peralatan canggih seperti X-ray bergerak supaya pengesanan-pengesanan tibi ini dapat diperluaskan terutama sekali di kawasan-kawasan negeri Sabah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**9. Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan penjelasan daripada pihak kementerian tentang persediaan yang telah dilakukan untuk menghadapi ancaman banjir yang dijangka berlaku lebih awal tahun ini.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi, salam hormat dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut kajian National Register River Basin 2003 seluas 9% kawasan tanah negara atau 29,000 kilometer persegi adalah kawasan yang berisiko tinggi bagi kejadian banjir. Kerajaan sememangnya telah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan bencana banjir yang dijangka berlaku pada penghujung tahun ini.

Setakat ini persiapan semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan telah dibuat dengan rapi termasuklah persiapan aset dan logistik, persediaan anggota penyelamat dan anggota bantuan, persiapan bantuan makanan dan peralatan kepada mangsa serta persiapan-

persiapan lain yang berkaitan. Ini adalah selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) nombor 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Dalam hubungan ini, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan beberapa strategi bagi menghadapi banjir seperti berikut:

- (i) membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan penyelenggaraan sungai dilakukan mengikut jadual bagi memastikan laluan air menjadi lancar tanpa sekatan;
- (ii) kerja-kerja mendalamkan sungai yang cetek juga giat dijalankan;
- (iii) menyediakan sejumlah 100 buah mesin pengepam air bagi menyalurkan air yang bertakung akibat saluran yang tersekat; dan
- (iv) memastikan sistem amaran banjir dapat berfungsi dengan baik bagi memberi amaran kepada penduduk untuk berpindah sekiranya paras air sungai melebihi paras yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga, makluman berkenaan kejadian bencana termasuk ramalan cuaca, perkembangan keadaan banjir di seluruh negara serta maklumat amaran banjir juga telah disalurkan secara berterusan melalui portal banjir MKN dan JPS serta laman sosial. Maklumat ini juga disampaikan dari masa ke semasa melalui Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan serta di saluran media cetak dan elektronik yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Kita pun tahu memang kerajaan Malaysia memang sangat prihatin terhadap mangsa-mangsa banjir dan kita ucapkan terima kasihlah kepada semua agensi dan keprihatinan kerajaan terhadap bencana alam ini sebab kita tahu keadaan ini memang kita tidak minta pun. Akan tetapi, menjadi persoalannya sekarang kita hendak tahu juga tentang tindakan pihak kerajaan berkenaan dengan masalah banjir kilat ini. Sebab ini masalah banjir kilat ini kita tahu bukan disebabkan oleh situasi semula jadi tetapi disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu seperti pembangunan bersebelahan dan sebagainya yang mana kadang-kadang kita tahu kawasan itu tidak pernah berlaku banjir. Akan tetapi, disebabkan ada beberapa pembangunan maka berlaku keadaan banjir yang memang tidak diundang ini.

Jadi apakah tindakan kerajaan sebab setiap tahun kita mengalami keadaan ini dan apakah tindakan kerajaan dari segi kajian dan sebagainya untuk mengelakkan perkara begini bertambah dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Saya punya jawapan ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Punca hujan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi merupakan hujan yang mungkin kita tidak duga dan ia berlaku kepada tempat-tempat di mana kemungkinan dasar tempat itu tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi dalam pada masa yang sama dan dalam perkara ini, selain daripada perancangan-perancangan atau tindakan-tindakan yang kita minta supaya ianya dapat dibuat maka kita minta kerjasama dari

semua pihak. Bukan sahaja daripada agensi-agensi kerajaan tetapi orang ramai juga untuk berjaga-jaga. Janganlah membuang sampah di merata-rata tempat oleh kerana sampah juga mengakibatkan juga saliran air tersumbat seperti apa yang berlaku di beberapa tempat baru-baru ini.

Jadi ini pun memerlukan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan juga. Kita mahu supaya parit-parit itu atau saliran air yang tidak berapa diselenggarakan dengan baik dibuat dengan baik. Sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi, kementerian saya sentiasa mengawal tempat-tempat jatuh di bawah tanggungjawab kita untuk menjaga supaya ia dipelihara dengan baik. Sekian.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan ancaman hakisan pantai. Berkenaan dengan ancaman hakisan pantai ini, di sepanjang Pantai Timur mungkin spesifik boleh jawab selepas ini. Berapakah jumlah tempat-tempat yang telah dikenal pasti mengalami ancaman hakisan pantai dan bagaimana tindakan segera, segera itu selama mana yang diambil dan adakah kerajaan mengkaji punca-punca hakisan ini berlaku. Mungkin adakah faktor kita sendiri ataupun faktor semula jadi? Sekian, terima kasih.

■1130

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Saya hanya boleh menjawab beberapa soalan di mana Yang Berhormat bertanya sebentar tadi, adakah kajian telah dilaksanakan berkaitan dengan untuk menjaga hakisan-hakisan pantai ini? Sebagai persediaan bagi menghadapi perubahan ini, ini berlaku daripada aras laut akibat pemanasan global dan perubahan iklim. Maka, kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Kerajaan menjalankan kajian untuk menghasilkan unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai negara bagi tahun 2020 hingga 2100. Unjuran ini akan digunakan untuk penilaian impak kepada infrastruktur sedia ada melalui kaedah *Coastal Vnord related Index* atau CVI dan *Integrated Soil Management Plant*. Kami juga menjalankan kajian indeks keindahan pantai untuk mengenal pasti kawasan pantai yang terdedah kepada kesan kenaikan aras laut serta untuk mengelakkan pembangunan di kawasan tersebut; dan seterusnya
- (ii) melaksanakan pelan pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu *Integrated Soil Management Plant* untuk membantu dalam perumusan dasar, garis panduan dan strategi supaya pembangunan di kawasan pantai dikesan secara mapan.

Kami juga memantau secara berterusan kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sedia ada dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu dan menjalankan Program Mengukuhkan Persisiran Pantai termasuk melaksanakan projek pengukuhan ban dan merangkumi pembinaan benteng, batu dan meninggikan ban itu. Ini bererti kita sudah pun

bermula untuk menjalankan kajian-kajian tentang itu bagi menghadapi *catastrophe* yang mungkin berlaku dalam tahun-tahun yang akan datang.

Berkaitan dengan soalan, berapakah pantai yang mungkin terlibat sekarang ini? Saya akan balik, *check* dengan pegawai dan saya akan jawab secara bertulis.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

**10. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan supaya teguran-teguran mengenai isu yang sama oleh Ketua Audit Negara tidak lagi berulang dilakukan oleh kementerian, jabatan kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan; dan
- (b) apakah pandangan-pandangan daripada kerajaan terhadap saranan Ketua Audit Negara agar kerajaan menimbang semula sistem perolehan (*procurement system*) supaya pemantauan juga dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada kawalan dalaman (*internal control*) kementerian atau jabatan tanpa pantauan daripada pihak luar bagi memastikan dana awam dibelanjakan dengan telus.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kementerian, jabatan kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan sentiasa memberi perhatian serius ke atas teguran audit yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, ringkasnya LKAN. Taklimat Laporan Ketua Audit Negara 2011 kepada Ketua Setiausaha Negara yang telah diadakan pada 6 Julai 2012, memutuskan satu *task force* ditubuhkan yang diketuai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengambil tindakan ke atas penemuan LKAN 2011 seperti berikut:-

- (i) Berhubung isu-isu LKAN yang melibatkan unsur-unsur jenayah dikepalai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (ii) Isu-isu LKAN yang melibatkan tatacara pengurusan kewangan dan perolehan kerajaan dikepalai oleh Kementerian Kewangan; dan
- (iii) Isu-isu yang melibatkan tatatertib penjawat awam dikepalai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jemaah Menteri juga telah menubuhkan TIPS atau *Task Force on Issues Perception Statistics and Strategies* untuk mengenal pasti dan meneliti isu-isu yang menarik minat orang ramai. Kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat telah diarah untuk mengemukakan penjelasan terperinci melalui media mengenai status terkini isu-isu tersebut. Selain itu kerajaan telah mengeluarkan surat peringatan agar semua agensi mengambil perhatian serius terhadap isu dibangkitkan dalam LKAN dan memastikan tindakan bersesuaian bagi mengelakkan ianya

daripada berulang. Tindakan juga telah diambil supaya perancangan dan pemantauan perbelanjaan dibuat dengan lebih berkesan bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan kementerian, jabatan, badan berkanun persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung bahagian kedua soalan Yang Berhormat banyak langkah-langkah telah diambil kerajaan untuk memperkukuh sistem pemantauan pengurusan kewangan. Umpamanya, kerajaan telah membangunkan sistem perancangan dan kawalan belanjawan secara elektronik atau e-SPKB dengan mengambil kira keperluan dan tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa. Sistem ini merupakan alat bagi menggantikan kaedah manual untuk meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti pengurusan kewangan dan perakaunan. Bagi memastikan pembayaran yang perlu dibuat oleh kerajaan selaras dengan peruntukan arahan Perbendaharaan iaitu dibuat dalam tempoh 14 hari.

Selain itu, elemen kawalan dalaman yg sewajarnya telah diambil kira semasa pembangunan sistem perakaunan ini di mana pengasingan tugas bagi pegawai yang membuat permohonan pembelian dan pegawai yang menguruskan pembelian adalah dua pegawai yang berlainan. Selain itu, sistem ini juga mengambil kira peringkat penyediaan dan perakuan dokumen kewangan selaras dengan penurunan kuasa yang diberikan oleh pegawai pengawal. Tandatangan digital bagi pegawai perakuan I dan II, bagi baucar bayaran diperlukan bertujuan memastikan pengawalan dan bagi menjamin data adalah sah dan tidak boleh disangkal serta menjamin integriti data dan maklumat.

Di samping elemen kawalan dalaman di dalam sistem e-SPKB ini, elemen kawalan luaran oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia juga telah dilaksanakan melalui peraturan-peraturan yang berkuat kuasa seperti berikut:-

- (i) Mengadakan perbincangan dan bantuan khidmat perundingan dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam secara berterusan kepada kementerian, agensi dan PTJ;
- (ii) mengadakan naziran e-SPKB oleh Jabatan Akauntan Negara sekurang-kurangnya sekali setahun dan memberi peringatan, teguran, dan cadangan berterusan kepada kementerian dan agensi berkenaan untuk mengelakkan kelemahan dan tidak pematuhan; dan
- (iii) mengadakan kursus dan latihan berkaitan perakaunan dan kewangan sektor awam kepada pegawai perakaunan melalui Institut Perakaunan Negara dan Jabatan Akauntan Negara peringkat negeri dan cawangan bagi meningkatkan kompetensi pegawai perakaunan. Arahan Perbendaharaan juga dengan jelas telah memperuntukkan setiap pegawai pengawal adalah bertanggungjawab bagi memastikan semua prosedur kewangan dan perakaunan dipatuhi sepenuhnya setiap masa oleh kementerian dan jabatan masing-masing.

Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya seperti Yang Berhormat Menteri sudah tahu apa yang ditanya. Cuma sedikit sahaja, berapa ramaikah ataupun berapa jabatan ataupun berapa kementerian ataupun majikan yang telah dikenakan tindakan oleh mana-mana pihaklah? Contohnya, SPRM dan sebagainya. Berapa ramaikah majikan dan tindakan khususnya? Kedua, soalan saya adalah demikian kerana ini adalah untuk pengetahuan umum. Sekiranya perkara ini tidak dijelas, akan dimanipulasi oleh parti pembangkang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kebanyakan tindakan yang diambil ekoran Laporan Ketua Audit Negara 2011 adalah masih dalam peringkat pelaksanaan seperti mana yang dijelaskan tadi penubuhan *task force* dan sebagainya.

■1140

Saya juga ingin menyatakan di sini semasa kita banyak menimbulkan soal-soal kelemahan dan teguran, seyogianya diingatkan bahawa penemuan Ketua Audit Negara juga menunjukkan prestasi yang semakin baik. Semakin baik. Ini perlu kita tegaskan supaya kita tidak kelihatan seolah-olah sentiasa mencari kesilapan. Ada yang baik, yang baik kita kena bagi pujian supaya ia menambahkan lagi semangat dan motivasi untuk pegawai-pegawai awam ini supaya terus berkelakuan baik.

Umpamanya, kalau dilihat kedudukan dari segi penyata kewangan 2010 berbanding 2011, yang sijil dengan berteguran maknanya yang kena ditegur.

Saya ingin mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar dari Sekolah Antarabangsa Jepun di Kuala Lumpur - *arigato gozaimashita...* [Bercakap dalam bahasa Jepun] [Tepuk] [Disampuk] Jangan *sayonara*. Dia baru masuk sahaja. *Sayonara* ini sudah hendak suruh dia balik... [Ketawa] *Arigato*.

Jadi, tahun 2010 teguran berteguran sijil – 51 pada tahun 2010. Tahun 2011 hanya 25. Maknanya satu penambahbaikan. Kalau dalam aspek pengauditan pematuhan, Indeks Akauntabiliti yang mendapat sangat baik, sangat baik empat bintang. 2010 - 43, 2011 - 45. Ia ada peningkatan. Yang dapat baik tiga bintang, 2010 - 60, 2011 - (67) peningkatan.

Peringkat negeri pula sangat baik, empat bintang. Tahun 2010 - 34, 2011 - 66. Maknanya ia semakin baiklah. Jadi, yang semakin baik kita mesti akui Tuan Yang di-Pertua, dan kita bagi tahniah. Yang mana masih berkelemahan, kita akan atasi sebaik mungkin. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi laluan. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri macam negeri Kedah, Penang, Selangor dan juga Kelantan?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Wah, banyak soalan tambahan. Seorang boleh tambah pertanyaan? Dia sudah naik syok itu Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Mengenai ini, saya tidak ada maklumat mengikut negeri sekarang. Saya minta maaf. Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat.

**11. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, kejayaan misi bantuan kemanusiaan bagi mengurangkan penderitaan penduduk suku Rohingya di Rakhine, Myanmar.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan ini secara bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar bertarikh 18 Disember 2012 kerana ia menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di dalam kejadian konflik perkauman di negeri Rakhine yang berlaku pada awal Jun 2012 dan juga konflik susulan pada akhir Oktober 2012, kedua-dua masyarakat iaitu penduduk berbangsa Rakhine serta etnik Rohingya telah terjejas. Konflik perkauman tersebut selain daripada meragut nyawa, telah mengakibatkan kerosakan harta benda dan kehilangan tempat tinggal kepada kedua-dua belah pihak.

Kini, dianggarkan terdapat kira-kira 115,000 penduduk Rakhine yang telah menjadi orang pelarian dalaman, yang ditempatkan di khemah-khemah pelarian di seluruh negeri tersebut. Malaysia merupakan salah satu negara yang dibenarkan membantu penduduk Rakhine, memandangkan bantuan kemanusiaan yang ingin disalurkan bukan sahaja bertujuan untuk membantu penduduk etnik Islam Rohingya, tetapi termasuk juga penduduk beragama Buddha yang terjejas akibat pergolakan yang berlaku.

Kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Myanmar pada September 2012 yang lalu kepada Kerajaan Malaysia bagi badan bukan kerajaan Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk-penduduk yang terjejas akibat konflik tersebut adalah berdasarkan hubungan dua hala yang erat di antara Malaysia dengan Myanmar.

Ia juga merupakan satu kepercayaan yang diletakkan oleh Kerajaan Myanmar kepada negara yang memahami isu dan kesulitan yang dialami oleh Myanmar. Di dalam misi bantuan kemanusiaan yang dilaksanakan oleh KP1M pada bulan Oktober yang lalu di Rakhine, kira-kira 500 tan barang keperluan asas seperti air minuman, beras, makanan di dalam tin, biskut, pakaian serta ubat-ubatan telah dihantar ke Rakhine untuk diagihkan ke khemah-khemah pelarian yang menempatkan orang-orang pelarian dalaman berbangsa Rakhine dan juga etnik Rohingya, dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan negara Myanmar serta bantuan dan sokongan Pejabat Perwakilan Malaysia di Yangon.

Sehingga kini, pengagihan barang bantuan kemanusiaan yang telah dimuatkan di dalam lebih 30,000 kotak masih diteruskan. Bantuan kemanusiaan ini amat dihargai oleh

Kerajaan Myanmar dan telah berjaya, setidak-tidaknya meringankan keperitan hidup yang sedang dilalui oleh masyarakat Rohingya di Rakhine pada waktu ini.

Manakala di peringkat ASEAN pula, Menteri-Menteri Luar ASEAN telah mengeluarkan satu kenyataan berhubung perkembangan di Rakhine pada 17 Ogos 2012, yang seiring dengan pendirian negara iaitu menyokong langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Myanmar, dalam usaha untuk mengembalikan semula keamanan dan kestabilan di Rakhine, serta menyatakan kesediaan untuk menghulurkan bantuan sekiranya diperlukan kepada Myanmar.

Sewaktu di Persidangan Kemuncak ASEAN ke-21 yang telah diadakan di Phnom Penh dari 18 hingga 20 November 2012 yang lalu, Malaysia telah menyatakan bahawa ASEAN perlu menggerakkan mekanisme-mekanisme sedia ada dalam usaha membantu mana-mana negara anggota ASEAN yang dilanda krisis kemanusiaan seperti yang dialami oleh Myanmar di wilayah Rakhine. Ini termasuklah membincangkan perkara-perkara berkaitan seperti penyaluran bantuan kemanusiaan menerusi dialog, forum dan mesyuarat di peringkat ASEAN. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana menjawab dengan begitu padat. Persoalan tambahan saya, apakah pendirian rasmi Malaysia dalam isu ini? Adakah kita bercadang untuk mengeluarkan bantahan rasmi dengan kelakuan yang dilakukan oleh pihak Myanmar pun rasa mereka biar lepas tangan. Apa pendirian Malaysia? Saya tahu Malaysia menyokong, menghantar bantuan dan sebagainya. So, apa kita punya *stand*? Patutkah kita mengeluarkan bantahan rasmi atas kekejaman ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat keganasan di antara komuniti yang merebak, telah mengundang pelbagai reaksi dari masyarakat antarabangsa yang sememangnya sedang memerhatikan perkembangan di Myanmar dan berusaha ke arah pendamaian nasional dengan izin, *national reconciliation* dan mencapai matlamat proses pendemokrasian di Myanmar dengan izin, *road map to democracy*.

■1150

Sebenarnya kalau kita lihat isu ini adalah isu dalaman yang agak *isolated*. Namun kewujudan media ataupun wartawan yang tidak bertanggungjawab memfitnahkan telah mengeruhkan dan mengundang pandangan negatif yang ekstrem sehingga ada yang melemparkan tuduhan bahawa kerajaan *Myanmar* melakukan penghapusan etnik terhadap kaum Rohingya dan sebagainya. Akan tetapi banyak usaha-usaha yang terus diambil oleh kerajaan *Myanmar* sejajar dengan pendirian masyarakat antarabangsa iaitu ke arah pendamaian nasional. Sekian.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu apakah punca atau sebab berlakunya konflik di Rakhine itu. Kedua, apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan *Myanmar* atau Burma itu dan apakah usaha yang terkini selain daripada bantuan yang diambil oleh Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sebelum saya beri Yang Berhormat jawab, saya hendak beri maklum kepada semua Ahli Yang Berhormat dan juga wakil-wakil kementerian kerana memandangkan situasi yang saya gunakan budi bicara saya bahawa soalan lisan ini saya beri masa lebih sikit pada hari ini. Saya berharap kementerian-kementerian siap bersedia dan juga Ahli Yang Berhormat yang nama mereka telah di senarai tentukan ada di dalam Dewan. Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya konflik di antara penduduk beragama Buddha dan Islam di Rakhine pada Jun 2012 sebenarnya tercetus dengan pembunuhan sepuluh orang 'pendakwa tabib'...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendakwah!

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Pendakwah 'tabib'.

**Seorang Ahli:** Tabligh!

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tabligh... *Sorry*. Minta maaf. Sebagai membalas dendam satu kes merogol dan membunuh yang dilakukan oleh tiga remaja Islam ke atas wanita Rakhine tersebut. Jadi sebenarnya seperti kata tadi iaitu kewujudan wartawan dan media yang tidak bertanggungjawab menyebabkan keadaan menjadi lebih keruh sehingga mengundang kepada pergaduhan di wilayah Rakhine.

Akan tetapi Malaysia seperti negara-negara lain berusaha sama-sama untuk mencapai ke arah pendamaian nasional di mana Kerajaan Malaysia juga terus menghulurkan bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam pergaduhan ini di mana bukan sahaja KP1M yang terlibat, namun kita boleh lihat seperti *Malaysian Relief Agency*, *Mercy Malaysia*, Persatuan Bulan Sabit Merah Selangor dan juga beberapa pertubuhan-pertubuhan badan bukan kerajaan sama-sama menghulurkan bantuan bukan sahaja kepada komuniti Islam di sana tetapi juga kaum Buddha, agama Buddha yang duduk di Rakhine yang memerlukan bantuan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukup. Dia ada dua soalan sahaja.

**12. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Menteri Pelajaran menyatakan, terdapat kira-kira 50,000 individu *sindrom down* di seluruh negara ketika ini dan ia mungkin akan meningkat. Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk menubuhkan sekolah khas bagi perkembangan golongan tersebut pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran OKU 2012, individu sindrom *down* terangkum di dalam kategori masalah pembelajaran. Kementerian Pelajaran (KPM) menyediakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bermasalah pembelajaran bagi menangani isu pendidikan untuk kategori yang disebutkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 48,520 jumlah keseluruhan murid bermasalah pembelajaran iaitu merangkumi 29,169 orang murid di sekolah rendah dan 19,351 orang murid di sekolah menengah. Daripada jumlah ini hanya terdapat 3,483 murid di dalam lingkungan umur persekolahan tujuh tahun hingga 19 tahun yang dikategorikan menghadapi sindrom *Down*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa mengutamakan pendidikan bagi murid-murid berkeperluan khas. Sehubungan itu Kementerian Pelajaran telah membuka sebanyak 2,050 Program Pendidikan Khas Integrasi bagi murid bermasalah pembelajaran di seluruh negara. Dalam menyediakan program pendidikan, Kementerian Pelajaran mengklasifikasikan murid berdasarkan kefungsiannya ataupun ketidakupayaan dalam pendidikan bukan berdasarkan jenis kecacatan seperti sindrom *down*. Terima kasih.

**13. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah alasan yang menyebabkan pelajar tajaan kerajaan di luar negara tidak mahu pulang untuk berkhidmat di Malaysia selepas tamat pengajian. Apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menarik mereka pulang bekerja di negara kita. Apakah ia berkesan. Jika ya, berapa ramai mereka yang telah menyambut usaha berkenaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar atas soalan tambahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tambahan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Soalan utama ini. Tuan Yang di-Pertua, punca utama yang menyebabkan sebilangan pelajar tajaan kerajaan kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang melanjutkan pelajaran ke luar negara enggan pulang untuk berkhidmat di Malaysia selepas pengajian adalah kerana mendapat tawaran kerja yang menawarkan gaji lumayan dan persekitaran kerja serta kehidupan yang memenuhi cita rasa mereka. Selain itu terdapat juga sebilangan mereka telah mendapat penajaan daripada pihak universiti atau badan penaja di negara berkenaan bagi melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Langkah-langkah yang diambil oleh JPA untuk menentukan pelajar-pelajar tajaan di luar negara kembali adalah seperti berikut:

- (i) peringatan untuk melaporkan diri dihantar kepada pelajar dan penjamin semasa pelajar berada di dalam semester akhir pengajian;
- (ii) kedua melaporkan diri di JPA dan mendaftar dengan pihak berkuasa melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi urusan pelantikan perkhidmatan awam dalam tempoh 30 hari selepas surat arahan lapor diri dikeluarkan;

- (iii) sekiranya pelajar gagal melaporkan diri dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat arahan tersebut, satu surat peringatan akan dikeluarkan oleh JPA dan pelajar terbabit diberi masa selama 15 hari dari tarikh surat peringatan lapor diri;
- (iv) sekiranya pelajar masih gagal melaporkan diri dalam masa 15 hari yang ditetapkan, JPA akan mengeluarkan notis gagal lapor diri di mana pelajar diberi tempoh selama 60 hari bagi menjelaskan tuntutan ganti rugi seperti yang termaktub dalam dokumen perjanjian. Sekiranya mereka masih ingkar, surat peringatan tuntutan ganti rugi akan dihantar kepada pelajar dan penjamin dalam tempoh 75 hari bagi urusan tuntutan dan ganti rugi tersebut;

■1200

- (v) sekiranya mereka masih tidak mengendahkan peringatan tersebut, nama-nama pelajar dan penjamin ini akan dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara untuk mengambil tindakan undang-undang di mahkamah.

Di samping itu, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaikkan kaedah pemantauan pelajar-pelajar tajaan di luar negara bagi memastikan mereka pulang melaporkan diri selepas menamatkan pengajian dan menunaikan kontrak perkhidmatan dengan kerajaan.

Mulai tahun 2011, kerajaan telah melaksanakan dua inisiatif bagi graduan tajaan JPA iaitu *Talent Acceleration in Public Service* ataupun dikenali sebagai TAPS dan *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR). Program TAPS dilaksanakan dengan kerjasama *Razak School of Government* untuk graduan mengikuti latihan, menimba ilmu serta pengalaman sepanjang tempoh latihan di agensi ataupun jabatan kerajaan yang terpilih. Manakala program STAR pula merupakan kerjasama antara JPA dan *Talent Corporation* untuk pemindahan kontrak pelajar tajaan ke syarikat-syarikat swasta yang menyumbang kepada Program Transformasi Ekonomi ataupun ETP. Selain daripada itu, mulai tahun ini, kerajaan telah melaksanakan program pencarian bakat bagi pelajar tajaan di luar negara untuk menarik minat mereka kembali ke tanah air. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Daripada ucapan yang diberikan, saya hendak tahu apakah kesan daripada usaha-usaha yang dibuat dan apakah angka-angka sebenar yang pulang? Juga, apakah tindakan kerajaan kepada mereka yang ingkar untuk pulang, yang tidak mahu pulang, apakah tindakannya?

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa semua pelajar tajaan yang diberikan tajaan belajar di luar negara mesti menandatangani sesuatu perjanjian dengan pihak JPA dan sekiranya mereka ingkar balik ke tanah air selepas menamatkan pelajaran, satu *breach of contract* telah pun berlaku dan mereka

boleh diambil tindakan secara undang-undang. Juga seperti yang saya katakan tadi, langkah-langkah di mana pihak JPA akan ambil iaitu termasuk juga meminta ganti rugi daripada mereka dan juga penjamin yang telah menjadi penjamin dalam kes ini.

Daripada bilangan yang balik iaitu mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat, dua inisiatif itu tadi yang saya katakan itu, bilangan graduan tajaan JPA yang telah ditawarkan di bawah program TAPS ialah seramai 45 orang bagi kohort pertama dan 45 orang bagi kohort kedua. Jadi yang pertama ini dilaksanakan pada tahun lalu dan yang kedua ini telah pun dilaksanakan pada tahun ini. Jadi kita kenalah tunggu untuk melihat kesan dan juga kejayaan di dalam program ini untuk menarik balik pelajar yang cemerlang ini dari luar negara.

**14. Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah peratusan *non performing loans* (NPL) bagi pinjaman perumahan bagi tahun 2009 hingga Jun 2012.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, peratusan pinjaman terjejas, NPL, bagi pinjaman perumahan sektor isi rumah dalam sistem perbankan kekal rendah pada 2.1% setakat bulan Jun 2012. Sejak tahun 2009, peratusan ini juga terus berada pada trend yang menurun seperti berikut:

Tahun	Peratusan (%)
2009	4.3
2010	3.2
2011	2.3
2012 (sehingga Jun)	2.1

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dan *alhamdulillah* ianya semakin menurun. Cuma, soalan tambahan saya, bilakah kali terakhir kementerian mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi pinjaman perumahan di negara ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Kali terakhir – ini, soalan ini bank, bukan kerajaan. Jadi kerajaan tidak campur tangan dalam kelulusan perumahan yang diberikan oleh bank-bank. Cuma, dari segi pemberian pinjaman perumahan kerajaan, seperti mana yang saya jelaskan dalam pembentangan belanjawan, kerajaan sedang melakukan penambahbaikan dari segi pelantikan bank-bank sebagai panel untuk memberikan pinjaman perumahan. Akan tetapi syarat-syarat dan faedah yang dinikmati oleh semua penjawat awam yang meminjam pinjaman perumahan ini dikekalkan, bahkan akan diperbaiki lagi. Akan tetapi dari segi kelulusan yang diberikan oleh bank-bank, ini tertakluk kpd bank-bank sendiri, dan biasanya tidak ada banyak masalah kerana pemberian pinjaman perumahan ini biasanya dicagarkan dengan perumahan itu sendiri dan harga rumah hari ini pun semakin meningkat. Jadi bank

kebanyakannya tidak mengalami masalah untuk membuat *recovery* sekiranya berlaku masalah tidak dapat menunaikan pembayaran balik pinjaman perumahan ini. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu – sebelum itu, kekurangan NPL dalam pasaran ini disebabkan oleh langkah tegas oleh pihak kerajaan terutamanya Bank Negara yang telah mengamalkan usaha-usaha yang tegas sejak tahun 1998 lagi. Akan tetapi, saya hendak tahu berapakah peratuskah daripada pengurangan NPL ini disebabkan oleh penjualan oleh bank-bank yang berkenaan kepada pihak institusi-institusi yang lain yang dibenarkan untuk membeli pinjaman-pinjaman yang bertaraf NPL ini?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Memang ada dasar yang dibuat di mana bank-bank atau institusi kewangan yang mempunyai NPL yang dikira lapuk, yang sukar dikutip kerana apabila sudah lama sangat, *recovery rate* dia pun agak rendah, dan institusi-institusi kewangan ini tidak mempunyai kepakaran dan juga tenaga yang mencukupi untuk mengutip NPL lapuk ini yang berada di seluruh negara. Maka satu dasarnya ialah untuk menyerahkan atau *outsource* kepada pihak ketiga yang lebih mampu untuk mengutip NPL ini. Jumlah yang telah dibuat melalui pihak ketiga adalah dalam lingkungan RM3 bilion. Kalau dikira berbanding dengan jumlah NPL keseluruhan dalam sistem perbankan negara, jumlah ini adalah kecil sekali, kurang daripada 1%. Jadi masih kecil.

Saya ingin menyampaikan sedikit maklumat NPL keseluruhannya. Kedudukan Malaysia kita boleh dikatakan lebih kurang sama dengan apa yang terdapat di negara-negara lain di rantau ini. Malaysia, *overall* nya 2.2%; Indonesia, 2.1%; *Thailand*, 2.7%; Filipina, 2.4%; Singapura, 1%; dan Korea, 1.5%.

#### ■1210

Jadi kita tidaklah terendah dan kita juga tidaklah tertinggi tetapi dalam lingkungan 2%. Saya rasa ini menunjukkan NPL di negara kita masih berada di paras yang terkawal. Terima kasih.

**15. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah persepsi hospital swasta dan syarikat insurans perlindungan perubatan ini mengaut keuntungan yang berlebihan sehingga ianya membebankan pesakit serta keluarga mereka akan berterusan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam memastikan khasnya pihak hospital swasta tidak mengenakan bayaran perubatan dan rawatan ini sesuka hati.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual 13, Peraturan-

peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 iaitu dengan mengenakan harga siling atau julat kepada kos atau fi profesional untuk perundingan dan prosedur, perubatan dan pergigian dan lain-lain fi yang boleh dikenakan seperti fi penyediaan laporan perubatan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta. Jadual 13 telah dijadikan panduan oleh hospital swasta di Malaysia dalam mengenakan caj ke atas pesakit. Walau bagaimanapun fi selain daripada fi profesional seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan masih belum dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di hospital swasta, bayaran yang dikenakan bagi setiap perkhidmatan atau kemudahan jagaan kesihatan yang disediakan untuk pesakit iaitu yang terdiri dari kos pembedahan *major* yang boleh menjangkau ribuan ringgit sehingga kos bagi penggunaan alat pakai buang yang kecil seperti kapas dan kain kasa atau *gauze*. Kos perubatan di hospital swasta perlu dibiayai sepenuhnya oleh pesakit atau pembayar seperti syarikat insurans dan majikan kepada pesakit.

Sehubungan dengan itu beberapa langkah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal kos rawatan perubatan yang dianggap tinggi dan tidak munasabah oleh hospital swasta dan seterusnya mengelak dari dikenakan kos rawatan yang tinggi adalah seperti berikut:

- (i) pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta dibuat oleh kementerian berpandukan kepada Jadual 13, yang mana pertanyaan dan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan seterusnya diteliti;
- (ii) berdasarkan keputusan siasatan ke atas pertanyaan atau aduan Kementerian Kesihatan telah menyarankan atau memberi peringatan kepada pihak hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual 13 dan mengenakan fi yang munasabah ke atas pesakit; dan
- (iii) kementerian juga berharap pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilkan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 27(1)(a) Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan kesihatan Swasta Lain) 2006. Di bawah penuntutan tersebut pihak hospital swasta perlu dipastikan bahawa seorang pesakit sebagai haknya diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan.

Selain itu di bawah perenggan 26(1)(a) peraturan-peraturan yang sama, pesakit di atas permintaan juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan

bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan dan rawatan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Adakah pihak kerajaan mempunyai satu laporan atau aduan secara *online* untuk pesakit-pesakit membuat laporan atau aduan terhadap hospital swasta khususnya yang berkait dengan prosedur serta caj yang dikenakan ini. Ini adalah kerana, Malaysia adalah salah satu hab pelancongan kesihatan di mana negara kita menjadi tumpuan pesakit-pesakit luar negara yang datang untuk mendapatkan serta masa yang terhad tinggal di negara kita. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan, sebenarnya kita mempunyai banyak saluran di mana aduan serta laporan boleh disampaikan kepada pihak kementerian khususnya mengenai permasalahan yang timbul dalam caj bil yang dikenakan oleh hospital swasta. Salah satu cara adalah membuat aduan terus membuat aduan terus kepada pihak kementerian melalui bahagian yang berkenaan iaitu bahagian hospital swasta. Kita juga telah mewujudkan laman sesawang di mana pesakit-pesakit atau mereka yang ingin melaporkan apa-apa *incident* yang berkait rapat dengan aduan untuk melayari laman sesawang yang disediakan oleh pihak kementerian untuk tujuan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**16. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan kesahihan laporan yang mengatakan perkhidmatan teksi di Malaysia adalah yang terburuk di dunia. Apakah langkah drastik yang akan diambil bagi menstruktur semula dan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi di negara ini agar ia setanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator Dato' Mohammed Najeeb atas soalan. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng yang dijadualkan pada 17 Disember kerana ia adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan yang mengatakan perkhidmatan teksi di Malaysia adalah terburuk di dunia adalah sesuatu yang kita perlu terima secara terbuka namun kita yakin ia tidaklah mencerminkan gambaran yang menyeluruh mengenai industri teksi di negara ini. Kaji selidik yang dilakukan ini hanyalah terhadap perkhidmatan teksi bandar atau bajet dan ia meliputi aspek penggunaan meter dan juga kondisi teksi. Laporan tersebut juga adalah berbentuk bebas tanpa diketahui kaedah *sampling* yang digunakan. Ia dilakukan oleh salah sebuah syarikat teksi di London dan ia tidak meliputi aspek secara keseluruhan mengenai industri teksi di Malaysia. Tambahan pula ada banyak syarikat teksi di London yang tidak membuat apa-apa kajian terhadap perkhidmatan teksi di Malaysia.

Ingin saya kongsi bersama di sini ialah mengenai pencapaian Airport Limo Malaysia Sdn Bhd yang telah menerima *Anugerah Four Star Rating* dengan izin, oleh SKYTRAX sejak dari tahun 2003 hingga sekarang. Syarikat ini memberikan perkhidmatan limousin di KLIA Sepang. Penganugerahan ini telah meletakkan syarikat teksi dari Malaysia berada dalam kelompok terbaik di dunia. Sebagai makluman, SKYTRAX adalah sebuah badan bebas yang menilai prestasi perkhidmatan lapangan terbang di seluruh dunia. Tidak ada mana-mana syarikat teksi lapangan terbang di dunia yang mendapat *Five Star Rating*. Jadi *Four Star Rating* itu adalah yang tertinggi. Melalui pengiktirafan ini, ia membuktikan bahawa kita mempunyai perkhidmatan teksi yang baik, setanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia.

Langkah utama yang akan diambil oleh SPAD ialah dengan memperkenalkan inisiatif Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA) yang dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa bermula pada suku pertama pada tahun 2013 tahun hadapan. Inisiatif ini apabila dilaksanakan secara menyeluruh akan mengubah landskap industri teksi tempatan menjadikannya lebih efisien dan berdaya maju. Inisiatif ini merangkumi dasar dan polisi bantuan kepada pemandu, latihan, penggunaan teknologi dan penguatkuasaan. Usaha-usaha ini akan menyumbang kepada penambahbaikan dalam industri teksi dari segi kualiti pemandu dan juga perkhidmatan kepada rakyat supaya setanding dengan negara-negara yang lain. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tahniahlah kerana *Airport Limo* kita mendapat pengiktirafan empat bintang, itu yang bab empat bintang. Ini bab yang tak menang ini, yang teruk ini, yang mana diiktiraf oleh London Cab sebagai yang terburuk dan oleh Red Cargo sebagai tiga terburuk harus kita pandang serius. Saya lihat dan pengalaman saya sendiri baru-baru ini, naik teksi sempena Perhimpunan Agung baru ini.

■ 1220

Keadaan dalam teksi amat teruk dan berbau sebagai mana yang dilaporkan. Umur teksi pun sudah lebih daripada 20 tahun. Dia pakai *Proton Saga, first generation*. Saya ingat sudah lebih daripada 25 tahun. Jadi ini menunjukkan ketidakselesaan. Pemandu pula dengan pakaiannya, dengan sopannya yang kurang, yang berceloteh memburukkan kerajaan bertambah lagi hati sakit. Sudah tentu memberi gambaran yang negatif tentang industri teksi biasa. Jadi ini yang saya risaukan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Kita mengambil berat atas laporan yang diberikan itu. Saya ingin menambah ada empat perkara lagi yang kita akan laksanakan dan sedang laksanakan. Apa yang akan kita laksanakan ialah mewujudkan Akademi SPAD. Akademi ini ada dua tujuannya. Satu, untuk memberi latihan kepada pemandu-pemandu pengangkutan awam termasuklah teksi. Kedua ialah supaya dijadikan sebagai tempat rujukan terhadap industri pengangkutan awam darat secara umum. Itu yang akan dilaksanakan. Kedua ialah penguatkuasaan, kita laksanakan dan memberikan kompaun yang tertentu. Jika terpaksa kita tarik, kita akan tarik permit mereka kalau mereka melakukan ulangan terhadap kesalahan-kesalahan.

Seterusnya saya juga ingin memaklumkan perkara yang ketiga yang kita laksanakan ialah memberikan buku kecil *Tataetika Pemandu Kenderaan Pengangkutan Awam*, buku kecil. Dalam itu semua ada disebut tentang pakaian, tentang keadaan teksi, tentang sopan-santun, tidak boleh tidak menggunakan meter dan segala perkara itu. Buku *Tataetika Pemandu Kenderaan Pengangkutan Awam*, itu telah diberi. Jika perlu kita beri lagi sebagai ingatan kepada mereka kita akan laksanakan.

Keempat ialah hasrat untuk menjadikan mereka ini duta kecil pelancongan. Sebanyak 4000 buah teksi telah kita pilih bersama dengan Kementerian Pelancongan. Mereka ini dikursuskan sehari. Sewaktu kursus itu, kita beri elaun supaya mereka tidak rugi dan tidak perlu membayar syarikat yang berkaitan dengan duit yang berasingan tetapi kita sudah beri bantuan ketika hadir kursus dan setiap bulan mereka akan diberi RM100 selama enam bulan. Selepas itu kita akan kaji semula sama ada mereka layak atau tidak menjadi duta pelancong. Ada 4000 buah teksi yang terlibat. Mudah-mudahan dengan segala inisiatif ini, kita akan dapat terus dapat memperbaiki lagi perkhidmatan teksi khasnya di bandar raya Kuala Lumpur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah pertanyaan lisan kita pada hari ini. Sekarang kita teruskan dengan jadual kita yang seterusnya.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ***[5 Disember 2012]***

**12.24 tgh.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, saya harap berada di dalam Dewan terutama sekali siapa-siapa yang telah memberi nama mereka untuk berucap pada hari ini. Juga saya hendak tentukan bahawa Ahli Yang Berhormat yang datang pada hari ini, hendaklah duduk di sini ataupun hendak keluar sekejap itu, dibenarkanlah. Ini kerana saya sudah pesan, kalau boleh dalam ucapan, kalau sekiranya perkara-perkara yang telah pun disentuh, jangan berulang-ulang untuk mengelakkan supaya kementerian yang berkenaan senang hendak menjawab dan juga memberi ruang dan masa yang sepatutnya.

Dengan demikian, tanpa membuang masa, setakat hari ini, saya hendak ingatkan juga kalau boleh siapa yang hendak berucap pada hari ini, dipersilakan kemukakan nama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin untuk memulakan ucapan.

### 12.25 tgh.

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Bajet 2013. Isu yang saya ingin sentuh di sini ialah satu isu yang penting. Penting bagi kita ialah hala tuju Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Kita sedar bahawa di negara ini sudah ada beberapa universiti yang telah didirikan beberapa tahun yang lalu dan setiap universiti ini mempunyai *niche* istimewanya. Misalnya, Universiti Utara Malaysia memberi fokus kepada pengurusan manakala UTM pula mementingkan bidang teknologi.

Seperti Ahli Yang Berhormat Senator yang mulia sedia maklum, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2006 selepas Akademi Tentera Malaysia (ATMA) dinaiktarafkan ke peringkat universiti. Asas penubuhan UPNM ialah untuk merealisasikan sebuah universiti pertahanan yang berwibawa dan boleh melengkapkan pegawai-pegawai kadet dalam bidang ilmu pengetahuan dan latihan ketenteraan. Mengikut perbahasan yang dirakamkan dalam *Hansard*, universiti ini adalah tertakluk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Akan tetapi daripada pentadbirannya, ia akan diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan sebagai pemegang taruh utama. Ini bermakna bahawa segala program pengajian yang dibentuk dan sebagainya, UPNM perlulah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dengan persetujuan Kementerian Pertahanan.

Untuk menentukan nilai-nilai ketenteraan dijadikan sebagai asas identiti universiti ini, beberapa mata pelajaran seperti Sejarah Ketenteraan, Ekonomi Pertahanan, Komunikasi Pertahanan dan Ketenteraan, Undang-undang Peperangan, Undang-undang Tentera, Teknologi Maritim, Sains Penerbangan, Sains Persenjataan serta Pengajian Keselamatan, Penyelesaian Konflik, Pengajian Strategik, Kepimpinan Ketenteraan, serta bidang-bidang keselamatan yang lain seperti isu-isu keselamatan tidak tradisional juga diperkenalkan. Di samping itu, pegawai-pegawai kadet juga mengikut latihan ketenteraan bagi mempertingkatkan kemahiran dan kebolehan mereka sebagai bakal seorang pegawai tentera yang berkualiti.

Akan tetapi, sejak awal tahun ini, telah berlaku beberapa perubahan yang bercanggah dengan wawasan penubuhan UPNM seperti yang diwartakan dalam Warta Kerajaan Jilid 50 No. 23 bertarikh 9 September 2006. Perubahan-perubahan ini dikhuatiri akan semakin menghakis nilai-nilai dan semangat asas penubuhan UPNM. Misalnya pada 5 hari bulan 2012, kursus-kursus asas ketenteraan dan pertahanan telah dikeluarkan daripada kursus teras universiti dan telah digantikan dengan kursus-kursus yang bukan berorientasikan ketenteraan dan pertahanan. Kenapa jadi begini?

Di samping itu, beberapa kakitangan akademik yang terdiri daripada pegawai tentera dan juga bekas pegawai tentera tidak disambung perkhidmatan mereka atas alasan mata pelajaran-mata pelajaran tersebut tidak relevan dan telah dikeluarkan daripada sukatan teras universiti. Selain itu, kelulusan akademik mereka juga dipertikaikan dengan alasan tidak memenuhi syarat-syarat perkhidmatan seperti yang ditetapkan. Ini adalah tidak benar. Malah semua mereka mempunyai kelulusan dan keperluan syarat yang dinyatakan oleh pekeliling-pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam yang berkaitan.

#### ■1230

Implikasi yang paling serius akibat tindakan ini ialah UPNM tidak dapat yang terhasrat di dalam warta penubuhannya. Malah buat masa sekarang terdapat beberapa kursus yang terganggu pengajarannya kerana ketiadaan pensyarah yang berkelulusan dan latar belakang yang sesuai. Ini termasuk juga kursus-kursus baru yang dirancang untuk Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk mengelakkan agenda asas universiti ini dari terbabas, saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang harus diambil kira dalam masa terdekat ini. Pemerintah mestilah menekankan sekali lagi bahawa, asas penubuhan UPNM adalah seperti yang telah termaktub di dalam Warta Kerajaan Jilid 50, Nombor 23, bertarikh 9 November 2006. Kedua, sebarang perubahan sukatan kursus dan hala tuju universiti perlulah mendapat persetujuan daripada Kementerian Pertahanan terlebih dahulu selaras dengan semangat asal dan warta penubuhan universiti tersebut.

Bagi merealisasikan hal ini, adalah difikirkan perlu bahawa satu jawatankuasa di peringkat kedua kementerian ditubuhkan supaya tidak ada percanggahan atau perselisihan antara KPT dan KEMENTAH dan inilah satu perkara yang harus diambil kira. Akan tetapi sekiranya keadaan-keadaan ini, keadaan di atas tidak dapat dilaksanakan, mungkin adalah lebih baik universiti ini dikembalikan semula kepada status asalnya sebagai ATMA kerana dengan ini sekurang-kurangnya nilai-nilai asas ketenteraan masih dapat dipertahankan.

Perlulah ditekankan di sini bahawa peranan UPNM ialah untuk membangun dan membangunkan ilmu di bidang keselamatan dan pertahanan. Bukan sahaja untuk Kementerian Pertahanan tapi juga untuk semua. Tiadalah institusi yang lain di negara ini yang lebih sesuai untuk mengambil peranan ini. Pemegang taruh, bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi seluruh negara. UPNM mestilah fokus terhadap peranannya dan segala usaha untuk membelakangkan agenda pertahanan hendaklah dihentikan.

Saya dengan ini sekali lagi menggesa kerajaan menentukan bahawa UPNM perlu mematuhi objektif atas penubuhannya seperti yang telah diwartakan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

**12.34 tgh.**

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** *[Bercakap dalam Bahasa Tamil]* Dengan izin. Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Saya ambil kesempatan ini untuk menyentuh empat, lima perkara yang saya anggap agak relevan dengan kesejahteraan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum membentang belanjawan kali ini, rata-rata tempat kita kedengaran adanya minat rakyat yang disuarakan oleh rakyat di beberapa forum dan juga dialog serta media elektronik. Ini tetap merupakan satu-satunya impian rakyat. Antara impian yang saya maksudkan itu termasuk perumahan mampu milik untuk rakyat. Dalam pembentangan belanjawan kali ini, perumahan rakyat merupakan satu-satunya agenda yang mendapat perhatian kerajaan dan seterusnya diberikan peruntukan yang begitu lumayan untuk menampung keperluan rakyat dalam bidang perumahan. Sebanyak RM1.9 bilion peruntukan bagi membina 123,000 unit rumah dengan harga berpatutan di kawasan strategik merangkumi rumah yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Rakyat 1Malaysia iaitu PR1MA dan Jabatan Perumahan Negara.

Selain itu, saya juga mengalu-alukan had pendapatan peminjam perseorangan bagi Skim Rumah PertamaKu dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan. Manakala had pendapatan bersama suami isteri ialah RM10,000. Walau bagaimanapun, saya dapati bahawa golongan pemuda sememangnya sukar mendapat pinjaman daripada bank. Semasa berurusan membeli rumah, saya juga difahamkan bahawa punca utama kegagalan berurusan dengan bank adalah alasan dokumen tidak mencukupi, status pekerjaan kontrak dan sebagainya. Ini bermakna selain daripada jumlah pendapatan peminjam tidak mencukupi, bank-bank juga masing-masing mengetatkan lagi syarat-syarat pinjaman.

Keadaan ini bertambah buruk apabila pihak bank hanya meluluskan pinjaman 70% hingga 80% saja. Ini akan membebankan rakyat kita untuk mencari satu jumlah wang pendahuluan yang besar dan akhirnya akan memudarkan hasrat untuk memiliki rumah-rumah tersebut dan akhirnya hasrat kerajaan akan tergendala.

Saya juga ingin mencadangkan supaya RPTGT ini dalam jangka masa lima tahun ditingkatkan kepada sepuluh tahun supaya jika mereka ingin membeli atas tujuan pelaburan untuk penjualan keuntungan masa singkat dapat dihalang dan ini akan menggembirakan banyak pihak mereka yang ingin memiliki rumah.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan jika ia tidak keterlaluan kepada kumpulan orang-orang muda yang mungkin tersilap langkah di dalam keadaan urusan kewangan secara tidak berkesan. Mereka telah disenaraikan di dalam kredit CITOS dan juga CCRIS, mereka menghadapi masalah untuk memohon pinjaman-pinjaman perumahan pada kali ini.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan, Bank Negara memberikan keringanan kerana rumah adalah aset yang tidak boleh dialih. Rumah ini tetap berada di sana dan rumah ini akan dijadikan sebagai *collateral* sebagai gadaian ataupun sebagai cagaran. Jika pemohon atau peminjam itu lari, maka pihak bank boleh memiliki rumah tersebut untuk dilelong pada harga yang lebih tinggi untuk menebus kerugian pihak meminjam.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Kementerian Kewangan untuk memberikan keringanan kepada orang-orang muda yang mungkin dulu silap pengurusan kewangan maka mereka disenaraihitamkan yang telah menjejaskan peluang mereka untuk melabur dengan keadaan yang lebih baik. Jadi kalau boleh ini mungkin diterima baik oleh kumpulan-kumpulan orang muda, kumpulan pertengahan yang menghadapi masalah kewangan.

#### ■1240

Dari perspektif rakyat, mana-mana pemerintah yang peka terhadap keperluan mereka diharap ini sudah tentu akan mudah meraih sokongan rakyat baik menjelang PRU mahupun sebaliknya. Dalam hubungan ini, Kerajaan Pusat jelas peka terhadap peranan yang dimainkan oleh persatuan penduduk dan KRT dalam pesara penjaga keselamatan kawasan perumahan.

Peruntukan sebanyak RM40 juta dan RM39 juta yang akan diagihkan kepada persatuan penduduk dan KRT masing-masing dijangka akan memberi kesan yang ketara dalam usaha membanteras jenayah. Seterusnya, memantapkan lagi tahap keberkesanan kepolisian masyarakat yang kini bertambah popular di kalangan rakyat.

Saya ingin bertanya apakah tahap kadar jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah? Apakah Agensi Antidadah Kebangsaan sedar bahawa salah satu faktor peningkatan kepada jenayah adalah daripada golongan penagih dadah yang tegar di mana mereka sentiasa memerlukan wang untuk membeli dadah.

Apakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk berganding bahu dengan agensi lain untuk mengangkat satu jalan penyelesaian yang mantap? Dalam menangani masalah penagih dadah di dalam negara kita, apakah AADK mempunyai bahagian penguatkuasaan seperti mana yang termaktub dalam Akta AADK 2004? Apakah penyampaian penguatkuasaan sehingga kini terutama dalam merealisasikan program NKRA?

Saya juga ingin tahu apakah pegawai-pegawai AADK ini telah diberikan kemahiran yang secukupnya untuk menangani masalah penagih dadah dalam negara? Nyatakan beberapa jumlah pegawai penguat kuasa AADK di seluruh negara dan pencapaian sehingga kini?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih menjadi syurga pelancong asing. Apatah lagi hingga bulan Ogos hingga Mac kebanyakan pelancong adalah daripada Amerika Syarikat, Kanada, Eropah, Asia Tengah dan Asia Timur yang rata-rata hendak melarikan diri mereka dan keluarga masing-masing daripada musim sejuk yang melampau. Maka itu, Malaysia adalah antara kunjungan negara pilihan malahan sektor pelancongan Malaysia mendapat pengiktirafan

antarabangsa apabila tersenarai di antara sepuluh destinasi percutian paling murah di dunia selain Vietnam, Thailand dan sebagainya.

Berdasarkan Laporan Organisasi Pelancong Dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia menduduki tangga kelapan dari segi ketibaan pelancong yang mencecah lebih daripada 24 juta pelancong. Malahan disebabkan cuaca Malaysia yang amat sesuai kepada semua orang, maka pelancong juga dari luar negara amat meminati melawat Malaysia.

Persoalannya sekarang adalah mengikut kajian pelancongan domestik kebanyakan pelancong iaitu lebih kurang 70% yang datang ke sini hanya sekali sahaja. Cuma yang dikenal pasti ialah kurangnya kemudahan asas yang bersesuaian. Selain itu maklumat pelancongan bagi sesuatu tempat itu agak kurang. Apatah lagi pelancongan di luar bandar dan di luar Lembah Klang. Saya mendapat maklumat kita tidak mempunyai strategi promosi yang khusus dalam memperkenalkan sesuatu destinasi.

Sebagai contoh kalau hendak mempromosikan pelancongan kebudayaan, sebagai contohnya di Peru, di *highlight* dengan izin secara khusus di peringkat antarabangsa dan dilengkapi dengan maklumat yang tepat. Akan tetapi ini tidak berlaku kerana promosi pelancongan kita di luar negara agak lesu. Saya mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan mengenal pasti beberapa tempat dan produk pelancongan mengikut negeri dan adat resam untuk dijadikan ikon.

Tindakan sedemikian memerlukan *smart plan* dengan izin, perlu diatur, disusun supaya kita dapat menjayakan program Tahun Melawat Malaysia sekali lagi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang produk pelancongan kesihatan. Baru-baru ini saya telah dikunjungi oleh sebuah keluarga serta beberapa individu-individu warganegara asing untuk menyampaikan rasa tidak puas hati mereka apabila berada di Malaysia untuk menjalani rawatan dan pembedahan.

Aduan mereka ditunjukkan kepada hospital mata terkemuka di Petaling Jaya. Adakah kementerian sentiasa memantau perkhidmatan yang disampaikan serta caj yang dikenakan untuk rawatan yang ditawarkan? Saya mendapati hospital mata di Petaling Jaya ini mengenakan caj bayaran yang berbeza-beza mengikut kedudukan bagi rawatan yang sama serta mengenakan bayaran dan caj dan tidak dimaklumkan sebelum menjalani rawatan atau pembedahan di hospital tersebut.

Saya pohon agar Kementerian Kesihatan dapat meneliti serta mengambil tindakan sewarnya terhadap semua hospital swasta yang menjejaskan imej negara. Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Amanah Ikhtiar Malaysia. Kita sedar hasrat kerajaan dalam membantu belia-belie kita menceburkan diri dalam perniagaan. Akan tetapi bantuan yang disampaikan ini masih dilihat tidak mencapai sasaran. Ini mungkin promosi program ini tidak sampai ke akar umbi kerana masih terdapat ramai lagi yang tidak sedar akan bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini.

Kemungkinan juga prosedur yang diguna pakai untuk sesuatu kelulusan dilihat amat ketat sehingga ramai daripada pemohon tidak berjaya. Saya pohon kementerian untuk memberikan jumlah permohonan yang telah dan sedang diproses mengikut kaum dan nyatakan di antaranya berapakah peratus yang gagal memperoleh bantuan AIM ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang PTPTN. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam meluluskan sesuatu permohonan untuk pinjaman PTPTN. Saya telah dikunjungi oleh ramai pelajar-pelajar dari IPTS yang telah menamatkan pengajian mereka dalam bidang kejururawatan khas daripada Kolej MAHSA dan Master skill. Ramai daripada golongan pelajar ini hampir 90% tidak berjaya mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian mereka di kolej-kolej ini.

Pelajar-pelajar di sini hampir 95% daripada mereka belajar membuat pinjaman PTPTN dan mereka tidak dapat menjelaskan pinjaman mereka. Apakah kerajaan telah menyelidik dan meneliti kembali di mana kesilapan berlaku?

■ 1250

Apakah kerajaan tidak dapat menilai sistem pengajaran khasnya di kolej-kolej kejururawatan ini dan meluluskan pinjaman PTPTN. Tindakan ini mencerminkan bahawa PTPTN ini tidak berniat membantu pelajar untuk belajar malah ia dilihat sebagai satu elemen pelaburan untuk PTPTN daripada hasil kadar faedah pinjaman. Saya juga dapati pihak PTPTN berkonspirasi dengan kebanyakan kolej kejururawatan ini dengan meluluskan *blanket approval* dengan izin kepada pelajar yang berdaftar dengan sebuah kolej seperti ini. Saya ingin tahu apakah pihak PTPTN dan kerajaan akan dapat mencari satu jalan penyelesaian untuk meringankan beban keluarga yang meminjam pinjaman PTPTN ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**12.51 tgh.**

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertamanya, saya sukalah ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana saban tahun berjaya memberikan satu bajet yang baik kepada rakyat dan negara. Tidak pernah gagal. Setiap tahun berjaya demi rakyat, demi kita semua. Bajet ini difokuskan kepada lima yang utama.

- (i) rangsang pelaburan;
- (ii) memperkasa pendidikan dan latihan;
- (iii) membudayakan inovasi dan meningkatkan produktiviti;
- (iv) konsolidasi fiskal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam; dan

(v) untuk menyejahterakan rakyat.

Kelima-lima fokus ini boleh disimpulkan sebagai memakmurkan negara, menyejahterakan rakyat dan sebuah janji ditepati. Tahniah dan syabas kepada Barisan Nasional dan bukannya kepada pembangkang. Jadi, Malaysia merupakan negara contoh dalam menganjur dan menterjemahkan bajet. Banyak orang tidak sedar bahawa banyak negara dunia hari ini yang sedang membangun, yang sedang hendak capai kemajuan ikut rentak dan cara Malaysia memajukan ekonominya mengendalikan bajet.

Bercakap tentang ekonomi, sukalah saya, tahniah kepada pimpinan Barisan Nasional dan bukan PR. Kepada Barisan Nasional sebab KDNK negara pada tahun 2012 adalah 4.5% hingga 5% manakala unjuran bagi tahun 2013 adalah 4.5% hingga 5.5%. Dulu, banyak orang kata Malaysia terutama pembangkang. Dengar sini baik-baik. Jangan tidur. Terutama pembangkang, dia kata tidak mungkin tercapai dulu sedangkan tercapai. Sekarang pun dia kata tidak mungkin tercapai. Kita kata 5%, dia kata tidak mungkin. Apa pun, Malaysia telah mencapai kejayaan yang gemilang.

Contohnya, indeks komposit Bursa Malaysia berjumlah RM1,654.11 yang tertinggi pada 4 September 2012 manakala nilai modal pasaran kita ialah RM1.43 *trillion*. Bukan *million* dan bukan *billion* tetapi *trillion*. Jadi, ekonomi Malaysia berada dalam tahap yang baik. Yang tidak baik ialah ganggu gugat daripada pembangkang. Dia buat demonstrasi jalanan, Bersih 1, Bersih 2.0, Bersih 3.0. Mahu buat pula, Tuan Yang di-Pertua, Bersih 4.0. Bersih yang tidak bersih. Kotor, kotor, kotor dan kotor. Jadi kita lupakan dan tinggalkan sahaja niat dan cita-cita pembangkang itu. Bukan dalam Dewan ini. Bukan, sini semua baik. Di luar sana. Pembangkang di luar sana tidak baik. *[Ketawa]* Jadi, untuk buktikan lagi Malaysia ekonominya baik, saya hendak bilang satu per satu.

Malaysia adalah perintis terulung dalam sistem kewangan Islam dan contoh kepada negara Islam Asia dan Islam di Timur Tengah. Islam di global. Betul. Kemudahan kredit, kita nombor satu. Bukan nombor dua, bukan tiga dan bukan empat tetapi nombor satu. Orang putih kata *number one*. Satu, satu. Datuk Nala, nombor satu. Dengar? Kedua, daripada perlindungan pelabur, kita jatuh nombor empat. Bukan nombor lima. Keempat, pertumbuhan KDNK saya sudah sebut tadi 5.4%. Lebih baik daripada Amerika iaitu 2.9% sahaja. Pelancongan, nombor sembilan. Kawan-kawan kita sudah sebut tadi. Tujuh, ke-12 paling berurus niaga. Lapan, ke-20 dalam perdagangan antarabangsa. Ke-25 paling kompetitif daripada berapa buah negara? Daripada 193 buah negara dunia.

Jadi, hebat itu, hebat. Hebat sungguh. Kita kena berterima kasih dan kena bersyukur. Kalau dia tidak pandai, dia tidak reti bahasa, dia akan demonstrasi di Chow Kit, demonstrasi di Dataran Merdeka dan macam-macam dia demonstrasi. Demonstrasi tempat terlarang, kata Dato' Dr. Firdaus. Betul. Tambahan pula kita negara yang sikit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap cukup bagus. Agaknya kita sambung semulalah jam 2.30 petang nanti. Sekarang kita berehat untuk makan tengah hari dan kita sambung semula pada jam 2.30 petang ini.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya belanja Tuan Yang di-Pertua makan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tangguhkan Mesyuarat kita buat setakat ini. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempokkan pada jam 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Rahman, sila sambung balik perbahasan Yang Berhormat pagi tadi.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sukalah sambung berkenaan Malaysia di bidang ekonomi. Tadi saya berkata, Malaysia tangga ke-25 dari segi paling kompetitif. Saya sebut ini sebab hendak lahirkan, hendak katakan *ranking* di peringkat antarabangsa. Saya hendak sebut sekali lagi, Malaysia tempat kesepuluh destinasi pelaburan asing paling menarik. Siapa kata? Pihak yang kata, *AT Guinness FDI Confidence Index 2012*, bukan saya kata. Akan tetapi *AT Guinness FDI Confidence Index*.

Kedua, Malaysia juga ke-12 paling mudah menjalankan perniagaan. Siapa kata? *World Bank Doing Business Report 2013*. Ketiga, Malaysia ke-25, ekonomi paling kompetitif. Siapa kata? *WEF Global Competitive Report 2012-2013*. Juga Malaysia ke-3, lokasi khidmat paling utama. Siapa kata? Pihak yang kata itu, *AT Guinness Global Services Locations Index 2012*.

Jadi, bila syarikat-syarikat antarabangsa atau pertubuhan antarabangsa sudah akui bahawa ekonomi Malaysia di tempat yang gemilang, cemerlang dan terbilang, jadi tidak ada sebab kita menafikannya. Kita bukan sahaja bersyukur, tetapi kita yakin bahawa negara kita di ambang kemajuan.

Oleh sebab itulah kita tegaskan di sini supaya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, jangan sekali-kali kacau ekonomi Malaysia. Jangan sekali-kali kacau apa yang dibuat. Hendak tegur, tegur tetapi jangan buat demo macam Bersih 1.0, 2.0, 3.0. Tidak guna! *[Tepuk]* Sebab pelabur takut hendak datang. Bila demo 1.0, 2.0, 3.0 dibuat, pelabur-pelabur Jepun, Korea, Amerika, Britain, Eropah tidak mari. Rugi lebih kurang RM30 bilion.

Mana Yang Berhormat Menteri hendak tanya? *[Sambil memandang ke tempat duduk di belakang]* Tidak ada seorang pun, tidak apalah. Rugi RM30 bilion, bukan sikit. Siapa tanggung? Pembangkang tanggung? Ah! Pembangkang cabut lari. Dia cakap demo Bersih,

demo Lynas, pakai baju kuning. Tulis Bersih 1.0, 2.0, 3.0, lepas itu cabut lari. Dia tidak bertanggung jawab. Pihak yang bertanggungjawab ialah BN untuk naikkan ekonomi rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Jadi, saya hendak simpulkan bahawa kerajaan pada hari ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab, tidak macam pembangkang. Saya hendak cabar pembangkang. Apakah ekonomi di Kedah, Penang, Kelantan, Selangor lebih baik daripada ekonomi di negeri-negeri yang dipegang oleh BN? Sudah tentu ekonomi mereka, KDNK mereka lebih teruk daripada KDNK oleh negeri-negeri BN, satu.

Kedua, saya juga hendak sebut di sini bahawa negara kita juga kadar penganggurannya rendah. Kadar pengangguran negara sekitar 3% sahaja. Itu baik, itu bagus. Sedangkan kadar pengangguran di negara lain lebih besar, lebih teruk daripada negara kita.

Contoh, Amerika Syarikat 7.9%. Ia besar, Obama besar, perang besar, perang Afghanistan di Timur Tengah, trilion dollar dia bantu. Akan tetapi dia punya kadar pengangguran tinggi, 7.9%. Teruk. Perancis buat jet sana, buat jet sini, hebat sana, hebat sini. Buat Boeing sana, Boeing sini, tetapi kadar pengangguran [*Menyebut dengan pelat*], hendak sebut pelat. Tidak pelat, tidak sedap. Pelat sedap. [*Ketawa*] 10.2%. Perancis itu. Lain-lain? Lagi teruk! Jadi, 3% ikut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, mana-mana negara yang kadar penganggurannya kurang daripada 3.5% disifatkan tidak ada pengangguran. Itu Malaysia! Tahniahlah! Tepuklah tangan sikit, aduh, payah.

#### ■1440

Di Malaysia bagus. Pembangkang sahaja yang kata tidak bagus. Bukan di sini, di sini baik-baik, di luar sana. [*Ketawa*] Itu realiti, itu kebenaran, bukan retorik, bukan norma, bukan semberono. Hakikat ialah Malaysia bagus. Yang menganggur, yang malas, yang suka lepak, yang suka merempit, yang suka buang masa, yang tidak ada pedoman. Kalau di Malaysia, ada tiga juta pendatang asing yang sah, tiga juta. Yang haram, yang tidak sah, PATI ada dua juta lebih. Tiga juta campur dua juta lebih, lima juta lebih orang asing datang ke negara kita.

Maknanya hampir-hampir 45% tenaga kerja di Malaysia adalah terdiri daripada pendatang asing. Kalaulah kadar pengangguran itu 3%, semua hendak kerja Datuk Din, ingat. Semua boleh kerja. Tapi dia menganggur sebab apa, dia malas, dia tidak suka jadi pekerja ladang, estet kelapa sawit, restoran, hotel, tukang cuci, kayu balak, kayu tidak balak, dia tidak suka. Dia suka *smart* macam Datuk Paul, macam Datuk Olian, macam Datuk Dr. Firdaus, *tie* biru, dia suka sebab dia *smart*. Tapi dia tidak ada kelulusan.

Pendatang haram tepi jalan pun jadi, jual sayur pun jadi, jual ikan pun jadi. Dia tidak kisah, dia 3D. *Difficult*, susah dia mahu, *dangers* dia mahu, bahaya dia mahu. *Dirty*, kotor dia mahu, 3D. *Dangers, difficult, dirty*. Kita segan, malu, 'action'. Sebab itu pengangguran. Kesimpulannya negara Malaysia adalah syurga bagi mereka yang mahu bekerja. Sedangkan kita negara yang makmur yang baik, yang kata tidak baik hanyalah pembangkang. Sudahlah pembangkang.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit tidak?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya setuju dengan apa Yang Berhormat katakan tadi tentang sikap setengah, sebahagian besar bukan setengah, orang kita yang terlalu memilih kerja dan ini ada kaitan dengan sikap. Saya pernah mencadangkan pada sesi yang lalu supaya diadakan program-program, *attitude transformation programme*. Saya rasa ini antara langkah-langkah yang patut diambil untuk merubah sikap, tenaga kerja yang terbengkalai, tenaga kerja yang tidak terpakai di negara kita ini. Kalau ini dapat dilakukan dan ini akan menghalang mereka daripada bukan sahaja pengangguran tapi akan menghalang mereka daripada pujukan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, yang menyuruh mereka berdemonstrasi di tengah jalan. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya setuju 100%. Minta Dato' Dr. Firdaus buat *paperwork*, cadangkan boleh. Dia kata boleh, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya berpindah kepada Bajet 2013 peruntukan belanja mengurus RM201.9 bilion, belanja pembangunan RM49.7 bilion. Saya kira kalau bolehlah, belanja mengurus itu dinaikkan sekurang-kurangnya 1/3 daripada belanja mengurus. Kalau 1/3 lebih kurang RM70 bilion kena buat pembangunan untuk jalan, bangunan, prasarana, universiti, sekolah, air, api, dewan macam ini, macam-macam. Kena tingkatkan belanja pembangunan.

Oleh itu saya ingin melihat akan datang supaya bajet ini ditingkatkan, dibesarkan untuk belanja pembangunan. Saya lihat tidak sampai suku pun belanja pembangunan di buat. Tiap-tiap tahun tidak sampai suku pun. RM49.7 bilion tidak sampai suku. Kalau suku lebih kurang RM50 bilion. Untuk itu saya minta, mohon supaya 1/3 belanja pembangunan dibuat untuk akan datang.

Saya juga hendak fokus kepada Bajet 2013. Pertama merangsang aktiviti pelaburan, bagus, ini bagus. Bagi saya pelaburan penting, mustahak. 2011 pelaburan yang masuk ke Malaysia adalah sebanyak RM59.8 bilion. 2012 masuk RM75.3 bilion. Akan datang diramalkan masuk lebih kurang RM148.4 bilion. Besar itu besar. Tapi saya hendak tengok pelaburan adil. Kalau tidak boleh saksama pun, adil. Contoh, pelabur masuk di bandar-bandar besar di Pantai Barat sahaja. Kuala Lumpur, Port Kelang, Perak, *Penang*, JB, Melaka, Negeri Sembilan. Terengganu sikit, Pahang sikit, Kelantan lagi sikit, kariah lagi sikit. Bukan falsafah betah. Sabah, Sarawak juga sikit.

Saya difahamkan tidak sampai 10% pun pelabur yang datang ke Malaysia ditolak, ditempatkan di Pantai Timur atau Sabah atau Sarawak. Sebab konon-konon prasarana tidak cukup, jauh, tidak cukup strategik, macam-macam alasan. Sekarang Pantai Timur ada ECER, Sabah Sarawak ada SEDA, ada SCORE, macam-macam. Kita hendak supaya sekurang-kurangnya 20% daripada pelabur yang mendaftar dengan MITI masuk ke Pantai Timur, Sabah

dan Sarawak. Buat apa yang dah bangun, sudah kaya, kaya lagi, sudah senang, senang lagi. Yang banyak menganggur orang Pantai Timur, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Sebab itu di Kuala Lumpur banyak orang Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak. Dia cari makan di sini sebab pelabur kurang di tempat dia, di samping faktor lain. Jadi kena tengok, merangsang aktiviti pelaburan supaya pelabur itu adil.

■1450

Saya juga hendak tanya kepada MITI, adakah MITI buat satu usaha untuk menarik pelabur melabur ke negeri Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Kelantan? Sebab apa? Sebab ini negeri-negeri dikuasai oleh pembangkang. Pembangkang kata *Penang* maju, Kedah maju, Selangor maju, Kelantan maju tanpa usaha atau pertolongan daripada MITI. Itu tidak baiklah, bohong. Saya tahu MITI ada melabur, ada usaha kepada keempat-empat negeri. Saya hendak tahu juga apa usaha yang dibuat oleh MITI, kalau ada usaha, saya juga hendak tahu apa usaha MITI kepada negeri-negeri yang dikuasai oleh BN? Kita hendak tahu juga, jangan lebih-lebih sangat pembangkang, jangan lebih-lebih sangat kepada negeri yang bangkang kita.

Juga saya tertarik juga kepada *Penang*. *Penang* ini dahulu terkenal. Masa dia ambil alih pemerintahan tahun 2008, pelabur ramai yang datang. Konon-kononnya *Penang* macam Singapura. Untuk tahun 2008, *Penang* hanya memulakan usaha pelaburan. Tahun 2009 mereka ke luar negara tarik pelabur. Tahun 2010 pelabur banyak melabur, Tuan Yang di-Pertua, yakni mereka sudah berjaya tarik lebih kurang RM10 bilion pelaburan di *Penang*.

Akan tetapi, bila dia tahu kerenah, kemampuan, ketidakupayaan kerajaan DAP di *Penang* – kalau saya salah, sila bangun betulkan saya. Kalau tidak salah, diam sahaja, duduk, duduk. Tahun 2010, RM10 bilion. Tahun 2011 turun lagi. Tahun 2012, jumlah pelabur menurun jatuh macam roket jatuh.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta mencelah, boleh?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Ini tentang *Penang* ini, saya dapati harga-harga rumahnya bukan naik seperti Semenanjung Malaysia atau di tempat-tempat lain. Di *Penang* ini, selepas tahun 2008, harga rumah biasa pun naik dua tiga empat kali ganda sampai orang *Penang* pun tidak boleh beli. Mungkinkah ini sebab wang yang dicari ini, pelabur-pelabur yang datang itu tahun 2010 sampai RM10 bilion bukan sebenarnya untuk perindustrian tetapi membeli banyak harta, *property* dengan izin, sampai harga dia naik, sampai orang *Penang* pun tidak boleh beli. Apa pendapat Yang Berhormat tentang ini?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Penang* ini memang dahulu dia naik harga tetapi sekarang sudah jatuh harga sebab rumah tidak laku. Dia tamak, sekarang banyak kosong. *You* pergi *Penang*, *anytime* boleh dapat rumah, murah sekarang. Jatuh harga, tidak laku. *Penang* sekarang bukan macam dahulu, sudah tidak laku. Ada faham? [*Ketawa*] Jadi,

merudum jatuh sampai RM1.8 bilion sahaja. Dahulu Penang nombor satu, sekarang *Penang* nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca kedudukan. Nombor satu, Sabah; dua, Selangor; tiga, Sarawak; empat, Johor; lima, Terengganu; enam, Kuala Lumpur; tujuh, Perak; dan lapan, *Penang*. Angka ini bukan bohong. Betul, MITI buat, beri saya.

Jadi, *Penang* itu adalah negeri yang disangka baik dahulu tetapi sekarang rekod dia buruk, sebab disangka permata rupanya kaca. Jadi rakyat kena sedar, pilihan raya lagi sekali, pilihlah BN, bukan DAP. *[Tepuk]* Tepuklah kuat sedikit. *[Tepuk]*

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Saya tertarik sedikit bila Yang Berhormat bercakap mengenai Pulau Pinang dan saya amat bersetuju sebab saya juga ada menyemak mengenai GDP Pulau Pinang yang dahulunya di tempat teratas, sekarang jatuh ke tempat kelapan. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya ini berterusan? Adakah ini akan menyebabkan inflasi kepada Pulau Pinang? Ia mungkin menyebabkan inflasi kepada Pulau Pinang, jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah tentu wujud inflasi di *Penang*. Itu pertama. Kedua, *Penang* akan dikuasai oleh BN nanti. *Insyallah*, tengoklah, kalau tidak percaya. Saya hendak balik kepada satu lagi...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya minta mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya hendak tanya Yang Berhormat ini, inflasi itu apa benda Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya pun cakap sahaja, tidak faham sangat. *[Ketawa]* Harga barang naik, takkan tidak faham lagi.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sudah gaharu cendana pula.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah tahu bertanya pula. Saya juga hendak sebut, rangsang aktiviti pelaburan untuk menjelang tahun 2020 syarikat bumiputera. Kita dahulu masa 13 Mei 1969 ada gaduh, Melayu-Cina gaduh. Beribu orang mati. Selepas itu tahun 1970, susun semula ekonomi, Dasar Ekonomi Baru. Disebut *target* Melayu, bumiputera kena ada ekuiti 30% termasuk orang Siam. Angguk kuat sedikitlah. Akan tetapi setelah itu, dari tahun 1970 sehingga sekarang, berapa tahun sekarang? Ada 40 tahun lebih, 30 tahun lebih? *[Disampuk]* Setelah 42 tahun, ekuiti bumiputera Melayu hanya 23% sahaja, malang. Dia *target* 30 tahun, malang.

Dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, beliau kata 23% sahaja ekuiti Melayu bumiputera pada tahun 2010. Dahulu, tahun 2008 hanya 22% sahaja. Kita tengok, itu termasuk ekuiti Melayu campur GLC. Tanpa GLC, tidak akan

berlaku 23%. Dalam keadaan ini, ada kata bumiputera hendak bagi sebanyak RM9 bilion yakni 43% daripada nilai kos projek MRT. Adakah ini berjaya hendak ditingkatkan ekuiti bumiputera?

■1500

Selepas itu disebut lagi Dana Pembiayaan Bumiputera jumlah RM1 bilion, selepas itu sebut lagi SME Bank akan tolong, selepas itu...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya celah sedikit?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya tertarik dengan angka-angka Yang Berhormat beri tadi iaitu pertumbuhan pemilikan harta korporat atau ekuiti bumiputera. Daripada tidak sampai 3% di awal tahun 70-an sampai kepada 22%, 23% di akhir pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru walaupun sasaran atau *target* yang kita harapkan ialah 30%. Akan tetapi walau bagaimanapun melihat kepada suasana turun naik ekonomi tempatan dan ekonomi dunia, pencapaian daripada 3% lebih kurang 3% kepada 23% itu saya rasa boleh diterimalah. Akan tetapi saya hendak tahu adakah pada pandangan Yang Berhormat pencapaian daripada 3% kepada 23% itu akan tercapai juga sekiranya yang memerintah dari tahun 1970 hingga sekarang ini bukan Barisan Nasional?

Ertinya melihat pada gelagat orang yang berkuasa di *Penang*, orang yang berkuasa di Selangor sekarang, tidakkah mungkin pencapaian 3% dalam tahun 30 itu tidak akan mungkin sampai kepada 10% atau 15% di akhir 20 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu? Saya ingin melihat pandangan Yang Berhormat. Maksud saya begini, kalau sekiranya bukan kerana Barisan Nasional pencapaian ya, walaupun tidak mencapai *target* atau mencapai sasaran itu akan jauh lebih rendah kalau orang lain yang memerintah. Melihat apa yang mereka lakukan di Selangor dan di *Penang*. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau bukan Barisan Nasional katakan PKR perintah yang ada 23% pun habis hilang, jangan mimpilah, jangan mimpi. Barisan Nasional pun susah, kalau PKR lagi susah. Saya rasa kalau PKR perintah 23% itu hilang, hangus habis, betul. Sebab matlamat dia untuk cabut kuasa sahaja '*setangkai tetapi tidak sebahu, senada tetapi tidak seirama.*' Cakap sahaja, boleh cakap. Aku pun boleh cakap apa-apa, gajah, harimau tetapi hendak laksanakan payah. Contohnya, hendak laksanakan hudud pun PAS kata "*boleh,*" DAP kata "*langkah mayat dia dahulu.*" Siapa berani langkah mayat dia, dia masih hidup lagi. [Ketawa] Betul? Betul? PAS kata "*hendak negara Islam,*" DAP kata "*tidak boleh,*" termasuk DAP kata tidak boleh. Negara Islam tidak boleh, ini negara sekular. Siapa kata? Tuan Karpal Singh kata, bukan saya kata Tuan Karpal Singh kata. Jadi itu prinsip.

Contoh dua, *so* negara Islam hilang. Dahulu Islam, Islam, Allahuakbar! Allahuakbar! Takbir! Takbir! Sekarang sudah hilang. Dahulu hudud, hudud! hudud! Sekarang hilang. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang kata "*hudud negara Islam, takbir! Allahuakbar!*" Sekarang hilang sebab DAP. DAP halang, DAP sekat. Orang kerusi roda sekat. Dia tidak berani, itu contoh, itu

contoh *simple*. Contoh 23% lagi payah. Jadi jangan mimpilah. Ada lagi soalan? [Disampuk]  
Jadi...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey, kalau bolehlah kerana saya diundang untuk beri soalan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apa agaknya yang menyebabkan PAS ini takut sangat dengan DAP?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Takut dia hilang undi daripada bukan Islam. Celaru, fikiran dia celaru. Dahulu Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang kata hendak negara Islam bila PAS sekat dia pusing. Dahulu hendak hudud, bila DAP sekat hilang, celaru. Dia tukar tukar-tukar, konsep negara Islam tukar negara kebajikan, hudud tukar bukan hudud. Puas hati? Celaru?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, ini sedap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahulah selalu kita dengar orang bercakap tentang hudud di luar sana dan juga di Parlimen ini. Saya hendak tahu hudud ini ada satu perkara asing dari Islam ataupun dia adalah daripada Islam? Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hudud itu bukan asing. Satu bahagian daripada Islam, betul? Betul? [Disampuk] Betul okeylah.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Betul. Jadi, apabila dia daripada Islam, kalau orang Islam, kita sama-sama Islam. Hudud ini serupa sembahyang Yang Berhormat. Jadi kita terima konsep itu terima sebagai dia adalah salah satu daripada tuntutan Islam. Sama ada kita boleh buat atau tidak boleh buat itu masalah yang kedua. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sama juga dengan kita. Kita semua UMNO, you PAS. Allah sama, nabi sama, kita percaya bukan tidak percaya. Kita yakin bukan tidak yakin. Cuma kita tidak jadikan isu kita tidak jadikan dalil, untuk hudud, hudud, hudud! Sampai masa tidak boleh buat. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang kata kalau dia berkuasa contoh, tidak sempat ayam kokok dia hendak laksana hudud, tahun bila? Tahun 1998.

Bila dia berkuasa tahun 1999 dia tidak buat, ayam kokok sudah mati, habis kena sembelih. Bila ditanya kenapa tidak buat hudud? Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang kata "*Hudud itu perkara enteng 0.0001% sahaja.*" Bukan aku kata, Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang kata. Itu hakikat, saya lawan Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, saya tahulah. Orang Marang, saya juga orang Marang. Saya pernah kalahkan dia, dia pernah kalahkan saya. Tahulah ustaz. Jadi hudud itu bagi Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang enteng sahaja, sedangkan kita bukan enteng. Hudud itu perkara penting, wajib kita percaya. Cuma kita tidak mampu lagi hendak laksanakan. Kena ada saksi kena ada orang bijak pandai kena ada cukup mahkamah, macam-macam.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Minta mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira bercakap tentang hudud adalah sangat penting dan saya hendak maklumkan di sini usaha di Kelantan yang telah kita buat ialah sekitar tahun 1992 atau 1994. Kerajaan Negeri Kelantan telah menjemput dua orang pakar, kedua-duanya telah pun meninggal dunia iaitu Profesor Ahmad Ibrahim dan juga Profesor Mahmud Saidon. Dua orang yang sangat berpengaruh daripada sudut akademik untuk membuat dan membincangkan tentang hudud dan kedua-dua ini telah mendraf Enakmen Kanun Jenayah Syariah II di Kelantan.

■1510

Selepas diluluskan di Dewan Undangan Negeri, kita telah menerima surat amaran daripada Perdana Menteri pada masa itu yang memberi amaran untuk tidak melaksanakan dan kita faham benda itu ada kaitan dengan bidang kuasa. Jadi saya minta komen mengenai surat amaran ini, sehingga kini statusnya macam mana?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau sayalah jadi Menteri Besar atau pegang kuasa di Kelantan, saya tidak peduli Mahathir kah siapa kah, saya buat. [*Tepuk*] Kenapa perlu takut pada Mahathir masa itu? Yang perlu takut bukan Mahathir. Yang perlu takut ialah Allah, betul? Tepuk tangan sedikit. Yang patut takut Allah. Sekarang *you* takut DAP, kenapa? Bila DAP kata jangan, *you* tidak buat. Kenapa DAP besar kah Allah besar? Saya hendak tanya, DAP kah Allah besar? Sudah tentu Allah lebih besar. Jauh lebih besar tetapi bila DAP kata jangan bincang, jangan sebut, jangan bahas. Kalau nak buat juga, langkah mayat dia dahulu. Nik Aziz, Haji Hadi senyap 'tupah', senyap sunyi. Betul? Betul? Jadi kita bukan hendak gunakan hudud hendak jerat pengundi. Kita buat macam-macam. Sekolah agama, masjid, surau, guru agama, universiti, profesor, tuan haji, zakat, bank Islam, muassasah, mudarabah, macam-macam. Tapi kita tidak bising. Kita tidak dendangkan macam PAS dendang.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit boleh?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Banyak pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya tertarik hati dengan rakan-rakan saya yang bercakap pada hari ini dan tertarik hati dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah dengan alasan-alasan yang dibuat. Rasa saya, PAS memang macam gitulah alasannya. Dia tidak boleh buat, alasannya macam itu. Satu lagi saya hendak tanya, semua orang yang salah. Tidak ada sendiri yang salah. Minta maaf. Kemudian satu lagi saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, hari itu kata Datuk Haji Hadi, dia kata dia hendak jadi Perdana Menteri. Alih-alih itu tidak jadi pula, tarik balik, kerana Anwar hendak jadi. Jadi apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Haji Hadi tidak boleh jadi PM ada sebab. Pertama, dia celaru. Kedua, kerusi PAS sedikit, kerusi DAP banyak, kerusi PKR banyak. Yang

banyak jadi PM bukan yang sedikit jadi PM. Ketiga, hendak jadi PM boleh, dengan syarat menang dulu di Marang. Dengan aku pun dia kalah. Macam mana dia nak jadi PM? Betul? Bukan cakap besar, hakikat. *[Tepuk]* To' Puan Hajah Zaitun tahulah, orang Marang. Kalau hendak jadi PM, kena menang di Marang. Belum tentu dia menang. Dia hendak sebut kuat-kuat sebab itu dia cabar PM di Pekan, sedangkan di Marang orang tidak suka sudah. Tidak percaya? Dia bertanding dan saya pun bertanding. Bukan saya minta calon. Orang beri pun tidak apa, orang tidak beri pun tidak apa. Kalau orang bagi saya tanding walaupun sakit-sakit, walaupun tidak lancar. Saya yakin menang sebab Hadi tidak buat kerja, 'dok' makan gaji buta sahaja.

Saya dengan dia, waris. Bukan orang lain, waris. *Nothing personal* tetapi dia tidak ada rekod buat kerja baik. Melawat kampung pun tidak. Macam mana hendak menang? Lagi sekali kalau Najib ini macam bagus, buat kerja, BR1M, macam-macam, *insya-Allah* BN akan menang di Marang bahkan di seluruh Malaysia. *Insya-Allah* akan menang. Tepuklah. *[Tepuk]*

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat, saya minta celah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih. Saya sebagai seorang bukan Islam tidak begitu faham tentang hudud ini tetapi bila dahulu sekali saya ada buat satu projek di negara Arab Saudi, saya nampak pada hari Jumaat, ada orang dihukum sampai potong tangan depan kalangan *public*. Kalau macam itu, saya pun rasa begitu takutlah tentang hudud ini tetapi hudud ini sama kah tidak sama, itu nombor satu.

Nombor dua, baru-baru ini saya tengok di akhbar di negeri Kelantan Yang Berhormat, dia kata hendak potong rambut itu, kalau kita pergi potong rambut macam tempat *A Cut Above* kah, tempat yang bagus itu, hanya wanita boleh potong untuk rambut wanita dan tidak boleh potong rambut untuk lelaki. Jadi, adakah ini bererti jika kerajaan seperti PAS mengambil alih, kalau Hadi memang jadi Perdana Menteri, kalau kita hendak pergi rawatan di hospital, memang *nurse* itu seorang wanita, jadi kaum wanita ini tidak boleh - kita tidak mendapat rawatanlah daripada kaum wanita? Adakah bererti seperti itu Yang Berhormat? Boleh jelaskan tidak?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hudud itu sama. Arab kah, Jepun kah, Malaysia kah, hukumnya sama. Kalau potong tangan, potong tanganlah. UMNO setuju, bukan PAS sahaja setuju. Tinggal lagi kemampuan kita, itu satu. Dua, kena undi dalam Parlimen. Kalau dapat sokongan 2/3, bolehlah buat hudud. Kalau tidak boleh, tidak bolehlah. Jadi bukan senang. Negara kita berbilang bangsa, adat, agama, kepercayaan. Orang Islam tolak hudud, kafir. Tidak masuk syurga. Kalau dia akur hudud itu, kalau Islam, kena buat tetapi tinggal lagi daya ke tidak daya. Kalau tidak daya, sabar dulu, tunggu dulu.

Nabi Muhammad di Mekah lain, di Madinah lain. Undang-undang Islam bila sampai di Madinah baru buat, di Mekah lain. Begitu juga. Nabi 30 tahun tunggu. Begitu juga kita kerana kita tidak cukup lagi mahkamah, orang bijak pandai, setuju kuorum di Parlimen. Jadi, tidak boleh kata UMNO atau lain daripada orang PAS tidak sokong hudud. Kita sokong. Tinggal lagi

masalah-masalah begitu. Ini kena faham. Politik banyak sangat tidak boleh. Goreng sana, goreng sini tidak boleh. Baiklah, cukuplah. Kita alih kepada lain pula.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada lagi.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Saya tertarik dengan tajuk pegangan ekuiti bumiputera tadi, 23%. Saya hendak bertanya di sini sama ada benar ke tidak di Kelantan walaupun nampak macam pegangan ekuiti bumiputeranya tinggi tetapi banyak juga tanah yang telah dijual kepada orang asing, mungkin kepada orang di luar negara juga tetapi menggunakan nama-nama orang tempatan. Betul tidak Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul, betul, betul sangat. Bukan betul sedikit, betul banyak. Contoh, balak di Kelantan, di Lojing. Kalau boleh, wakil Kelantan jawab. Jangan duduk sahaja, bangun. Duduk sahaja buat apa? Hutan gondol, bukit gondol, semua gondol. Dia kata orang luar tidak boleh beli tanah tetapi balak semua orang luar, kebanyakannya luar.

#### ■1520

Contoh di Lojing. Kalau tidak betul nafi, nafi, nafi, nafikan. Kalau betul duduk. Jadi itu contoh terang lagi bersuluh. Nyata lagi bersuluh. Kita boleh kata orang lawa tidak boleh tetapi kita tidak boleh nafikan bila syarikat pembalok ada orang luar, orang *Singapore* ada, orang Selangor ada, orang Kuala Lumpur ada. Bukan saya cakap, buku ini cakap. Puas hati? Saya juga hendak sebut, skim jaminan modal kerja sebanyak RM10 bilion telah diberikan oleh Menteri Kewangan untuk bantu bumiputera betul dan diangkat kepada pinjaman RM10 juta tidak melebihi RM20 juta untuk bumiputera. Ditubuhkan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan juga dia buat macam-macam lagi termasuk melahirkan 4,212 orang usahawan termasuk India juga.

Akan tetapi, saya hendak tanya. Adakah ini menjamin pencapaian 30% bumiputera dan ekuiti? Kalau jawapannya tidak menjamin, saya syorkan supaya dicari jalan lain untuk memajukan masyarakat bumiputera untuk mencapai 30% ekuiti. Kalau tidak hanya tinggal kenangan sahaja. Saya takut manalah tahu kalau pihak pemerintah habis hancur, hilang. Jadi saya bercakap ini untuk langkah berjaga-jaga termasuk Kadazan Dusun, Maijoi. Tidurkah? Ha! Bangun. Kadazan Dusun, Iban, Orang Asli, orang Siam semua masyarakat bumiputera kena ada ekuiti 30%.

Saranan saya ini bukan saya rasis tetapi menyedari bahawa kalau masyarakat pincang tidak sama dari segi ekonomi, pendapatan dan kedudukan masyarakat akan menyaksikan lagi sekali, lagi dua kali mungkin 13 Mei saya tidak mahu ini, semua orang tidak mahu. Masyarakat biar seimbang. Kedudukan harta, kedudukan ilmu, kedudukan pegangan ekuiti hendaklah

seimbang. Bukan saya berdasarkan nisbah penduduk, kalau nisbah penduduk bumiputera bukan bumi, bumiputera sekarang 65%, Melayu ada 55% tetapi saya bercakap ini untuk masa depan negara yang lebih terjamin, yang lebih baik, yang lebih selamat. Apa guna negara kalau masa depan tidak terjamin, ekonomi teruk, jurang ekonomi antara kaum berbeza tidak guna. Kita hendak hidup di dalam masyarakat yang aman damai, yang adil, yang seimbang dan berimbang.

Saya juga hendak sentuh tentang Angkatan Tentera. Saya difahamkan kerajaan akan bagi bantuan kepada tentera, bekas-bekas tentera banyak duit akan dibagi. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah tentera yang bersara juga dapat RM1,000 bantuan sebagaimana yang disebutkan? Yang saya maksudnya zaman darurat daripada 23 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960. Kedua, zaman konfrontasi 20 Januari 1963 sehingga 11 Ogos 1966. Ketiga, zaman komunis sebelum Perang Dunia Kedua. Keempat, letak senjata pada 2 Disember 1989 masuk ke zaman PKI, masuk ke zaman Parti Rakyat Kalimantan Utara, masuk ke zaman RASCOM tahun 1970.

Adakah wang RM1,000 untuk mereka juga diperolehi? Saya faham RM1,000 itu hanya untuk bekas-bekas tentera yang tidak berpencen. Adakah termasuk mereka empat kategori tadi? Sebab saya sebut itu, mereka merupakan hero pada zaman dia. Hero tentera zaman emas, hero emas zaman dulu-dulu. Jadi kalau tidak masuk, saya syorkan dikaji semula dimasukkan. Kalau tidak boleh awal tahun, bajet tambahan pertengahan tahun dimasukkan empat kategori tadi zaman darurat, zaman konfrontasi, zaman komunis dan zaman PKI sehingga RASCOM kita kena masuk ada lebih kurang 30,000 orang.

Saya juga tertarik kepada bajet ini sebab ia meringankan kos sara hidup rakyat. Pertama BR1M, dulu sudah bagi RM500 seisi rumah BR1M pertama. Sekarang BR1M kedua akan diberikan mungkin bulan depan RM500 juga untuk 4.6 juta orang isi rumah dengan melibatkan RM4 bilion. Saya juga tahniah kepada bantuan tunai sebanyak RM250 kepada individu bujang, tidak kahwin lagi dengan syarat mereka berumur 21 tahun ke atas pendapatan kurang RM2,000. Jadi kedua-dua ini bagus, bukan tidak bagus. Pembangkang kata dulu hendak gula-gulakan kerajaan terutama Ketua Pembangkang itu. Rupa-rupanya bukan, kalau sudah buat sekali tahun dulu, tahun lepas ini buat lagi, akan datang saya syorkan buat lagi.

Akan tetapi, saya hendak beri tahu lebih baik beri pancing daripada beri ikan. Beri ikan itu jangka pendek, beri pancing itu jangka panjang. Faham-faham sahajalah saya kata. Saya juga tahniah kepada Menteri Kewangan sebab buka Kedai Rakyat 1Malaysia. Banyak itu, 57 buah.

#### ■1530

Memandangkan sambutan begitu hebat, saya syorkan buka lagi, buka lagi, buka lagi, banyak lagi, semua negeri. Sekurang-kurangnya satu bahagian Parlimen, satu Kedai Rakyat 1Malaysia. Kita ada 222 bahagian Parlimen. Untuk itu, semua bahagian Parlimen ada *at least* sekurang-kurangnya satu kedai rakyat. Saya juga tertarik untuk Kedai Kain Rakyat 1Malaysia. Selain daripada itu Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia, bukalah, buka, buka. Jangan tidak buka,

buka. Juga subsidi pengangkutan di Sabah dan Sarawak. Bila kerajaan beri bantuan untuk harga barangan di Sabah dan di Sarawak jadi sama rata.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, banyak lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Banyak lagi, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua kata berhenti, saya berhentilah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agak-agak berapa lama lagi Yang Berhormat perlukan?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada sepuluh minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sepuluh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, sepuluh minit.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey. Jadi, sara hidup itu baik, termasuk meringankan kos harga barangan Sabah dan Sarawak. Diskaun kereta api komuter, baik. Cukai pendapatan individu satu mata peratus sangat baik. Diskaun 50% tambang feri, baik. Ibadah haji, baik. Akaun 2 buka KWSP, baik. Tahniah. Bonus satu bulan setengah penjawat awam, baik. Bulan satu akan terima. Bantuan RM500 kepada pesara kerajaan, baik. Tahniah. Diskaun 50% warga emas, kanak-kanak bagi bayaran proses pasport, baik. Semua baik, semua baik, tidak ada yang tidak baik.

Jadi, saya hendak ingatkan lagi kepada kita semua, bajet ini bajet baik sangat. Kita tinggal lagi, kita seru kepada pembangkang jangan banyak maki hamun kepada kerajaan sebab dosa banyak. Dia maki hamun macam-macam. Tinggal lagi bila terima bantuan dia dahulu lagi berbaris. Orang kata pukul 3 mari, dia pukul 2 sudah mari. Orang kata pukul 8 mari, pukul 6.30 sudah mari. Dia kata, doa, doa. UMNO hancur, hancur. Kalau UMNO hancur Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh duit. Betul? Hancur semua.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau UMNO tumbang, siapa hendak beri BR1M? Siapa hendak beri Kedai Rakyat 1Malaysia? Ikan 1Malaysia, Kedai Kain Rakyat 1Malaysia? Tayar 1Malaysia? Lagi, Lagi, banyak lagi. Untuk itu, kita doakan supaya UMNO, BN baik. Majibol baik. *[Ketawa]* Jadi kena baik. Jadi, kita hendak lihat baik.

Akhir sekali, ada lagi lima minit. Kamera komputer AES. Saya sokong 100% sebab kemalangan di Malaysia merupakan pembunuh nombor satu. Tahun lepas, tahun 2011 berlaku lebih kurang 450,000 kemalangan. Mati, lebih kurang 119 mati. Setiap hari mati. Mati untuk tahun 2011, 6,877 angka itu besar. Lebih baik duduk dalam hutan daripada duduk dalam bandar.

Dahulu orang takut harimau, gajah, buaya dan ular. Sekarang takut lagi di KL. Mati *accident*, mati *accident*. 20 orang satu hari. Sebab pertama, langgar lampu isyarat. Kedua, lari laju daripada had. Sebab itu dikenakan AES sebab di Jerman, Australia, Eropah dan UK, boleh kurangkan kematian antara 17% hingga 41%. *Accident* boleh kurangkan lebih kurang 70%. Apa

yang saya hairan bin takjub bin ajaib ialah pembangkang tidak setuju kenapa? Mengapa dan mengapa? Tidak matikah pembangkang kena langgar? Mati juga.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Betul, betul, betul.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Accident* nombor satu. Bila DUN, rakyat, negara dia bising. *Accident* di Malaysia. Menteri Pengangkutan tidak boleh harap. Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak boleh harap, tidak cakap. Bila kerajaan buat, dia marah. Mogok sana, mogok sini. Kaki mogok. Ikut Anwar Ibrahim sangat itu. Mogok sana, demo sana.

Sedangkan ada bukti bahawa untuk itu baik, untuk kurangkan kemalangan. Dia telah pasang uji di KL, satu. Di Putrajaya - 2, di Perak - 3, di Selangor - 4. 2, 2, 2, 8. Dia pasang pertengahan tahun, tiga bulan. Semua rekod ada gambar. Sebanyak 63,000 gambar, bukan sekeping Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 63,000 keping analisa.

Maka, terbukti sudah bila dipasang kamera, kita pun tengok kamera kita takut. Eh! Kamera. Tengok Dato' Nallakaruppan, *I love you*. Tengok kamera dia takut. Tengok kamera, bukan sahaja orang takut, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid takut, Yang Berhormat Johari takut, aku pun takut, semua orang takut. Dato' Mohammed Najeeb pun takut, sebab kamera itu ambil gambar, perangkap hantar kepada sentral. Kalaulah usaha ini untuk kurang kematian dan kemalangan, saya hairan kenapa pembangkang tidak setuju? Kalau pembangkang tidak setuju, bermaknalah, pembangkang suka orang mati. Betul?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul jawablah! Tepuklah! Pembangkang suka orang mati, suka orang kemalangan. Jadi, harap-harap pembangkang tidak masuk kampung lagi. Taubatlah, taubat nasuha. *[Ketawa]* Jangan kempen lagi bahawa kerajaan itu tidak baik. Kerajaan itu baik. Kerajaan sayang rakyat. Kerajaan mana tidak sayang rakyat. Semua sayang rakyat. Semua hendak tengok rakyat baik. Saya baru kata semalam, ada satu India keluar dari penjara di Gombak, mati terkena tembak. Kita sayang. Indiakah, Cinakah, Dayakkah, Ibankah, Orang Aslikah, semua sayang.

■1540

Akan tetapi, Yang Berhormat Saiful pun kena ingat. Mana ada negara tidak ada pembunuhan. Betul? Semua orang mati. Hatta, Amerika kah. Amerika setiap tiga minit seorang mati. Di mana, di LA..., mu sudah pergi? Aku sudah pergi. Betul, saya pergi. Pergi LA naik teksi ada *bullet proof*. Tidak boleh cakap Tuan Yang di-Pertua, hendak cakap angkat telefon, "*Hey, hello, hello*". Tidak boleh cakap. Dia takut orang ambil pistol tembak kamu – mati. Jadi, ditutup dengan itu. Tiga minit satu orang mati.

Di Malaysia, bukan macam itu. Itu Amerika, England pun sama. India lagi banyak, China pun sama. Semua ada pembunuhan hatta Tahiti pun ada pembunuhan. Filipina pun ada, Singapura pun ada. Seorang India di Gombak mati tidaklah jadikan Malaysia negara tidak baik.

Malaysia itu negara ke 19 terselamat di dunia. Di Asia, nombor dua di Asia Tenggara. Betul! Betul kah? Betul. Jadi, Yang Berhormat Saiful kalau hendak buat *sibyl*, kalau hendak buat kesimpulan jangan pakai rambang sahaja. Jangan pakai borong, hati-hati cakap. Bukan semua ini bodoh, semua cerdik. Kalau bodoh tidak boleh jadi Senator betul?... [Ketawa] Ini semua cerdik. Jadi, kalau hendak berbincang dalam Dewan yang mulia ini kena cerdik, kena hati-hati. Bukan semua orang bodoh! Orang juga ada fikiran. Kesimpulannya, pembangkang kalau salah taubat *nasuha*.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada lagi. Ada dua minit lagi. Nurul kata agama itu liberal. Bukan dia kata liberal. Dia kata, Melayu pun boleh bebas pegang agama. Itu salah! Pilih agama. Dia cakap dalam gereja. Nurul Izzah, Naib Presiden PKR. Salah tu Nurul. Nurul, dengar sini aku kata! Melayu tidak boleh begitu. Melayu ada tiga syarat. Pertama, bahasa – kena pandai Bahasa Malaysia. Kedua, adat istiadat kena amal, kena pegang. Ketiga, agama Islam. Perlembagaan Fasal 3 – betul Yang Berhormat Olian? Yang Berhormat Olian pun tahu, 160 tafsiran – susah hendak cakap.

Kesimpulannya, Nurul buka jalan orang jadi murtad. PAS, Yang Berhormat Hajah Noriah dengan Yang Berhormat Johari tegurlah. Tegur, tegur jangan diam sahaja. Buat apa diam sahaja, betul? Kita tidak boleh murtad. Bebas agama itu kepada orang bukan Islam. Kepada orang Islam tidak boleh buka. Kalau Islam, peluk Islam keluar Islam hukumnya Islam apa? Yang Berhormat Johari tahu. Bunuh, bunuh. Bunuh! Di Arab, dia pancung. Saya pergi sembahyang di Masjid Madinah, sudah sembahyang dia kerumun. Orang hukum bunuh. Dia pancung, saya tengok. Putus, kepala dia jatuh. Betul, pancung. Itu hudud. Bagus!

Satu lagi, Anwar Ibrahim kata liberal, plural. Tidak boleh. Islam tidak boleh plural, tidak boleh liberal. Salah itu, salah! Yang Berhormat Johari, minta komen. Bolehkah Islam liberal? Bolehkah plural? Jawab. *You* lah, tengok apa lain. *You, you*. Jawablah.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Islam, liberal ia berbeza. Islam lain, liberal lain. Liberal tidak Islam, Islam tidak liberal.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jelas, tahniah. Bagus. Islam lain, liberal lain. Akan tetapi, bagi Anwar agama itu liberal, plural. Jadi, Anwar itu salah! Betul? Tidak usah ikut dia. Salah itu, kembalilah ke pangkal jalan. Taubat *nasuha* lagi sekali.

Anwar sokong Yahudi. Keselamatan Yahudi. Bunuh orang tiap-tiap hari. Beribu sudah mati di Palestin. Anwar sokong, kita bangkang, bangkang. Dia sokong. Dia tidak apalah. Dia hendak hidup.

Kita bagi wang ihsan macam-macam – BR1M, KR1M untuk orang. Dia marah macam-macam lah. Akan tetapi, dia bantai. Saya cabar dia, dia bantai wang Yahudi banyak. George Soros banyak. Kenapa kita mesti ikut dia, sedangkan Yahudi itu khianat kepada Islam. Yahudi itu tidak boleh ikut. Kalau ikut Yahudi, nerakalah jawabnya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah itu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cukup? Terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulunglah ya.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya sokong Bajet 2013.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol.

### 3.47 ptg.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk sama-sama berbahas terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Ini ialah ucapan yang terakhir saya dalam Dewan yang mulia ini. Dalam kesempatan yang pendek ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, ialah mengenai dengan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan *Royal Commission Inquiry* (RCI) terhadap masalah PTI di Sabah. Setelah rakyat Sabah, rakyat Malaysia di Sabah ini 20 tahun lamanya meminta supaya kerajaan menyiasat tentang kehadiran PTI yang begitu banyak di Sabah. Dengan pertumbuhan *population* yang luar biasa maka akhirnya, kerajaan bersetuju untuk menubuhkan RCI. Kabinet telah pun bersetuju untuk menubuhkan pada 8 Februari tahun ini.

Akan tetapi, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya lebih serius dalam hal ini kerana walaupun sudah diumumkan atau ditubuhkan RCI pada 8 Februari, tetapi ahli-ahli panel RCI ini hanya diumumkan pada 11 Ogos tahun ini iaitu enam bulan kemudian. Setakat ini belum ada tanda-tanda bahawa RCI ini akan mula membuat penyiasatan tersebut, belum lagi mula apa yang saya tahu dan oleh itu kelihatan oleh orang ramai, rakyat bahawa terdapat ketidakseriusan kerajaan terhadap perkara ini.

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, jumlah PTI di Sabah sekarang ini sudah mencecah dekat satu juta orang iaitu *the exact* nya dengan izin 889,779 PTI di Sabah. Ramai juga yang sudah diberi beratus ribu, sudah diberi kad pengenalan Mykad, yang diberi kemudahan seperti tanah, rumah dan sebagainya serta diberi hak untuk mengundi.

### ■1550

Ada juga yang berjaya masuk dalam perkhidmatan awam kita ini. Lebih teruk lagi, menjadi askar, menjadi polis, mungkin guru-guru. Ada bukti-bukti. Orang *native* di Sabah ini merasakan bahawa PTI ini lebih istimewa kehidupannya daripada orang-orang *native* di Sabah.

Kedua secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang lagi apa yang saya kata di dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya ingin meminta supaya kerajaan terus memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan utama di Sabah

dalam perkhidmatan awam persekutuan kerana mereka ini saya berpendapat adalah layak dan sesuai untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut.

Akhir-akhir ini memang ada kecenderungan kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut dengan anak-anak tempatan Sabah dan saya harap ia akan perlahan-lahan lebih memberikan keutamaan kepada mereka ini. Ini bukan mahu supaya tidak mempedulikan dari negeri lain tetapi saya rasa seperti juga negeri-negeri lain di Malaysia ini, mereka juga mahu supaya anak-anak orang tempatan kita mempunyai peluang untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan Akta Petroleum 1974. Ini diperkatakan secara meluas di mana rakyat Sabah mahu supaya kerajaan melihat atau mengkaji perjanjian ini supaya dinaikkan royalti minyak daripada 5% ke 20%. Inilah keinginan rakyat Malaysia di Sabah ini supaya duit lebihan itu boleh digunakan untuk pembangunan negeri Sabah.

Keempat Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan dasar kabotaj. Saya telah mendengar di dalam Dewan ini berkali-kali dari Menteri yang berkenaan bahawa kita mahu supaya ada satu negara satu warga. Seluruh Malaysia ini kita mahu supaya warga itu sama, sama ada Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak. Akan tetapi saya berpendapat bahawa selagi dasar kabotaj ini tidak dihapuskan Tuan Yang di-Pertua, maka susahlah kita untuk mencapai misi tersebut iaitu satu negara satu warga. Oleh itu, saya ingin menyeru sekali lagi supaya kementerian berkenaan mengkaji kembali dasar kabotaj ini untuk kepentingan kebajikan rakyat Malaysia di Sabah ini supaya mereka tidak dibebankan dengan harga barang yang tinggi.

Kelima Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan representasi Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat. Saya ingin mengulang di Dewan yang mulia ini bahawa Sabah dan Sarawak sebenarnya dari dulu lagi, sejak kita menubuhkan negara kita ini, Malaysia ini, representasi dari Sabah dan Sarawak ini adalah 34% daripada jumlah Ahli Parlimen kesemuanya.

Akan tetapi apabila akhir-akhir ini apabila *delineation* dengan izin dibuat, maka sekarang ini bukan lagi 34%, cuma kalau tidak silap saya, cuma dalam 24% atau 27% sahaja representasi Sabah dan Sarawak. Walhal, semangat *Malaysian Agreement* itu yang mulanya dibuat waktu itu ialah perwakilan Sabah dan Sarawak itu patutlah punya 34%. Ini adalah acuan yang difikirkan sesuai oleh bapa kemerdekaan kita, dan saya percaya ia masih relevan dan patut diikuti. Saya ingin menyeru supaya nanti apabila ada *delineation* di masa akan datang, maka haruslah diambil kira ini iaitu 34% representasi daripada Sabah dan Sarawak dalam Dewan Rakyat ini.

Keenam Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin meminta supaya Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk menangani masalah yang rumit yang dihadapi oleh orang-orang *native* di Sabah ini iaitu mengenai dengan masalah tanah. Barangkali rakan-rakan

saya daripada Sabah setuju dengan saya bahawa masalah tanah ini adalah satu masalah yang rumit yang sudah berpuluh-puluh tahun dihadapi oleh orang *native* di Sabah khasnya masalah *native customary right* (NCR) di mana orang-orang *native* tidak puas hati kerana tanah-tanah NCR mereka diambil oleh syarikat-syarikat besar, diambil oleh agensi-agensi kerajaan dan juga permohonan-permohonan tanah yang tidak diproses dan geran tanah yang tidak proses sampai 20 tahun, 30 tahun menjadi satu masalah yang kami anggap besar. Maka, saya harap Kerajaan Persekutuan kalau danalah masalahnya membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk menangani masalah ini.

Ketujuh Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan biasiswa. Selama ini budak-budak daripada Sabah dan Sarawak sudah tentu akan juga mengharapakan biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan. Malangnya, jumlah biasiswa yang diberi itu adalah amat kurang sekali. Saya ingin menyeru di sini supaya Kerajaan Persekutuan memberikan biasiswa yang lebih lagi kepada pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak, kalau boleh 30% daripada jumlah peruntukan biasiswa diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Kelapan ialah kerajaan harus memperhebatkan lagi skim perumahan yang lebih baik kepada rakyat. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, setelah saya kaji dan juga ucapan saya dahulu dalam Dewan yang mulia ini, tahap atau kadar kemiskinan di Sabah ini masih tinggi lagi iaitu di antara 37% sampai 40%. Begitu tinggi sekali. Saya ingat paling tinggi di Malaysia ini.

Oleh itu, satu cara untuk kita membantu mereka yang miskin ini adalah dengan memberikan skim perumahan yang lebih baik. Dalam setiap daerah yang saya lihat dalam pengamatan saya, tidak kurang 5,000 orang isi rumah yang perlu bantuan perumahan. Jadi saya ingin menyeru supaya kerajaan menambah dalam bajet jumlah perumahan yang diberikan kepada orang-orang yang layak di daerah-daerah di luar bandar supaya hidup mereka lebih baik dan lebih sejahtera, kerana tanpa rumah yang baik, maka sudah tentu anak-anak kita dan persekitaran rumah itu adalah kurang baik untuk pembelajaran anak-anak kita juga.

Kesembilan ialah saya ingin menyeru supaya kerajaan membina lebih banyak bangunan sekolah di Sabah dan Sarawak. Untuk seluruh Malaysia saya difahamkan oleh Kementerian Pelajaran ialah 10,000 buah sekolah di negara kita. Sebanyak 2,000 daripada itu adalah di Sabah dan Sarawak. Kementerian juga telah mengaudit bangunan-bangunan sekolah di Sabah dan Sarawak ini, saya difahamkan bahawa sekurang-kurangnya 40% sekolah-sekolah tersebut telah usang yang perlu dibaiki.

Kementerian telah berjanji untuk melihat ini dan membaiki tetapi saya memantau di luar bandar khasnya di tempat saya di Kota Marudu, dan saya nampak belum ada tanda-tanda lagi yang sekolah-sekolah yang saya nampak ini yang saya pernah lawati dan sebagainya, masih begitu. Belum dibuat lagi, belum diperbaiki lagi. Oleh itu, saya harap kerajaan akan mempercepatkan pembaikan sekolah-sekolah yang memang memerlukan pembaikan itu.

**■1600**

Kesepuluh Tuan Yang di-Pertua ialah saya mengharapkan agar kerajaan menaikkan dan melonjakkan lagi industri kecil dan sederhana di Sabah. Saya ingin menyeru supaya kerajaan mengenal pasti mereka yang berpotensi dan membantu mereka untuk berkembang lebih maju lagi. Ini kerana saya rasa kadang-kadang *information* dengan izin, kurang diterima oleh pengusaha-pengusaha IKS ini, maka saya rasa kementerian yang berkenaan harus mencari mereka ini. Melihat sesiapa yang berpotensi dan membantu mereka supaya mereka boleh memaksimumkan potensi mereka untuk maju dalam apa sahaja perniagaan yang mereka ceburi.

Saya juga ingin meminta supaya kerajaan terus memperhebatkan, memberikan peruntukan yang lebih terhadap pembinaan dan pembaikan-pembaikan jalan raya terutamanya jalan raya di luar bandar, jambatan-jambatan yang perlu dibuat dan juga penyambungan bekalan elektrik di luar bandar yang sekarang ini baru sahaja liputannya, saya jangka 50% luar bandar. Demikian juga penyambungan bekalan air bersih harus dipertingkatkan lagi dan satu lagi mengenai dengan *broadband*. Penebusan *broadband* di Sabah sekarang ini hanyalah dalam peringkat 30% sahaja padahal di peringkat nasional sekarang ini adalah 70% penembusan *broadband*. Jadi, saya ingin menyeru kepada kementerian berkenaan supaya melihat perkara ini dan menaikkan kadar penembusan *broadband* di Sabah juga.

Tuan Yang di-Pertua, *point* yang terakhir saya ingin sampaikan di sini ialah mengenai dengan hospital-hospital daerah. Di Sabah terdapat hospital-hospital yang amat memerlukan bantuan, bukan sahaja dalam segi fizikal bangunan yang begitu perlu diperbaiki dan juga diperbesarkan tetapi juga jumlah kakitangan khususnya doktor-doktor dan doktor-doktor pakar yang saya rasa harus ada di setiap hospital daerah supaya kesejahteraan dan kesihatan rakyat akan lebih terjamin. Sebagai satu negara yang membangun maka perlulah perkhidmatan kesihatan yang lebih canggih untuk rakyat kita. Selain itu saya juga ingin menyeru supaya bukan sahaja hospital daerah tetapi juga hospital komuniti, dispensari dan klinik desa juga ditambahkan di luar-luar bandar.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang bomba di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Saya ingin menyeru supaya kerajaan menambahkan peruntukan untuk perkhidmatan bomba. Ini kerana walaupun bomba ini telah memberikan khidmat kepada kita tetapi reputasi bomba ini kadang-kadang tergugat juga kerana apabila ada kebakaran, bomba datang tetapi tidak boleh berbuat apa-apa. Sebagai contoh pada 30 November baru-baru ini di daerah saya Kota Marudu, pada awal pagi itu satu premis perniagaan telah terbakar dan tempat itu adalah lebih kurang satu kilometer daripada bangunan bomba, maka bomba datang tetapi mereka tidak boleh berbuat apa-apa. Dia kata tidak ada air, tidak ada hos dan sebagainya.

Saya hairan kerana di sebelahnya itu adalah sungai, yang saya ingat hanya 10 ela, 20 ela, terdapat air di sungai tetapi tidak boleh berbuat apa-apa, maka hangus begitu sahaja

rumah atau premis itu tanpa apa-apa yang dibuat oleh bomba. Pemilik premis yang saya lawati, namanya Ching Chin Leong ini telah kerugian sekurang-kurangnya sebanyak RM200,000 disebabkan itu. Apabila saya melawat dia, dia kata "*bagus lagi bomba tidak datang, kami boleh usaha untuk memadamkan api tetapi oleh sebab bomba datang kami pun tunggu rupanya tidak dibuat apa-apa.*" Inilah saya rasa, apa masalahnya? Adakah peralatannya tidak mencukupi ataupun sikap yang tidak proaktif? Saya tidak pasti tetapi ini harus dilihat oleh kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari terakhir saya berada di Dewan Negara yang mulia ini. Selama enam tahun saya berada di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah mendapat banyak pengalaman, berjumpa dan berkenalan dengan ramai kawan-kawan, Senator-senator dan Tuan Yang di-Pertua sendiri, yang di sini mahupun yang sudah bersara. Sebagai *legislator*, saya terlibat secara langsung dalam penggubalan undang-undang negara kita dan melihat sistem *Parliamentary Democracy in action* dengan izin, secara langsung. Akhir kata saya ingin berpantun:

*Anak kecil berlari manja,  
Menyambut ibu dari kedai,  
Budi Senator semua saya tak lupa,  
Selalu ingat di dalam hati.*

*Kalau ada jarum yang patah,  
Jangan disimpan di dalam peti,  
Kalau ada silap dan salah,  
Jangan simpan di dalam hati.*

*Dari mana hendak ke mana,  
Tinggi rumput dari padi  
Tahun mana bulan mana,  
Dapat kita berjumpa lagi.*

Terima kasih dan saya mohon menyokong. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai mewakili Dewan yang mulia ini, izinkan saya menyatakan bahawa kami semua juga menghargai segala pengorbanan yang Yang Berhormat telah lakukan selama enam tahun dalam Dewan yang mulia ini. Kami semua tidak akan lupakan dan itulah sebabnya kita mengadakan majlis perpisahan. Syukur *alhamdulillah* Yang Berhormat dapat hadir kerana pada mula-mulanya saya risau juga kerana soal politik Yang Berhormat, tidak usah kita campur adukan, bagi saya sekali kawan tetap kawan. Saya mendoakan supaya Yang Berhormat akan terus diberkati oleh Allah SWT, dengan kesihatan, sekeluarga dan maju jaya pada masa-masa akan datang, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat.

Oleh kerana hari ini kita sudah buat keputusan dan saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat hendak balik kerana hari ini hari Khamis, ada yang datang dari jauh dan dekat, maka

tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb untuk berbahas, silakan.

#### 4.08 ptg.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberikan saya peluang. Sebelum saya meneruskan perbahasan, saya bagi pihak rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan selamat bersara kepada kawan baik kita Yang Berhormat Datuk Majid setelah enam tahun, *its a mandatory retirement.* Walaupun kata orang warna baju tidak sama, warna lagi tetapi bak kata Tuan Yang di-Pertua tadi, sekali kawan tetap kawan dan kita doakan mungkin dia akan balik ke Parlimen ini di dewan yang berlainan, mana tahu? Kita doakan, kita telah dilatih dan diajar daripada kecil untuk mendoakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan buang masa lama sangat Yang Berhormat, masa pun sudah terhad ini, teruskan cepat. *[Ketawa]*

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, doakan untuk orang itu baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul, betul.

#### ■1610

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Jadi, izinkan saya meneruskan perbahasan. Bajet 2013 telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pelbagai reaksi daripada pelbagai kalangan. Di dalam Dewan ini pun juga terdapat pelbagai reaksi termasuk ada yang mengatakan ini adalah bajet pilihan raya. Kalau dibentang pada 2010 yang lalu, dipanggil bajet pilihan raya juga. Tahun 2011 pun pilihan raya. Jadi tahun ini 2012, untuk Bajet 2013 pun bajet pilihan raya juga dipanggil. Ini bermakna bajet Kerajaan Barisan Nasional ini memanglah bajet untuk menyenangkan rakyat, menyejahterakan rakyat sepanjang tahun, sepanjang musim. Tidak kira tahun itu pilihan raya atau tidak. Jadi *insya-Allah* kita akan lihat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita hari ini dalam keadaan yang lebih meyakinkan sebenarnya. Ketibaan Pengarah Urusan IMF baru-baru ini ke Malaysia iaitu Christine Lagarde telah memberi satu keyakinan baru bukan sahaja kepada masyarakat Malaysia tetapi masyarakat antarabangsa. Ini kerana beliau mengakui Malaysia berada dalam keadaan kewangan yang cukup teguh, yang cukup mantap, diurus begitu mantap terutamanya tiga tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, beliau juga menyarankan perkara-perkara yang harus dibuat supaya keadaan ini akan lebih bertambah baik. Belanjawan Tahun 2013 sebenarnya harus dilakukan untuk memperkukuhkan lagi transformasi ekonomi yang mana telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan kita.

Kita melihat peningkatan daripada segi jumlah perbelanjaan. Kita melihat tahun ini sudah meningkat kepada RM261 bilion dan ini semua menunjukkan bahawa kita berkemampuan.

Di samping itu, defisit kita menguncup daripada 4.5 disasarkan kepada 4.4 dan *insya-Allah* pada tahun 2014 dan tahun 2015 akan menguncup terus kepada keadaan yang lebih baik lagi iaitu 3%. Kesungguhan ini nampak jelas kerana dasar fiskal negara yang ada pada hari ini, yang ditadbir urus dengan baik, tidak semacam negara-negara yang kita anggap maju, yang kita anggap berjaya tetapi sebenarnya banyak ruang kosong, kepompong, yang menampakkan kalau kita teliti dengan halus bahawa akaun negara tersebut sebenarnya berada dalam keadaan yang kritikal. Ini termasuk negara-negara besar seperti Amerika Syarikat sendiri.

Dalam satu taklimat yang diberikan oleh rakan-rakan Bank Negara yang berada di Amerika Syarikat dalam siri lawatan kami ke New York baru-baru ini atas urusan kerajaan, menampakkan sebenarnya keadaan di Amerika Syarikat. Ini sebagai contoh untuk supaya kita sedar walaupun kita negara kecil, dengan kemampuan yang kita ada, selagi ia ditadbir urus dengan baik, ia boleh menampakkan kadar kesungguhan yang berterusan. Di sebaliknya, kalau sesebuah negara itu besar, negara itu kaya, tetapi tidak ditadbir urus dengan baik, ia akan menuju ke arah kehancuran. Carta-carta yang saya lihat menunjukkan bahawa kalau trend hari ini, Amerika sebagai contoh, diurus tadbir dengan trend yang ada pada hari ini, ia juga akan mengikuti jejak Greece, ia juga akan mengikuti jejak Portugal, Sepanyol dan sebagainya dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Mungkin 15 tahun, 20 tahun daripada sekarang?

Kita di Malaysia dalam belanjawan kali ini, kita lebih mengkhususkan kepada perbelanjaan menyejahterakan rakyat sejajar dengan lima fokus utama iaitu di samping kita menggalakkan, meningkatkan pelaburan asing dan juga domestik, kita mempertingkatkan usaha-usaha untuk menjadikan modal-modal insan kita berdaya saing tinggi dan juga berilmu iaitu melalui pendidikan dan latihan. Kita juga cuba untuk meningkatkan produktiviti melalui pendekatan inovasi-inovasi yang baru di samping kita meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Paling penting, yang paling disukai oleh rakyat iaitu program-program yang menyejahterakan rakyat. Itulah sebab bajet kali ini yang bernilai RM1.9 bilion untuk pengurusan dan hampir-hampir 25% untuk pembangunan, kebanyakannya *the ending point* ataupun *the bottom line* dengan izin, menjurus ke arah keuntungan secara langsung kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita tahu bahawa kadar *unemployment rate* dengan izin, di negara kita sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain sebelum saya, adalah rendah iaitu 3.0%. Ini lebih kurang ataupun disamakan dengan *there's total unemployment* sebab 3% ini rakyat yang memilih untuk tidak mahu bekerja. Hari ini kita dikejutkan dengan keadaan yang sungguh menakutkan di barat terutamanya di negara-negara *Euro Zone*. Dalam satu artikel yang saya baca hari ini pada pagi tadi, di Sepanyol, *Spain*, kadar *unemployment* Ahli-ahli Yang Berhormat adalah 25%. Empat orang yang kita jumpa, satu orang tidak bekerja. Apa yang lebih malang, kumpulan umur yang tidak bekerja ini, 52% nya adalah antara 16 tahun dan 25 tahun. Ertinya, *graduate* keluar universiti, tidak ada kerja. Hari ini kita di Malaysia dalam

keadaan yang sama, *graduate* tidak ada kerja tetapi angka yang sungguh kecil. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbandingan yang saya bagi ini satu perbandingan yang *real*, yang kita janganlah ada pihak-pihak yang hendak melaungkan bahawa ekonomi kita meruncing, ekonomi kita ke arah kehancuran dan ekonomi kita ke arah ketidakstabilan.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah ditonjolkan di dalam belanjawan ini. Kementerian Kewangan dalam bajet Pengurusannya sebanyak RM38.59 bilion. Daripada situ sebanyak RM20.02 bilion akan dibelanjakan untuk subsidi iaitu untuk LPG gas, untuk diesel, untuk petrol, kesemuanya bahan bakar dan juga untuk bantuan-bantuan tunai. Ini sebenarnya satu angka yang masih lagi tinggi dan untuk ke arah ke hadapan, kita sebenarnya harus memikirkan bagaimana kita mengurangkan subsidi tetapi di samping itu, kita kena *restructure* kita punya sistem percukaian. Saya ingin tahu, adakah subsidi ini masih kekal pada tahap yang lama iaitu seperti pada tahun 2012 dan tahun 2011? Apakah kerajaan sudah memikirkan dalam masa yang terdekat untuk mengalihkan subsidi ini kepada bantuan secara langsung kepada rakyat? Contoh bantuan secara langsung ialah bantuan tunai yang kita beri kepada murid-murid, kepada penuntut-penuntut universiti dan juga penerima-penerima BR1M.

Kementerian Kesihatan mendapat RM17.35 bilion. RM7.46 bilion adalah untuk bekalan perkhidmatan, ubat-ubatan, bahan pakai buang, *disposable* dan juga penyelenggaraan serta utiliti.

#### ■1620

Walaupun perkhidmatan di hospital yang di bawah Kementerian Kesihatan telah banyak diswastakan saya lihat di sini angka RM7.46 bilion ini masih lagi tinggi, besar. Jadi sudah tentu saya ingin tahu berapa peratuskah dari jumlah ini disebabkan oleh ataupun diasingkan daripada jumlah-jumlah untuk tujuan yang sama iaitu bekalan, perkhidmatan ubat, *disposable* kepada pihak-pihak *concessionary*.

Adakah pihak Kementerian Kesihatan menimbang untuk meningkatkan kempen-kempen kesedaran supaya orang kurang pergi ke hospital ketika sakit tetapi kita bagi kempen menggalakkan orang lebih sihat supaya dia tidak perlu pergi hospital. Saya rasa usaha-usaha ke arah ini sudah pun dimulakan oleh kementerian dan juga telah diikuti oleh satu lagi agensi kerajaan iaitu SOCSO tetapi mungkin ianya lebih berjaya. Kita boleh mengurangkan kos-kos penyelenggaraan, kos-kos ubat dan bekalan yang lain kalau kempen kesedaran, kempen untuk menjadikan rakyat sihat, rakyat suka cergas, cerdas dan sebagainya dapat selalu dilakukan dan lebih kerap dilakukan.

Kementerian Dalam Negeri diperuntukkan RM10.89 bilion. RM7.6 bilion untuk polis, RM790 juta untuk imigresen, RM691 juta untuk penjara dan RM274 juta untuk AADK (Agensi Antidadah Kebangsaan). Polis kita faham tugas polis, kita tahu keperluan kita tentang peranan kepolisan. Imigresen pun begitu, penjara pun begitu. Akan tetapi AADK sebagai satu agensi yang sepatutnya melakukan pencegahan ataupun memantau keadaan-keadaan yang seperti ini iaitu ke arah salah penggunaan dadah kenapa memerlukan peruntukan yang secara relatifnya

tinggi. Berapa banyak diperlukan untuk *maintenance* dengan izin dan juga berapa banyak lagi diperlukan untuk tujuan kempen-kempen kesedaran, promosi dan sebagainya.

Di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diberi sebanyak RM5.56 bilion saya hanya menyentuh anggaran perbelanjaan mengurus yang diberikan kepada bahagian pengurusan harta sebanyak RM365.4 juta. Saya ingin tahu apakah aset-aset yang diuruskan dan berapa banyak nilai aset-aset tersebut. Di antara aset-aset tersebut termasuklah rumah-rumah rehat yang terdapat di kebanyakan tempat peranginan di negara kita. Saya ditanya oleh seorang Ahli Dewan Negara baru-baru ini kenapa Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Parlimen tidak boleh menggunakan rumah-rumah rehat tersebut. Jadi saya ingin tahu kenapa kita sebagai penyandang jawatan kerajaan tidak diberi keistimewaan seperti lain-lain pegawai kerajaan? Tidak boleh diberi kebenaran untuk menggunakan banglo-banglo di rumah peranginan di tempat-tempat peranginan di serata tempat di Malaysia.

Jabatan Kerja Raya sebanyak RM582 juta telah diagihkan untuk bayaran pampasan tol. Jadi selaras dengan apa yang saya sebut daripada awal tadi bagaimana kita harus bergerak ke arah mengurangkan subsidi. Memanglah kita suka subsidi, kita suka dikecualikan daripada bayaran-bayaran yang selama ini kita bayar tetapi sistem kita akan berubah. Saya yakin PM akan berubah, Menteri Kewangan akan berubah dan RM582 juta untuk bayaran pampasan tol saya ingin tahu secara *detailnya* dan sejak bilakah tol-tol tersebut telah dikecualikan dan sampai bila dan apakah tanggungjawab korporat kepada *concessioner* tol tersebut bagi bersama-sama membantu meringankan beban kerajaan dalam usaha untuk mengecualikan bayaran tol tersebut. Kita tahu di hari-hari perayaan seperti musim raya, musim Deepavali dan raya Cina misalnya kita tahu bahawa kalau kita memandu di *PLUS Highway* kita akan dikecualikan daripada tol ataupun diberi diskaun pada saat-saat tertentu. Selalunya waktu yang tidak *peak* dengan izin tetapi adakah ditanggung oleh kerajaan sebenarnya ataupun tanggungjawab korporat syarikat-syarikat *concessioner* tersebut.

Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mendapat RM1.82 bilion dan hampir keseluruhan jumlah tersebut iaitu RM1.52 bilion adalah untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) *Cooking Oil Stabilization Scheme*. Satu angka yang cukup besar. Adakah ini untuk sudah tentu kalau ikut tajuknya ataupun namanya sebagai Skim Penstabilan Harga Minyak sudah tentu diguna untuk harga minyak masak di pasaran kita. Akan tetapi saya ingin tahu fungsi sebenarnya bagaimana ia beroperasi dan apa bezanya dengan subsidi. Ini adalah sebagai satu mekanisme untuk mengawal atau sebagai satu *direct* subsidi. Akan tetapi kalau sudah dibagi peruntukan sudah tentu ini sebagai satu akaun yang akan diguna ataupun akan dipakai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dengan RM1.13 bilion. Dua perkara yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan penggunaan pengangkutan awam terutamanya di bandar-bandar besar. Kalau kita lihat di Malaysia hari ini penggunaan pengangkutan awam masih lagi di tahap yang rendah sekitar 16% dan dijangka meningkat

sedikit demi sedikit dan sudah tentu usaha kerajaan untuk membelanjakan RM30 bilion dalam projek MRT di Lembah Klang yang akan bermula tidak lama lagi ini akan menjadi jawapan kepada peningkatan penggunaan pengangkutan awam.

Walaupun di tahap yang masih rendah saya lihat keadaan di LRT yang ada hari ini dalam keadaan yang sungguh sesak sebenarnya. Sekali lagi masa dua minggu lepas disebabkan oleh keadaan yang sesak dalam Kuala Lumpur saya cuba LRT dan dalam LRT itu sebenarnya cukup sesak dan tidak ada ruang kita hendak pusing kiri dan kanan. Cukup sesak. Adakah ini bermakna kadar penggunaan *transport* awam khasnya LRT adalah dalam keadaan yang cukup optimum ataupun hanya pada waktu-waktu tertentu.

#### ■1630

Begitu juga dengan bas. Saya ingin tahu sejak ita memperkenalkan sistem bas percuma di dalam kawasan tiga segi emas Kuala Lumpur, apakah implikasinya kepada penggunaan pengangkutan awam yang lain terutamanya teksi dan LRT. Apakah implikasi kewangan kepada usaha memperkenalkan sistem pengangkutan, bas percuma di dalam kawasan tiga segi Kuala Lumpur?

KPDNKK mendapat RM1.38 bilion dan RM700.3 juta adalah atau hampir setengah adalah untuk gula dan tepung. Untuk gula subsidiya, RM551 juta dan tepung RM150 juta. Walaupun kerajaan telah menarik balik 20 sen bagi setiap kilo, ertinya telah mengurangkan subsidi 20 sen bagi setiap kilo rupanya masih tinggi lagi, hampir setengah atau lebih daripada setengah bilion untuk gula dan tepung RM150 juta.

Soalannya, masih terdapat kah pihak-pihak yang bukan keluarga, bukan individu, bukan rakyat biasa yang menerima ataupun yang menggunakan subsidi ini? Terutamanya seperti tepung kita tahu sebelum ini kilang-kilang roti, kilang-kilang buat kek dan juga syarikat-syarikat besar seperti mungkin perhotelan yang menggunakan tepung ini untuk tujuan komersial, sedangkan subsidi yang kita beri hari ini sepatutnya pergi kepada rakyat jelata.

KPKK iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan RM1.8 bilion dan RM334 juta untuk kebudayaan. Saya puji usaha ini untuk meningkatkan perbelanjaan terhadap memelihara kebudayaan dan warisan. Semalam dalam Dewan yang mulia ini saya juga telah memberi kepujian kepada kementerian yang sama kerana berusaha memperkenalkan kebudayaan kita dan warisan kita kepada dunia, dengan mengadakan minggu Malaysia di beberapa lokasi.

Kalau tahun ini dalam bulan Oktober lepas kita telah lakukan di London, setiap tahun dalam empat tahun kebelakangan ini London, saya telah mencadangkan buat di New York kerana New York merupakan satu pasaran penting yang mana dengan rakyatnya lebih daripada 250 juta, ketibaan pelancong ke negara kita lebih daripada 200,000 sudah tentu New York boleh dijadikan satu batu loncatan untuk kita meneroka pasaran Amerika Utara, bukan saja untuk New York semata-mata tapi pasaran Amerika Utara.

Ini telah dipersetujui oleh rakan-rakan kita yang bertugas di Pelancongan Malaysia, Tourism Malaysia di New York. Saya harap KPKK akan meneruskan usaha-usaha di New York dan juga lain-lain lokasi yang kita rasa boleh membantu di samping menarik pelancong tetapi kita meningkatkan mutu dan memperkenalkan nilai-nilai murni kebudayaan kita kepada mata dunia.

Dalam laporan yang sama iaitu Belanjawan 2013 ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diperuntukkan untuk satu angka yang cukup besar RM5.47 bilion. Akan tetapi tidak diterangkan pula berapa pecahannya untuk MARA, KEMAS, Orang Asli dan juga untuk pembangunan Wilayah, KADA dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu dengan lebih terperinci, berapa banyak kah pembangunan wilayah yang masih wujud dan berapakah yang diagihkan kepada bangunan wilayah. Apakah strategi jangka panjang kita terhadap kawasan-kawasan pembangunan wilayah ini yang ada di merata-rata tempat? Jangka panjang, adakah kita akan terus macam itu saja atau pun kita hendak jadikannya sebagai satu bandar satelit yang lebih moden dengan pertumbuhan-pertumbuhan dari segi industri, dari segi pembuatan, dari segi pertanian, pelancongan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM6 bilion pinjaman perumahan kerajaan yang ada dalam milik kerajaan hari ini. yang mana pinjaman itu bertujuan membantu kakitangan kerajaan mendapatkan pinjaman perumahan, telah dimaklumkan baru-baru ini akan dipindahkan ke sistem perbankan. Ini bermakna kerajaan akan mengosongkan jumlah tersebut dan akan pindah segala liabiliti peminjam-peminjam kepada bank-bank.

Saya mencadangkan bagi membantu usaha kerajaan meningkatkan sistem perbankan Islam di negara ini yang hari ini sudah pun mencecah hampir 23% dalam sistem perbankan yang ada di Malaysia hari ini, 23% adalah dalam sistem perbankan Islam.

Jadi dalam usaha kita meningkatkan angka itu dalam masa yang lebih dekat ini, saya mencadangkan kesemua RM6 bilion pinjaman perumahan kerajaan itu dipindahkan ke dalam sistem perbankan Islam. Jadi ini bermakna pegawai-pegawai kerajaan yang meminjam, pinjaman mereka esok akan dikemaskinikan dan dimasukkan ke dalam sistem perbankan Islam yang mana mengikut garis panduan syariah.

Dana industri halal sebanyak RM200 juta dan juga Dana Pembiayaan Bumiputera sebanyak RM1 bilion. Kedua-dua dana ini nanti akan disalurkan melalui satu bank iaitu SME Bank. Dana industri halal RM200 juta dan pembiayaan Bumiputera untuk beli ekuiti daripada syarikat-syarikat GLC dalam jumlahnya ialah RM1 bilion. Saya ingin bertanya, kenapa kita tidak pelbagaikan institusi-institusi kewangan yang lain supaya sama-sama boleh main peranan. Kalau kita serah semua bulat-bulat kepada satu bank, saya yakin bank ini tidak mempunyai kemampuan untuk mengurus tadbir ataupun memproses pinjaman-pinjaman itu mengikut garis panduan dalam kadar yang ditetapkan.

SME Bank sebuah bank yang sederhana saiznya, yang hari ini tidak ada modal, kekurangan modal untuk memanjangkan pinjaman-pinjaman baru. Dia terpaksa bergantung

kepada pinjaman ataupun dana-dana yang dikeluarkan oleh kerajaan. Sebagai sebuah bank yang sepatutnya berdiri atas kakinya sendiri, dia sepatutnya berusaha lebih pada itu untuk menjadikannya satu entiti yang berdaya maju, berdaya saing dan juga mempunyai kredibiliti.

SME Bank hari ini terpaksa meningkatkan modalnya dahulu. Walaupun saya dengar baru-baru ini dia hendak buat *commercial paper* dengan izin, dan saya ingin tahu setakat mana kejayaan bank tersebut. Kalau ada kesempatan, saya mencadangkan supaya dana-dana tadi juga disalurkan melalui bank-bank swasta yang lain.

■1640

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Saya menunggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja saya hendak mencelah sebab Senator Dato' Najeeb ini tokoh bank. Pernah menerajui salah sebuah bank utama di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang gaji dan imbuhan CEO-CEO atau kapten-kapten bank yang pada hemat saya dan mungkin ramai setuju agak terlalu tinggi sampai ratusan ribu? Ada yang sampai angka jutaan beberapa CEO bank di Malaysia ini khususnya. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin tidak *related*, tidak relevan dengan subjek yang saya bawa ini. Akan tetapi atas semangat setia kawan saya jawab juga lah. Kalau ikut angka-angka, yang saya tahu dua tahun lepas seorang CEO bank di Malaysia membawa balik setahun lebih kurang RM5 juta. Lebih kurang RM5 juta dan hari ini sudah meningkat ada yang sampai RM9 juta. Angka-angka ini sebenarnya boleh dibincangkan atau pun dijadikan satu tajuk perbualan tetapi secara realitinya itulah harga pasaran. Begitu juga dengan syarikat-syarikat lain yang mana diterajui oleh orang-orang Malaysia yang pendapatannya jauh lebih tinggi daripada seorang teknokrat atau pun seorang pemimpin atau pun seorang Perdana Menteri. Jadi, itu setakat hari ini yang saya lihat itulah realitinya dan kita kenalah terima.

Dalam hab industri minyak dan gas, kita telah dimaklumkan bahawa Pengerang telah dikenal pasti, malah telah bermula apa yang kita panggil Projek Rapid. Ini sudah tentu sebenarnya menjadi satu *impetus* kepada pertumbuhan ekonomi di selatan Malaysia, di Johor. Dengan keadaan semula jadi, lokasinya, kedudukannya, dan juga pesaing-pesaing yang berhampiran saya yakin Rapid akan berjaya. Walaupun di peringkat awal kita dapat maklum balas bahawa ada pihak-pihak yang tidak bersetuju atas sebab-sebab pencemaran lah, atas sebab-sebab harga tanah tidak dibeli dengan harga yang sepatutnya dan sebagainya.

Akan tetapi percayalah, kalau hari ini di Pulau Jurong Singapura, saya dan dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah sempat diberi peluang melawat Pulau Jurong, sebuah pulau yang kecil tetapi telah dicantumkan tujuh buah pulau di sekitarnya, dicantumkan melalui penambakan tanah dan hari ini di Pulau Jurong menjadi pusat *hub oil and*

gas, minyak dan gas dengan izin, yang ketiga terbesar di dunia. Kita semua tahu bahawa *Singapore* tidak keluar pun setitik minyak tetapi mampu menubuhkan hab minyak dan gas ketiga terbesar di dunia.

Saya lihat sendiri bagaimana susunan kilang-kilang industri yang besar-besar yang sekarang ini masih lagi dalam proses pembangunan. Banyak lagi yang baru-baru. Terdapat kilang-kilang daripada barat Amerika, *Germany* dan sebagainya, daripada Asia, Jepun, Korea dan sebagainya. Jadi, kalau kita dalam keadaan yang sama, dalam kedudukan yang lebih baik saya yakin hab ini bukan setakat hendak menyaingi tetapi kita *complement* untuk *win-win* kepada kedua-dua pihak. Jadi, janganlah ada pihak-pihak yang cuba mengeruhkan keadaan. Jangan ada pihak-pihak yang cuba menidakkan keupayaan kita, keseriusan kita untuk menjadikan Pengerang sebagai satu *hub* minyak dan gas yang baru.

Peruntukan RM10,000 kepada persatuan penduduk ini daripada segi keselamatan iaitu sosial Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usaha untuk memperuntukkan sebanyak RM10,000 kepada persatuan penduduk, Rukun Tetangga untuk membantu mereka meningkatkan tahap keselamatan dengan mengadakan kawalan-kawalan di lokasi masing-masing.

Sebenarnya kita banyak terlepas pandang dengan KRT atau pun Rukun Tetangga ini kerana dalam suasana politik hari ini yang kadang-kadang agak tension, tegang, KRT lah sebenarnya yang boleh memainkan peranan meredakan keadaan. KRT lah kalau dipupuk dengan baik boleh menjadi satu ejen kepada kerajaan bagi menstabilkan keadaan tiap-tiap taman, perkampungan dan sebagainya. Jadi, saya berharap KRT sentiasa diberi peruntukan yang sewajarnya.

Hari ini diberi sedikit pertambahan dalam bajet yang baru ini dan saya harap aspek keselamatan, peranan yang dimainkan oleh KRT melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) mereka dapat diperkembangkan lagi, dapat kita bagi satu pengiktirafan yang lebih lagi dengan melengkapkan mereka dengan peralatan yang sepatutnya, dengan *base* pengawalnya yang lebih baik dan juga dengan imbuhan-imbuhan. Bukan imbuhan berbentuk wang tetapi dalam bentuk material bagi menyenangkan, memudahkan lagi mereka ini menjalankan tanggungjawab.

Belia dan Sukan secara keseluruhannya Kementerian Belia dan Sukan Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan kementerian yang mendapat peruntukan yang paling rendah. Kalau kita buat perbandingan dengan kementerian-kementerian yang lain, Kementerian Belia dan Sukan hanya mendapat RM500 juta sahaja. Jadi, secara menyeluruh saya hanya ingin menyedarkan bahawa golongan belia, golongan muda yang hari ini merupakan hampir 40% kepada warganegara Malaysia.

Di samping mereka berpolitik dengan parti masing-masing, persatuan belia lah sebenarnya yang boleh menyatupadukan mereka. Dan juga badan-badan sukan lah yang boleh merapatkan perhubungan mereka ini. Itu sebab saya hari ini menyarankan supaya

kemudahan-kemudahan asas untuk belia dan sukan kita rangkumkan sekali hendaklah dipertingkatkan. Dalam Dewan yang sama ini saya sudah sebutkan banyak kali, dua, tiga kali dah *direct* kepada Menteri Belia dan Sukan bahawa kita banyak tertumpu kepada sukan kegemaran rakyat. Kita banyak tertumpu kepada sukan-sukan yang mendapat rating yang tinggi. Bola sepak umpamanya. Okey, tidak apa.

Akan tetapi di samping itu kita jangan terlepas pandang sukan-sukan yang banyak juga menyumbang. Terutamanya yang menyumbang pingat macam terjun baru-baru ini, macam badminton, macam memanah dan juga *bowling*. Tiga hari lepas kita telah dikejutkan apabila *bowling* negara yang bernama Shafiq telah memenangi *World Cup*. *World Cup* Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, ini sebagai satu pengiktirafan bahawa sukan-sukan yang tidak popular juga boleh menyumbang dan sukan-sukan inilah yang selalunya dianaktirikan dalam segi infrastrukturnya. Kita tidak perlu berbelanja besar untuk hendak buat stadium. Kita tidak perlu berbelanja besar untuk menampung pasukan tetapi sukan-sukan ini sebenarnya sukan-sukan yang mula meningkat populariti dan harus kita beri peruntukan yang lebih.

Kalau ada contohnya sukan *bowling*, kita mungkin perbanyakkan *bowling-bowling alley*. Kalau sukan memanah tidak banyak belanja, kita buat khusus tapak memanah. Kita tidak payah buat stadium yang besar-besar. Begitu juga dengan belia. Semalam ada juga Ahli Yang Berhormat sudah menegur supaya Festival Putrajaya...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta mencelah sedikit.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ya, sila.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat mengenai perkembangan permainan atau pun permainan-permainan yang membawa pingat-pingat.

#### ■1650

Akan tetapi Yang Berhormat, pada masa tahun 60-an hingga 70-an, Malaysia ialah sebuah negara yang begitu handal di rantau ini dalam permainan hoki dan bola sepak dan banyak sumbangan dari sekolah-sekolah. Saya berfikir bahawa sumbangan dari sekolah-sekolah sudah banyak kurang sekarang. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bahawa kita memperkasakan sukan-sukan di sekolah dengan lebih profesionalisme, dengan lebih satu *department* untuk memperkembangkan sukan-sukan?

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya ambil seminit dua, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *No, no. You* hendak ucap?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Mengucapkan selamat berpisah dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian, kemudian. Saya bagi kemudian.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey, terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Rama di atas pandangan itu. Jawapan saya ialah *charity begins at home*. So, sukan pun mesti bermula

dari rumah. Kebanyakan ahli-ahli sukan yang berjaya Yang Berhormat, datangnya daripada dorongan keluarga iaitu ibu dan bapa. Begitu juga dengan hari ini saya lihat jaguh-jaguh yang berjaya dalam sukan-sukan yang, tidak kisah sukan apa pun, mempunyai dorongan, semangat dan juga sokongan yang kuat daripada keluarga dan masyarakat. Jadi kalau kita hari ini sebagai ayah dan ibu kepada anak-anak kita yang ada potensi, hendaklah sama-sama membantu untuk menggilap.

Anak-anak kita hari ini lebih cenderung kepada yang lain-lain. Kepada *game-game* yang bukan *physical game* dengan izin dan tidak lagi cenderung untuk pergi ke padang walaupun konsep 1Murid 1Sukan telah diperkenalkan. Sebagai penjaga, ibu dan bapa masih lagi tidak berapa menyokong usaha-usaha Kementerian Pelajaran pada hari ini. Jadi saya berharap sukan-sukan yang selama ini, bukanlah tidak mendapat perhatian tetapi harus diberi lebih perhatian kerana mereka ini boleh menyumbang dan di samping itu, sebenarnya sukan-sukan ini tidaklah berapa membebankan dari segi harga-harga ataupun kos untuk meningkatkan kemajuan sukan tersebut.

Dalam sektor pelancongan Tuan Yang di-Pertua, telah disasarkan 12% KDNK kita akan datang daripada sektor pelancongan dan pendapatan daripada sektor ini akan menjangkau RM62 bilion pada tahun ini. RM358 juta adalah jumlah yang telah diperuntukkan untuk pelancongan dan sasaran pelancong kita pada tahun ini adalah 26.8 juta. Hari ini bila baca Laporan Belanjawan ini, baru saya tahu Tahun Melawat Malaysia adalah tahun 2013 dan tahun 2014. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mesej saya. Ertinya bila saya baca laporan ini baru saya tahu tahun depan, yang ada lagi 24 hari lagi adalah Tahun Melawat Malaysia.

Soalannya ialah apakah peranan Kementerian Pelancongan untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia ini? Ada hendak buat pertengahan tahun depan, hujung tahun depan? Sepatutnya sudah dimulakan setahun atau dua tahun yang lalu. RM358 juta ini untuk apa dan kita hendak tahu apakah pelan tindakan strategi Kementerian Pelancongan yang menjadikan tahun 2013 dan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia.

Saya selalu membuat perbandingan Tuan Yang di-Pertua dengan izin, sebab Tuan Yang di-Pertua pun sama-sama dalam rombongan kita ke Moscow, Rusia, tahun lepas yang mana seorang sahaja pegawai pelancongan yang ditugaskan untuk memasarkan Malaysia dalam pasaran Rusia yang ada 150 juta rakyat. Satu orang. Jadi, adakah ini cara kita hendak menarik bilangan pelancong datang ke negara kita? Orang Rusia yang datang ke Malaysia pada tahun 2011 adalah seramai 36,000 orang sahaja. Sebagai perbandingan, orang Rusia yang pergi ke Thailand pula adalah seramai 700,000 orang. Orang Rusia tidak tahu Malaysia. Orang Rusia tidak dipasarkan untuk datang ke Malaysia tetapi orang Rusia seramai 700,000 orang boleh sampai ke Bangkok yang hanya 1,000 kilometer sahaja daripada Kuala Lumpur.

Jadi, kita kena ubah cara kita bekerja, cara kita menjual dan cara kita memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi. Walaupun hari ini kita diiktiraf sebagai negara yang kesembilan yang teramai bilangan ketibaan pelancong tetapi kita boleh buat lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru terbaca indeks persepsi rasuah yang baru dikeluarkan semalam oleh *Transparency International Malaysia* yang mana menampakkan sedikit peningkatan dalam kedudukan Malaysia di peringkat global. Daripada 176 buah negara, Malaysia hari ini menduduki tempat yang ke-54. Pada tahun lepas, Malaysia menduduki tempat yang ke-60 daripada 183 buah negara. Peningkatan sebanyak empat anak tangga ini sudah tentu boleh meningkatkan keyakinan orang ramai di samping masyarakat antarabangsa tentang kesungguhan pucuk pimpinan negara ini untuk menjadikan ia lebih baik daripada kedudukan yang ada pada hari ini dan saya yakin usaha-usaha yang dilakukan – kalau tidak, masakan hari ini dalam satu belanjawan yang besar ini juga telah disebutkan satu peruntukan yang sungguh besar untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hampir RM250 juta sebagai tambahan kepada SPRM. Usaha-usaha ini walaupun banyak belanjanya tetapi akhirnya boleh mendatangkan kesan yang positif kepada kedudukan Malaysia di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, *Real Property Government Tax* ini dengan izin, yang mana telah disentuh dalam perbahasan ataupun dalam soalan lisan baru-baru ini tetapi saya ingin menimbulkannya semula kerana saya masih tidak puas hati dengan jawapan yang telah diberikan. Apabila hari ini kita menjual hartanah, rumah, kedai dan sebagainya, tahun 2012 cukainya adalah sebanyak 10%. Cukai 10% untuk tempoh tiga tahun, kita beli dan jual, 10%. Mulai tahun 2013, cukainya akan dinaikkan kepada 15%. Ertinya kalau kita jual, keuntungan itu akan dikenakan cukai sebanyak 15%. Naik kepada 15% ertinya peningkatan sebanyak 5%. Kenaikan 5% ini sebenarnya angka yang kecil. Satu angka yang kecil.

Sebagai perbandingan, kalau kita beli sebuah rumah nilainya RM200,000 tahun lepas, kita jual hari ini sebanyak RM220,000 ataupun RM210,000, kita untung RM10,000. Betul? RM10,000 ini akan dikenakan cukai sebanyak 10%. Sepuluh peratus daripada RM10,000 berapa? RM1,000. Tahun depan, 15%. Ertinya RM1,500. Ertinya peningkatannya sebanyak RM500 untuk RM10,000. Kalau dia untung RM20,000, baru RM1,000 sedangkan dia boleh untung berlipat-lipat ganda lagi daripada itu. Naik 5% tidak memberikan kesan.

Sebab utama kita ialah hendak mengelak unsur-unsur spekulatif. Itu sahaja. Kita tidak mahu orang membeli rumah, menjualnya sebelum siap atau baru siap dijual dengan tujuan spekulasi.

#### ■1700

Inilah satu-satu punca, satu-satu sebab utama kenapa hari ini harga rumah meningkat mendadak di pekan-pekan besar dan di sekeliling di samping kemudahan kredit yang diberikan oleh bank. Ketiga, disebabkan harga siling rumah di bawah skim PR1MA dinaikkan daripada RM220,000 kepada RM400,000. Ertinya dia naikkan nilai, dia naikkan kelayakan seseorang itu untuk mendapatkan perumahan, ini menyebabkan pemaju-pemaju meningkatkan harga rumah.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sebabnya saya bangkitkan. Kita kena kaji balik semula supaya jangan ada lagi pihak-pihak yang masih lagi mengambil kesempatan

meningkatkan harga rumah ataupun dengan niat spekulasi semata-mata untuk keuntungan peribadi dan menjejaskan pasaran hartanah keseluruhannya. Ada masa lagi nanti?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Ada lagi kah? Ada masa lagi. Adakah Yang Berhormat ada...

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Kalau, tidak apa saya boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, saya bagi satu minit lagi.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara lagi yang saya hendak sentuh juga penting ialah berhubung dengan satu keratan akhbar yang mana bertajuk "*Lovers Make Net Profit*". Ertinya, kekasih membuat keuntungan dalam talian. Satu *scam* yang amat kerap berlaku hari ini. Dilaporkan bahawa 876 kes tahun lepas yang melibatkan RM34.1 juta. Penipuan yang dilakukan oleh kekasih, kononnya kekasih melalui *online* sama ada *Facebook* kah, *Twitter* dan sebagainya.

Untuk sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 613 kes baru. Dia bukan perempuan sahaja rupanya, lelaki pun ada. Sebanyak 613 kes baru untuk sembilan bulan pertama tahun ini, 375 wanita dan ada juga lelaki yang terpedaya, 238 orang. Saya harap tidak adalah dalam Dewan ini, yang melibatkan RM25.9 juta. Ini sudah tentu angka-angka yang dilaporkan kepada polis. Saya yakin banyak lagi sebenarnya angka-angka ataupun kes-kes yang tidak dilaporkan di atas sebab-sebab tertentu.

Jadi, saya minta MC di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menyedarkan masyarakat kita, bukan sahaja anak-anak muda yang baru berjinak dengan teknologi ini tetapi yang dewasa juga kerana laporan menunjukkan bahawa angka jenayah digital ini semakin lama semakin meningkat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah yang sempat saya bangkitkan dalam perbahasan ini dan saya yakin bahawa Belanjawan 2013 ini akan dapat dilaksanakan dengan baik bukan disebabkan oleh pilihan raya kerana saya yakin apa juga janji-janji yang dikeluarkan dalam Bajet 2013 ini, boleh dan mampu dilakukan oleh kerajaan pada tahun-tahun yang akan datang. BR1M sebagai contoh, saya yakin kerajaan mampu untuk mengeluarkan BR1M yang lebih daripada RM500 untuk satu individu dalam pengagihan pada masa-masa yang akan datang apabila kita mengubah struktur percukaian negara kita. Kalau hari ini kita melakukan ataupun meningkatkan pendapatan kita melalui *consumption tax*, *tax* penggunaan, kita harus berubah kepada *Good and Services Tax* (GST).

Dalam belanjawan tahun ini sudah nampak sedikit pengenalan ke arah itu di mana cukai individu dikurangkan dan cukai barangan dinaikkan. Kita harus menerima hakikat kita adalah di antara negara yang terakhir yang belum lagi memperkenalkan. Saya berharap, apabila diperkenalkan nanti, janganlah ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan atas tujuan-tujuan tertentu untuk menolak usaha kerajaan memperkenalkan GST kerana GST kebaikannya banyak. Kebaikannya adalah lebih kepada orang ramai. Kita tidak perlu risau kalau lebih daripada 140 buah negara sudah memperkenalkannya 10 tahun yang lepas, 15

tahun yang lepas. Kenapa hari ini? Kita hari ini tidak dapat melakukannya disebabkan oleh faktor-faktor politik. Terus-terang kita cakapkan, terus-terang.

Akan tetapi saya yakin, tahun hadapan kita bersedia untuk mengubahkannya supaya akhirnya rakyat yang perlukan bantuan, rakyat yang memerlukan bantuan, yang layak menerima bantuan akan menerima subsidi ini. Rakyat yang benar-benar susah, rakyat yang tidak kata orang diperberat dengan cukai-cukai yang tidak munasabah sahaja yang akan menerima bantuan ataupun faedah daripada skim GST ini kelak. Jadi kepada semua Ahli Yang Berhormat, yakinlah tahun hadapan, mungkin tahun hadapan ataupun 2014 kita bersedia dengan sistem percukaian baru yang mana kita bayar apabila kita guna dan kita tidak bayar kalau kita tidak guna.

Jadi kepada mereka yang tidak mengguna, dia tidak perlu bayar. Sedangkan mereka yang di luar sana yang mampu, mereka berada di dalam tahap kewangan yang baik, yang tinggi, dia kena bayar lebih. Mereka yang di dalam pihak pengeluaran, yang mengeluarkan, yang mencipta produk, yang memproses produk sebagai contoh, dia kena bayar sebab dia proses, dia mengeluarkan dan kita sebagai pembeli hanya membayar sebagai di hujung proses barangan tersebut.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa GST itu lebih sukar dielak daripada sistem percukaian yang kita amalkan sekarang?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Ya, terima kasih. Sistem GST ini satu sistem yang menyeluruh Yang Berhormat, yang mana ia hanya melibatkan kita apabila kita berada di dalam keadaan tersebut ataupun *stage in the process* tersebut. Kalau kita tidak berada pada ketika yang saya sebutkan tadi, kita tidak perlu bayar. *[Disampuk]* Jadi tidak boleh elak. Semua orang, semua orang! Hari ini penganalisis dunia menegur kita. Kita perlu meningkatkan ataupun memperbaiki dasar fiskal negara.

Itulah sebabnya hari ini, seorang Ahli Yang Berhormat, saya ingat lagi Yang Berhormat Tuan Syed dua hari yang lepas pun mencadangkan supaya kita tingkatkan bilangan mereka yang membayar cukai. So, GST adalah jalan keluarnya dan saya harap Yang Berhormat Tuan Syed pun tidak akan menolak apabila GST ini nanti esok diperkenalkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Agaknya kalau semua Ahli Yang Berhormat boleh cakap macam itu, senang saya. Dia memanfaatkan dan memperkasakan, Dewan kita akan lebih baik lagi. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

**5.09 ptg.**

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Selamat petang dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat. Saya ingin

mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Setelah mengkaji dengan teliti Belanjawan 2013, saya mendapati belanjawan ini begitu komprehensif dan dapat menyentuh setiap sudut keperluan rakyat, mengutamakan kesejahteraan rakyat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Bajet 2013 bertemakan "*Memakmurkan Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati.*"

■1710

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan sesuatu negara adalah sesuatu perkara yang penting sekali. Ini kerana ia akan memberi arah hala tuju ke masa depan dan ia juga menyifatkan *priority* negara daripada segi pembangunan, pembangkitan dan kesejahteraan rakyat. Bajet 2013 memberi keutamaan merangkumi dasar-dasar jangka panjang yang telah diumumkan oleh kerajaan iaitu dengan izin, *Government Transformation Programme* (GTP) dengan *target* NKRA nya dan Program Transformasi Ekonomi yang lebih dikenali sebagai *Economic Transformation Programme* (ETP).

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana buat pertama kalinya mengumumkan skim insurans kumpulan bagi penjaja-penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat. Memanglah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil ini, saya begitu tertarik dengan mereka dan mempunyai tempat di hati saya. Saya dua tahun atau tiga tahun dulu dapat bertemu duga dengan 2,000 peniaga-peniaga kecil di seluruh Malaysia.

Di Malaysia, seperti yang diberi keterangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terdapat lebih kurang 1.5 juta penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil ataupun lebih dikenali sebagai peniaga mikro. Kumpulan ini terdiri daripada semua golongan etnik, Melayu, Cina, India, orang Sabah, Sarawak dan lain-lain. Daripada bilangan ini, untuk kaum India, kita ada lebih kurang 100,000 peniaga-peniaga mikro.

Walaupun bilangannya banyak, perniagaan mikro di Malaysia adalah satu sektor yang begitu *informal*. Antara ciri-ciri *informal* perniagaan ini ialah tidak mempunyai pendaftaran atau tidak memperbaharui lesen pendaftaran, tidak mempunyai akaun bank ataupun jika ada selalunya akaun simpanan nama sendiri tetapi tidak digunakan. Tidak mempunyai rekod aktiviti perniagaan, tidak mempunyai rekod pembelian, tidak mempunyai rekod perbelanjaan, menggunakan wang tunai jualan harian untuk pembelian dan juga perbelanjaan keluarga. Mengerti, tidak mempunyai disiplin di dalam perniagaan.

Kekuatan tenaga yang kecil selalu bergantung kepada anak-anak atau ahli keluarga. Untuk masyarakat kaum India dan saya percaya ia sama juga bagi masyarakat-masyarakat lain. Kebanyakan perniagaan mikro ini mempunyai jumlah dagangan lebih kurang RM6,000 hingga RM8,000 sebulan. Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri di dalam Program Transformasi Ekonomi, kita hendak bawa negara kita ke sebuah negara yang berpendapatan

tinggi. Cabaran utama dalam sektor mikro ialah bagaimana kita boleh meningkatkan perniagaan mereka yang mana jumlah dagangan bulanan boleh mengatasi RM20,000 sebulan.

Jika kita dapat mencapai sasaran ini, ia akan membawa satu impak pergandaan liputan yang besar dengan izin, *multiplier effect* iaitu penambahan pendapatan kepada pemilik mikro dan keluarga. Ia akan memberi peluang pekerjaan kepada sekurang-kurangnya lebih daripada dua orang dan penambahan perniagaan kepada pembekal-pembekal kecil ke perniagaan mikro ini. Pendapatan lebih tinggi keluarga pemilik bererti lebih banyak wang atau kenaikan dengan izin, *disposable income* untuk digunakan setiap bulan oleh keluarga peniaga mikro ini yang akan membawa manfaat kepada pertumbuhan ekonomi domestik.

Walaupun kita tahu, bahawa peniaga-peniaga kecil ini mesti diberi perhatian khas yang mana ia melibatkan begitu ramai orang secara terus. Lebih kurang satu juta orang ataupun secara keseluruhan iaitu tiga juta orang. Akan tetapi setakat ini, tidak ada skim yang dapat dilaksanakan yang boleh membawa manfaat kepada bilangan majoriti kumpulan ini. Satu faktor yang begitu penting, yang selalu menghalang pertumbuhan peniaga-peniaga mikro ialah akses kepada sistem pinjaman perbankan di Malaysia.

Ciri-ciri perniagaan mikro ini begitu *informal* dan ia bukan sesuatu perkara baru. Ciri-ciri ini sudah berada dengan golongan ini untuk bertahun-tahun sejak dua atau tiga generasi dulu dan susah ditukar atau diperbaiki dalam jangka masa pendek. Oleh yang demikian, disebabkan kurang informasi tentang perniagaan, bukti perniagaan dan taraf kewangan rendah pemilik perniagaan mikro, sistem perbankan menjauhkan diri daripada memberi pinjaman kepada sektor ini ataupun susah untuk sektor ini mendapat pinjaman daripada bank-bank swasta mengakibatkan sektor ini masih bertakung di tempat yang sama.

Walaupun bank-bank menyatakan mereka memberi pinjaman-pinjaman mikro tetapi apabila kita mengkaji pinjaman ini, memang bank memberi pinjaman mikro tetapi kebanyakannya berasas kepada pinjaman mikro peribadi terutamanya ke sektor kerajaan, ahli koperatif dan sebagainya yang mana bayaran bulanan hampir terjamin. Ini tidak sama dengan pinjaman ke perniagaan mikro. Saya minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan, berapa banyakkah bank yang memberi pinjaman mikro? Apakah jumlah yang diberikan untuk tahun 2011? Bolehkah kementerian memecahkan pinjaman ini dan menyatakan nilai ataupun jumlah untuk peribadi dan jumlah untuk perniagaan-perniagaan mikro. Kumpulan perniagaan...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Mohon mencelah, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, sila.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih. Saya terpanggil, rasanya saya seronok juga bila melibatkan keadaan pinjaman mikro ini. Sebab kalau kita tengok sekarang dalam situasi yang berlaku sekarang ini, kita tengok terutamanya macam pihak-pihak bank, *depa* sekarang ini saya tengok lebih banyak mempromosikan pinjaman peribadi daripada memperjuangkan hak-hak penjaja-penjaja kecil yang melibatkan pinjaman mikro.

Ini disebabkan kalau tengok daripada segi perimbangan, pinjaman mikro akan melibatkan banyak sangat prasyarat, kadang-kadang sampai membolehkan peniaga itu tidak boleh hendak berniaga lagi, barulah pinjaman itu diluluskan. Akan tetapi kalau kita *based on* pinjaman peribadi tadi, kadang-kadang dalam masa 24 jam, satu hari atau dua hari, benda ini sudah berlaku. Jadi sekarang kita tidak nampak daripada segi konsep yang cuba diperkenalkan oleh pihak bank, semata-mata untuk menjana keuntungan ataupun memang sengaja hendak menganiaya rakyat yang ingin berniaga secara kecil-kecilan. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Baharudin. Memanglah bank-bank swasta keutamaannya ialah mencari keuntungan. Baru-baru ini kita ada pelbagai syarat antarabangsa dan melihat dengan izin, *balance sheet* bank yang mana kita ada *compliance* dengan sistem *Basel III*.

■1720

Jadi bank ini dia takut. Dia tidak mahu pinjam kepada satu sektor dan risikonya tinggi jika risiko itu tinggi nanti rating dia akan turun. Jadi memang bank swasta ini walaupun mereka melaporkan kita meminjam RM1 bilion atau RM2 bilion, ke sektor mikro tetapi bila dikaji betul-betul peratusan ke sektor perniagaan mikro memang kecil. Mungkin 5% atau 10% saya tidak tahu. Itu sebab saya minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Kumpulan peniaga mikro ini juga mempunyai masalah lain. Banyak daripada mereka mempunyai rekod hitam kerana telah membuat pinjaman kecil semasa muda dan tidak mahu atau mampu membayar dan kadang-kadang mereka juga menjadi penjamin dan peminjam tidak mampu membayar atau membayar balik hutangnya. Ini mengakibatkan sektor ini tertinggal daripada menikmati perkembangan ekonomi sewajarnya kerana mereka hanya dapat bergantung kepada pinjaman informal iaitu daripada peminjam-peminjam berlesen dan tidak berlesen yang lebih dikenali sebagai ah long.

Bajet 2013 memperuntukkan jumlah RM300 juta untuk bumiputera dan RM50 juta untuk kaum India di bawah Skim TEKUN untuk pinjaman peniaga-peniaga mikro. Baru-baru ini saya telah menghadiri majlis penyampaian cek oleh TEKUN kepada 350 penerima kaum India. Jumlah amaun yang diberikan untuk semua ialah RM3 juta bererti purata adalah kurang daripada RM9,000 pinjaman kepada setiap peniaga mikro. Kebanyakan mereka telah memohon untuk pinjaman lebih RM30,000.

Saya berpendapat bahawa tidak gunalah kita memberi pinjaman begitu kecil kerana ia tidak akan membawa apa-apa perkembangan kepada perniagaan mikro itu malah wang itu akan digunakan untuk pembelian peribadi mungkin *handphone*, TV, di rumah atau pergi melancong.

Bila wang ini disalahgunakan ia akan mengakibatkan kumpulan ini lebih banyak hutang dan tidak boleh dibayar. Saya minta Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani untuk memberi penjelasan berapa banyakkah pinjaman yang telah diberikan terutama kepada kaum

India dan pecah amaun. Apakah trend pembayaran dan sama ada pihak kementerian memantau penggunaan wang dan sama ada, ada impak pinjaman ini ke atas perniagaan mikro.

Jika kerajaan serius dengan dasar meningkatkan pendapatan rakyat kita mesti mempunyai program sekurang-kurangnya 50% daripada kumpulan ini dibawa ke tahap di mana peniaga-peniaga kecil mempunyai pendapatan lebih daripada RM40,000 setahun sebagai seorang individu.

Ini bererti kita mesti mempunyai program, program yang serius, program yang konkrit dengan izin untuk 750,000 peniaga-peniaga mikro dalam jangka masa 7 tahun supaya sasaran kita dapat dicapai pada tahun 2020 di mana negara kita akan menjadi status negara yang maju. Ini bererti kita mesti mempunyai satu sistem yang boleh dirasai dan meningkatkan perniagaan kepada sekurang-kurangnya 100,000 peniaga mikro tiap-tiap tahun. Saya rasa angka ini tidak mustahil kerana ada ramai peniaga kecil dan mikro yang telah wujud lebih daripada lima tahun ada yang untuk dua generasi yang berhak diberi peluang.

Jika purata sesuatu perniagaan memerlukan RM30,000 untuk memulakan perjalanan perkembangan perniagaan saya mencadangkan kepada kerajaan menyediakan dana sebanyak RM3 bilion untuk sektor ini dengan memperuntukkan RM300 juta untuk sektor kaum India, dan menubuhkan agensi yang fokus ataupun memperkasakan TEKUN untuk menjadi satu agensi yang bukan sahaja memberi pinjaman tetapi membina kapasiti, memantau dan menubuhkan pasaran untuk sektor peniaga-peniaga mikro ini. Saya yakin skim ini akan membawa satu perkembangan ekonomi domestik yang besar sekali dan matlamat polisi ekonomi baru membawa pendapatan tinggi kepada orang ramai dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan SME kaum India juga banyak ketinggalan. Kita tidak dapat bersaing di atas tangga yang sama apabila memohon pinjaman daripada bank-bank swasta. Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah mengisytiharkan pinjaman SME sebanyak RM150 juta untuk SME kaum India yang disalurkan melalui sistem perbankan. Dana ini memang begitu kekurangan kerana ia hanya dapat memberi manfaat kepada tidak melebihi 100 syarikat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada panjang lagi Yang Berhormat? Kalau panjang lagi Yang Berhormat boleh sambung hari Isnin.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Okey, panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau panjang lagi saya fikir Yang Berhormat berhenti dalam satu minit lagi. *You carry on* sambung sampai satu minit selepas itu Yang Berhormat sambung kemudian kerana saya hendak beri ruang kerana ada rakan kita hendak beri sedikit berucap tadi.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Satu minit lagi. Apa yang kita perlukan adalah satu skim jaminan kerajaan. Bajet 2013 mempunyai ciri-ciri seperti ini, untuk bumiputera di mana RM10 bilion diperuntukkan di bawah skim dengan izin, *WCGS (Working Capital*

*Guarantee Scheme*). Jika kita mahu melihat penyertaan atau perkembangan 500 syarikat India. Kita perlukan skim seperti WCGS juga untuk kaum India. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mahu menarik perhatian semua Yang Berhormat bahawa setakat ini seramai 35 orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan nama-nama dan yang telah berucap dan juga tarikh-tarikh yang telah dinyatakan bila hendak berucap. Saya mohon kerjasama ini kerana hendak memberi ruang dan juga menjangkakan masa yang tertentu untuk menjalankan persidangan ini lebih lancar lagi.

Di sini saya ingin menarik perhatian juga bahawa kita akan ada lagi hari Isnin, Selasa dan Rabu dan juga 13 hari bulan tetapi kalau saya nampak kalau trend macam ini 13 hari bulan tidak ada orang sudah. Kalau ada pun seorang atau dua, susah kita hendak beri masa itu. So, saya ingin menyatakan di sini selewat-lewatnya pada hari Isnin saya hendak semua kemukakan tarikh. Nama-nama yang telah memberi nama saya telah catatkan pada hari Isnin ada tujuh orang. Yang Berhormat Chew, Yang Berhormat Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Khairiah, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Datuk Haji Saat Abu, Yang Berhormat Datuk Jamilah, Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

#### ■1730

Pada 11 hari bulan, hari Selasa, Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam Mohd Nor, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, itu pada hari Selasa.

Hari Rabu Yang Berhormat Puan Norliza, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid Ahmad, Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Lain-lain itu saya minta saya bagi ruang sampai hari Isnin kemukakan, mungkin ada yang tidak ada di dalam Dewan ini tolong beritahu.

Kerjasama sangat perlu saya kehendaki kerana memberi ruang kepada semua untuk berucap. Maklum sahajalah setahun sekali, ini tahun yang terakhir. Ada separuh Ahli Yang Berhormat itu mungkin akan tidak bersama kita lagi, yang mungkin akan hendak bertanding dan sebagainya. Maka ini saya amat bersungguh-sungguhlah hendak beri peluanglah kepada semua untuk berucap dan tidak ada masalah.

Juga tanpa membuang masa saya mempersilakanlah Yang Berhormat Ramakrishnan yang juga ingin berucap sedikit sebelum beliau tamatkan tempoh persaraan daripada Dewan ini. Silakan Yang Berhormat.

#### 5.31 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat hormat dan menghargai peluang yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua untuk berucap di Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesti Yang Berhormat mesti, semua sama.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kementerian, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, pegawai-pegawai Parlimen khususnya Setiausaha Dewan Negara, Datuk Zamani dan Setiausaha beliau, 'bentera-bentera' dan semua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara-bentara.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** ...Bentara-bentara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas segala-gala dalam masa tiga tahun yang saya berada di Dewan ini. Saya sangat menghargai pengalaman yang saya dapat daripada perbahasan di Dewan ini. Saya pun menghargai walaupun kita berlainan 'pendapatan', [Disampuk] pendapat *sorry*, tetapi persahabatan masih kuat juga, kita tidak ada gaduh. Macam Dato' Haji Abdul Rahman Bakar kita selalu berbahas tetapi bila kita keluar kita kawan baik. [Tepuk] Jadi ini satu *spirit* yang saya sangat suka dan kenangan ini saya akan ambil balik dengan saya bila keluar.

Saya mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih dan saya harapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat akan berjaya dalam segala usaha di masa depan. [Disampuk] Itu *secret* tidak boleh cakaplah nanti. Terima kasih banyak-banyak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Mewakili seluruh warga atau Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pada ketika ini saya mewakili mereka semua mengucapkan selamat maju jaya kepada Yang Berhormat. Saya pun sedia maklum Yang Berhormat mungkin hendak bertanding, saya tahu pun tempat hendak bertanding itu, mujur-mujur menang. Saya doakan selamat sahaja Yang Berhormat.

Kita inilah sistem demokrasi di Malaysia ini dan juga kepada - sebenarnya yang berakhir bukan sahaja Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan, termasuk juga tadi Yang Berhormat sahabat saya, Datuk Majid dan juga Yang Berhormat Syed Husin. Akan tetapi Yang Berhormat Syed Husin saya dengar dia akan disambung kembali. Kita sama-samalah harapkan.

Inilah menunjukkan bahawa sistem Demokrasi Berparlimen yang kita Ahli Dewan Negara di Malaysia menjalankan satu tanggungjawab yang cukup baik sekali. Kita berbahas dan berbincang untuk kepentingan rakyat dan negara. Inilah contoh-contohnya yang saya harap semoga juga kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, lihatlah bagaimana tunjuk ajar, pelajaran yang patut Yang Berhormat ikuti dan tiru, untuk sama-sama kita manfaatkan dan memperkasakan Dewan yang mulia ini.

Dengan itu saya ambil peluang juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang akan balik ke negeri masing-masing, selamat dalam perjalanan dan jangan lupa datang pada hari Isnin yang akan datang. Sekian, *Wabillahitaufik assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]**